

BAB KETIGA

ANALISIS AL-ṬIBĀQ DALAM AL-QUR'ĀN AL-KARĪM

3.1 Pengenalan

Dalam bab ini, penulis akan melaksanakan analisis ayat-ayat suci mengenai al-Tibāq antara dua kata nama dalam keseluruhan al-Qur'ān al-Karīm mengikut urutan sūrah dan ayat. Dalam masa yang sama, penulis juga akan menentukan ayat Makkīy iaitu ayat yang diturunkan di Mekah dan ayat Madanīy iaitu ayat yang diturunkan di Madinah dengan meletakkannya di akhir terjemahan bagi setiap ayat. Ia bertujuan untuk memudahkan para pembaca mengenal pasti tempat penurunan sesuatu ayat.

3.2 Analisis Al-Ṭibāq Dalam Sūrah Al-Baqarah

1. Firman Allah Ta'ālā :

قَالُوا إِنَّمَا نحنُ مُصْلِحُونَ ﴿١١﴾ أَلَا إِنَّهُمْ هُمُ الْمُفْسِدُونَ وَلَكِن لَّا يَشْعُرُونَ

Maksudnya : Mereka berkata: " Sesungguhnya kami (orang munafik) adalah orang-orang yang hanya membuat kebaikan ". Ketahuilah! Sesungguhnya mereka itulah orang-orang yang sebenarnya membuat kerosakan (keburukan), tetapi mereka tidak menyedarinya. (Madanīy)

Sūrah al-Baqarah : (2) : 11-12

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (مُصْلِحُونَ) yang maksud orang yang melakukan kebaikan adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْمُفْسِدُونَ) yang bererti orang yang melakukan kerosakan (keburukan).

2. Firman Allah Ta'ālā :

أُولَئِكَ الَّذِينَ اشْتَرُوا الضَّلَالََةَ بِالْهُدَى

Maksudnya : Mereka itulah orang-orang yang membeli (mengambil) kesesatan dengan menjual petunjuk (kebenaran). (Madanīy)

Sūrah al-Baqarah : (2) : 16

Berpandukan ayat di atas, kita mendapati kata nama (الْهُدَى) yang bererti petunjuk adalah berlawanan makna dengan kata nama (الضَّلَالَةُ) yang bermakna kesesatan. Di samping itu, kita mendapati ungkapan pembelian kesesatan dan penjualan hidayah adalah berbentuk kiasan kerana ia tidak mungkin berlaku dalam bentuk hakiki.

3. Firman Allah Ta‘ālā :

الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ فِرَاشًا وَالسَّمَاءَ بِنَاءً

Maksudnya : (Tuhan) yang menciptakan bagi mu bumi sebagai hamparan dan langit sebagai atap. (Madanīy)

Sūrah al-Baqarah : (2) : 22

Daripada ayat di atas, kita dapat menanggapi bahawa perkataan (بِنَاءً) itu membawa makna ketinggian. Jadi, ia bertentangan dengan perkataan (فِرَاشًا) yang membawa maksud sesuatu yang berada di bawah.

4. Firman Allah Ta‘ālā :

هُوَ الَّذِي خَلَقَ لَكُمْ مَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا ثُمَّ أَسْتَوَىٰ إِلَى السَّمَاءِ

Maksudnya : Dia lah Tuhan yang menjadikan segala yang ada di bumi untuk kamu, kemudian ia menuju dengan kehendak Nya ke arah langit. (Madanīy)

Sūrah al-Baqarah : (2) : 29

Penelitian terhadap ayat di atas akan menunjukkan kepada kita bahawa kata nama (الْأَرْضُ) yang membawa pengertian bumi adalah antonim kepada kata nama (السَّمَاءُ) yang bermaksud langit.

5. Firman Allah Ta'ālā :

قَالَ أَلَمْ أَقُلْ لَكُمْ إِنِّي أَعْلَمُ غَيْبَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ

Maksudnya : *Allah berfirman: "Bukankah Aku telah katakan kepada kamu bahawa Aku mengetahui segala rahsia langit dan bumi. (Madanīy)*

Sūrah al-Baqarah : (2) :33

Berpandukan kepada misal di atas, kita dapat menghayati bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi.

6. Firman Allah Ta'ālā :

وَلَا تَلْبِسُوا الْحَقَّ بِالْبَاطِلِ وَتَكْتُمُوا الْحَقَّ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Maksudnya : *Janganlah kamu mencampuradukkan kebenaran dengan kebatilan dan kamu menyembunyikan kebenaran itu sedangkan kamu mengetahuinya. (Madanīy)*

Sūrah al-Baqarah : (2) : 42

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (الْحَقُّ) yang membawa maksud kebenaran adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْبَاطِلُ) yang bererti kebatilan.

7. Firman Allah Ta'ālā :

أَلَمْ تَعْلَمْ أَنَّ اللَّهَ لَهُ مُلْكُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ

Maksudnya : *Apakah engkau tidak mengetahui sesungguhnya Allah menguasai kerajaan langit dan bumi. (Madanīy)*

Sūrah al-Baqarah : (2) :107

Bersumberkan contoh di atas, kita dapat melihat bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi.

8. Firman Allah Ta'ālā :

وَمَنْ يَتَّبِدْ أَلْكُفْرَ بِالْإِيمَانِ فَقَدْ ضَلَّ سَوَاءَ السَّبِيلِ

Maksudnya : *Sesiapa yang menukar iman dengan mengambil kekufuran, Sesungguhnya ia telah sesat dari jalan yang lurus.* (Madaniy)

Sūrah al-Baqarah : (2) :108

Melalui pemerhatian ke atas contoh tersebut, kita memahami bahawa kata nama (الكُفْر) yang membawa maksud kekufuran adalah berlawanan makna dengan kata nama (الإِيمَان) yang bererti keimanan.

9. Firman Allah Ta'ālā :

وَدَّ كَثِيرٌ مِّنْ أَهْلِ الْكِتَابِ لَوْ يَرُدُّونَكُمْ مِن بَعْدِ إِيمَانِكُمْ كُفَّارًا حَسَدًا مِّنْ عِنْدِ
أَنْفُسِهِمْ مِّنْ بَعْدِ مَا تَبَيَّنَ لَهُمُ الْحَقُّ

Maksudnya : *Ramai di kalangan ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) menyukai sekiranya mereka dapat mengembalikan kamu menjadi kafir setelah kamu beriman kerana dengki yang timbul dari diri mereka sendiri sesudah nyata kepada mereka kebenaran (Nabi Muhammad s.a.w).* (Madaniy)

Sūrah al-Baqarah : (2) : 109

Berdasarkan ayat di atas, kita dapat menanggapi bahawa kata nama (إِيْمَانُكُمْ) yang bermaksud keimanan kamu adalah bertentangan makna dengan kata nama (كُفَّار) yang membawa pengertian orang kafir.

10. Firman Allah Ta'ālā :

وَلِلَّهِ الْمَشْرِقُ وَالْمَغْرِبُ ۚ فَأَيُّمَا تُوَلُّوا فَثَمَّ وَجْهُ اللَّهِ

Maksudnya : *Allah jualah yang memiliki timur dan barat. Oleh itu, ke mana sahaja kamu arahkan diri (ke kiblat untuk mengadap Allah) maka di situlah arah yang direcai Allah.* (Madaniy)

Sūrah al-Baqarah : (2) :115

Daripada ayat di atas, kita memahami bahawa kata nama (الْمَشْرِقُ) yang membawa maksud timur adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْمَغْرِبُ) yang bererti barat.

11. Firman Allah Ta'ālā :

بَلْ لَهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ كُلُّ لَّهُ قَانُونَ

Maksudnya : *Bahkan Dia (Allah) yang memiliki segala apa yang di langit dan di bumi. Semuanya tunduk di bawah kekuasaan Nya.* (Madaniy)

Sūrah al-Baqarah : (2) : 116

Berpaksikan kepada contoh di atas, kita dapat memahami bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi.

12. Firman Allah Ta'ālā :

بَدِيعُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَإِذَا قَضَىٰ أَمْرًا فَإِنَّمَا يَقُولُ لَهُ كُنْ فَيَكُونُ

Maksudnya : *(Allah) yang menciptakan langit dan bumi (dengan Segala keindahannya). Apabila Dia memutuskan sesuatu perkara, Dia hanya berfirman: "Jadilah engkau!" lalu menjadilah ia.* (Madaniy)

Sūrah al-Baqarah : (2) : 117

Daripada spesimen di atas, kita dapat menyelami bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah antonim kepada kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi.

13. Firman Allah Ta‘ālā :

إِنَّا أَرْسَلْنَاكَ بِالْحَقِّ بَشِيرًا وَنَذِيرًا وَلَا تُسْئَلُ عَنْ أَصْحَابِ الْجَحِيمِ

Maksudnya : *Sesungguhnya Kami telah mengutuskan engkau (Wahai Muhammad) sebagai pembawa khabar gembira (kepada orang-orang yang beriman) dan pembawa amaran (kepada orang-orang yang ingkar). (Setelah Engkau sampaikan semuanya itu), engkau tidak akan disoal (bertanggungjawab) tentang ahli neraka. (Madaniy)*

Sūrah al-Baqarah : (2) : 119

Berasaskan kepada spesimen tersebut, kita dapat memahami bahawa kata nama (بَشِيرٌ) yang membawa pengertian pembawa khabar gembira adalah berlawanan makna dengan kata nama (نَذِيرٌ) yang bermakna pembawa amaran.

14. Firman Allah Ta‘ālā :

قُلْ لِلَّهِ الْمَشْرِقُ وَالْمَغْرِبُ يَهْدِي مَنْ يَشَاءُ إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ

Maksudnya : *Katakanlah (Wahai Muhammad): "Timur dan barat adalah kepunyaan Allah (maka ke pihak mana sahaja kita diarahkan Allah menghadapnya, wajiblah kita mematuhi Nya). Allah yang memberikan petunjuk hidayah Nya kepada sesiapa yang dikehendaki Nya ke jalan yang lurus". (Madaniy)*

Sūrah al-Baqarah : (2) : 142

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (الْمَشْرِقُ) yang membawa maksud timur adalah bertentangan makna dengan kata nama (الْمَغْرِبُ) yang bererti barat.

15. Firman Allah Ta‘ālā :

وَلَا تَقُولُوا لِمَنْ يُقْتَلُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَمُوتَ بَلْ أَحْيَاءٌ وَلَٰكِن لَّا تَشْعُرُونَ

Maksudnya : *janganlah kamu mengatakan (bahawa) sesiapa yang terbunuh dalam perjuangan membela agama Allah itu mati bahkan mereka itu hidup (dengan keadaan hidup yang istimewa) tetapi kamu tidak menyedarinya. (Madaniy)*

Sūrah al-Baqarah : (2) : 154

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (**أَمْوَاتٌ**) yang membawa maksud orang mati adalah berlawanan makna dengan kata kerja (**أَحْيَاءٌ**) yang bererti orang hidup.

16. Firman Allah Ta‘ālā :

وَتَصْرِيفِ الرِّيحِ وَالسَّحَابِ الْمُسَخَّرِ بَيْنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ

Maksudnya : *Demikian juga pada peredaran angin dan awan yang tunduk (kepada kekuasaan Allah) terapung-apung di antara langit dan bumi.* (Madanīy)

Sūrah al-Baqarah : (2) :164

Berpandukan kepada misal di atas, kita dapat merenungi bahawa kata nama (**السَّمَاءُ**) yang membawa maksud langit adalah antonim kepada kata nama (**الْأَرْضُ**) yang bererti bumi.

17. Firman Allah Ta‘ālā :

أُولَئِكَ الَّذِينَ اشْتَرُوا الضَّلَالََةَ بِالْهُدَىٰ وَالْعَذَابَ بِالْمَغْفِرَةِ

Maksudnya : *Mereka itulah orang-orang yang membeli kesesatan dengan meninggalkan petunjuk (agama Allah) dan (membeli) seksaan neraka dengan meninggalkan keampunan Tuhan.* (Madanīy)

Sūrah al-Baqarah : (2) : 175

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (**الضَّلَالَةُ**) yang membawa maksud kesesatan adalah antonim kepada kata nama (**الهُدَىٰ**) yang bererti petunjuk.

18. Firman Allah Ta‘ālā :

لَيْسَ الْبِرَّ أَنْ تُوَلُّوا وُجُوهَكُمْ قِبَلَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ

Maksudnya : *Bukanlah perkara kebajikan itu hanya kamu menghadapkan muka ke pihak timur dan barat. (Madanīy)*

Sūrah al-Baqarah : (2) : 177

Bersumberkan contoh yang diutarakan di atas, kita dapat menghayati bahawa kata nama (الْمَشْرِقُ) yang bermaksud timur adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْمَغْرِبُ) yang membawa pengertian barat.

19. Firman Allah Ta‘ālā :

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الْقِصَاصُ فِي الْقَتْلِ ط الْحُرُّ بِالْحُرِّ وَالْعَبْدُ بِالْعَبْدِ وَالْأُنثَىٰ بِالْأُنثَىٰ

Maksudnya : *Wahai orang-orang yang beriman! Diwajibkan kamu menjalankan hukuman "Qisas" (balasan yang seimbang) dalam perkara orang-orang yang mati dibunuh iaitu orang merdeka dengan orang merdeka, hamba dengan hamba dan perempuan dengan perempuan.*

Sūrah al-Baqarah : (2) : 178

Berpaksikan kepada contoh di atas, kita mampu menerobos bahawa kata nama (الْحُرُّ) yang membawa maksud orang merdeka adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْعَبْدُ) yang bererti hamba sahaya.

20. Firman Allah Ta‘ālā :

وَلَكُمْ فِي الْقِصَاصِ حَيٰوةٌ

Maksudnya : *Bagi mu peraturan qisas itu adalah suatu kehidupan.*

Sūrah al-Baqarah : (2) : 179

Daripada ayat di atas, kita dapat memahami bahawa *qiṣāṣ* (الْقِصَاصُ) pada zahirnya bermaksud pembunuhan balas secara sistem keadilan Islam. Namun begitu, jika diteliti secara mendalam, ia mengandungi pengertian kematian. Justeru itu, perkataan tersebut berlawanan makna dengan perkataan (حَيَاةٌ) yang bererti kehidupan.

21. Firman Allah Ta‘ālā :

يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمْ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمْ الْعُسْرَ

Maksudnya : *Allah menghendaki kamu beroleh kesenangan dan tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran.* (Madaniy)

Sūrah al-Baqarah : (2) : 185

Melalui pemerhatian ke atas contoh tersebut, kita dapat menanggapi bahawa kata nama (الْيُسْرَ) yang membawa maksud kesenangan adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْعُسْرَ) yang bererti kesusahan.

22. Firman Allah Ta‘ālā :

وَكُلُوا وَاشْرَبُوا حَتَّىٰ يَتَبَيَّنَ لَكُمُ الْخَيْطُ الْأَبْيَضُ مِنَ الْخَيْطِ الْأَسْوَدِ مِنَ الْفَجْرِ

Maksudnya : *Makanlah serta minum lah sehingga nyata kepada kamu benang putih (cahaya siang) daripada benang hitam (kegelapan malam).* (Madaniy)

Sūrah al-Baqarah : (2) : 187

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (الْأَبْيَضُ) yang membawa maksud putih adalah bertentangan makna dengan kata nama (الْأَسْوَدُ) yang bererti hitam.

23. Firman Allah Ta‘ālā :

فَمَرِبَ النَّاسِ مَنْ يَقُولُ رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا وَمَا لَهُ فِي الْآخِرَةِ مِنْ خَلْقٍ

Maksudnya : Terdapat di kalangan manusia yang (berdoa dengan) berkata: "Wahai Tuhan kami! berilah kami (kebaikan) di dunia". (Orang-orang ini diberikan kebaikan di dunia) dan tidak ada baginya sedikit pun (kebaikan) di akhirat. (Madanīy)

Sūrah al-Baqarah : (2) : 200

Penelitian terhadap ayat di atas akan menunjukkan kepada kita bahawa kata nama (الدُّنْيَا) yang membawa maksud dunia adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْآخِرَةُ) yang bererti akhirat.

24. Firman Allah Ta‘ālā :

وَمَنْهُمْ مَنْ يَقُولُ رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

Maksudnya : Terdapat di kalangan mereka pula yang (berdoa dengan) berkata: "Wahai Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat dan peliharalah kami dari azab api neraka". (Madanīy)

Sūrah al-Baqarah : (2) : 201

Berdasarkan ayat di atas, kita memahami bahawa kata nama (الدُّنْيَا) yang membawa maksud dunia adalah antonim kepada kata nama (الْآخِرَةُ) yang bererti akhirat.

25. Firman Allah Ta‘ālā :

كَانَ النَّاسُ أُمَّةً وَاحِدَةً فَبَعَثَ اللَّهُ النَّبِيِّنَ مُبَشِّرِينَ وَمُنذِرِينَ

Maksudnya : (Pada mulanya) Manusia itu adalah umat yang satu (menurut agama Allah yang satu tetapi setelah mereka berselisihan), Allah mengutuskan nabi-nabi sebagai pemberi khabar gembira (kepada orang-orang beriman dengan balasan syurga) dan pemberi amaran (kepada orang-orang ingkar dengan balasan azab neraka). (Madanīy)

Sūrah al-Baqarah : (2) : 213

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (مُبَشِّرِينَ) yang bermaksud pemberi khabar gembira adalah berlawanan makna dengan kata nama (مُنْذِرِينَ) yang membawa pengertian pemberi amaran.

26. Firman Allah Ta'ālā :

وَعَسَىٰ أَنْ تَكْرَهُوا شَيْئًا وَهُوَ خَيْرٌ لَّكُمْ وَعَسَىٰ أَنْ تُحِبُّوا شَيْئًا وَهُوَ شَرٌّ لَّكُمْ

Maksudnya : *Boleh jadi perkara yang kamu suka itu buruk bagi kamu dan boleh jadi perkara yang kamu benci itu baik bagi kamu.*

Sūrah al-Baqarah : (2) : 216

Berasaskan kepada spesimen tersebut, kita memahami bahawa kata kerja (خَيْرٌ) yang membawa maksud kebaikan adalah berlawanan makna dengan kata kerja (شَرٌّ) yang bererti tidak keburukan.

27. Firman Allah Ta'ālā :

فَأُولَٰئِكَ حَبِطَتْ أَعْمَالُهُمْ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ

Maksudnya : *Mereka itulah orang-orang yang rosak binasa amalan baiknya di dunia dan di akhirat. (Madaniy)*

Sūrah al-Baqarah : (2) : 217

Daripada spesimen di atas, kita dapat menyelami bahawa kata nama (الدُّنْيَا) yang membawa maksud dunia adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْآخِرَةِ) yang bererti akhirat.

28. Firman Allah Ta'ālā :

قُلْ فِيهِمَا إِتْمٌ كَبِيرٌ وَمَنْفَعٌ لِلنَّاسِ وَإِنَّهُمَا أَكْبَرُ مِنْ نَفْعِهِمَا

Maksudnya : *Katakanlah (Wahai Muhammad): "Pada keduanya (arak dan judi) terdapat dosa besar dan terdapat beberapa manfaat bagi manusia. Namun dosa keduanya lebih besar daripada manfaatnya.* (Madaniy)

Sūrah al-Baqarah : (2) : 219

Berpendukan ayat di atas, kita dapat menghayati bahawa kata nama (*إِتْمٌ*) yang membawa maksud dosa adalah bertentangan makna dengan kata nama (*مَنْفَعٌ*) yang bererti manfaat. Jika kita meneliti secara lebih mendalam, pasti kita setiap manfaat akan mendapat pahala.

29. Firman Allah Ta'ālā :

فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الْيَتَامَىٰ قُلْ إِصْلَاحٌ لَهُمْ خَيْرٌ وَإِنْ تُخَالِطُوهُمْ فَإِحْوَانُكُمْ
وَاللَّهُ يَعْلَمُ الْمُفْسِدَ مِنَ الْمُصْلِحِ

Maksudnya : *Mengenai (urusan-urusan kamu) di dunia dan di akhirat. Mereka bertanya lagi kepada mu (Wahai Muhammad), mengenai (masalah) anak-anak yatim. Katakanlah: "Memperbaiki keadaan (berbuat baik) anak-anak yatim itu terlebih elok amalannya. Sekiranya kamu bergaul rapat dengan mereka, pasti mereka menjadi saudara kamu. Allah mengetahui orang yang melakukan keburukan (kerusakan pada harta benda mereka) daripada orang yang hendak melakukan keelokan (kebaikan)." (Madaniy)*

Sūrah al-Baqarah : (2) : 220

Berpaksikan kepada contoh di atas, kita dapat merenungi bahawa kata nama (*الدُّنْيَا*) yang bermaksud dunia adalah berlawanan makna dengan kata nama (*الْآخِرَةُ*) yang bererti akhirat. Di samping itu, kita juga mendapati kata nama (*الْمُفْسِدُ*) yang

membawa maksud orang yang melakukan keburukan (kerusakan) adalah antonim kepada kata nama (الْمُصْلِحُ) yang bererti orang yang melakukan kebaikan.

30. Firman Allah Ta‘ālā :

وَلَا تَنْكِحُوا الْمُشْرِكَةَ حَتَّىٰ تُؤْمِنَ ۚ وَلَا مُمِنَةٌ حَيْرٌ مِّنْ مُّشْرِكَةٍ وَلَا أَعَجَبَتْكُمْ وَلَا تُنْكِحُوا الْمُشْرِكِينَ حَتَّىٰ يُؤْمِنُوا ۚ وَلَعَبْدٌ مُّؤْمِنٌ خَيْرٌ مِّنْ مُّشْرِكٍ وَلَا أَعْجَبَكُمْ أُولَٰئِكَ يَدْعُونَ إِلَى النَّارِ ۗ وَاللَّهُ يَدْعُو إِلَى الْجَنَّةِ وَالْمَغْفِرَةِ بِإِذْنِهِ ۗ

Maksudnya : *Janganlah kamu mengahwini perempuan-perempuan musyrik sebelum mereka beriman (memeluk agama Islam). Sesungguhnya seorang hamba perempuan ang beriman itu lebih baik daripada perempuan musyrik walaupun ia mengagumkan (menambat hati) kamu (Madanīy)*

Sūrah al-Baqarah : (2) : 221

Berpandukan kepada misal di atas, kita memahami bahawa kata nama (مُؤْمِنَةٌ) yang membawa maksud perempuan beriman adalah berlawanan makna dengan kata nama (مُشْرِكَةٌ) yang bererti perempuan musyrik. Selain itu, kita juga dapat menghayati bahawa kata nama (النَّارِ) yang membawa maksud neraka adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْجَنَّةِ) yang bererti syurga.

31. Firman Allah Ta‘ālā :

الطَّلُقُ مَرَّتَانٍ ۖ فَأَمَّا كُفُؤًا بِمَعْرُوفٍ أَوْ تَسْرِيحًا بِإِحْسَانٍ

Maksudnya : *Talak itu (yang boleh dirujuk) hanya dua kali. (Sesudah itu) bolehlah ia memegang terus (merujuk isterinya) dengan cara yang sepatutnya atau melepaskan (menceraikannya) dengan cara yang baik. (Madanīy)*

Sūrah al-Baqarah : (2) : 229

Daripada spesimen di atas, kita dapat menanggapi bahawa kata nama (اِمْسَاك) yang membawa maksud memegang tali perkahwinan adalah berlawanan makna dengan kata nama (تَسْرِيح) yang bererti melepaskan tali perkahwinan.

32. Firman Allah Ta'ālā :

كَمْ مِّن فِئَةٍ قَلِيلَةٍ غَلَبَتْ فِئَةً كَثِيرَةً بِإِذْنِ اللَّهِ

Maksudnya : *Betapa banyak (pernah terjadi) golongan yang sedikit berjaya menewaskan golongan yang banyak dengan izin Allah. (Madanīy)*
Sūrah al-Baqarah : (2) : 249

Bersumberkan contoh di atas, kita memahami bahawa kata nama (قَلِيلَةٌ) yang bermaksud sedikit adalah bertentangan makna dengan kata nama (كَثِيرَةٌ) yang membawa pengertian banyak.

33. Firman Allah Ta'ālā :

لَهُ مَا فِي السَّمٰوٰتِ وَمَا فِي الْاَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ اِلَّا بِاِذْنِهٖ ۗ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ اَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ ۗ وَلَا يُحِيطُوْنَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهٖ اِلَّا بِمَا شَاءَ ۗ وَسِعَ كُرْسِيُّهُ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضَ ۗ وَلَا يَـُٔودُهٗ ۗ حِفْظُهُمَا

Maksudnya : *Dia (Allah) tidak merasa mengantuk dan tidak tidur. Dia memiliki segala apa yang ada di langit dan di bumi. Siapakah yang dapat memberi syafaat di sisi Allah tanpa keizinan Nya? Allah mengetahui segala apa yang di hadapan mereka dan di belakang mereka dan mereka tidak mengetahui apa-apa dari ilmu Allah melainkan apa yang dikehendaki-Nya. Kursi Allah (pengetahuan dan kekuasaan Nya) meliputi langit dan bumi dan ia tidak merasa berat (terbeban) bagi menjaga keduanya.. (Madanīy)*

Sūrah al-Baqarah : (2) : 255

Berdasarkan kepada ayat di atas, kita mampu menerobos bahawa terdapat dua posisi kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah antonim kepada kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi.

34. Firman Allah Ta‘ālā :

لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ قَدْ تَبَيَّنَ الرُّشْدُ مِنَ الْغَيِّ

Maksudnya : *Tidak ada paksaan dalam agama (Islam) kerana telah nyata kebenaran (Islam) berbanding kesesatan (kufur).* (Madanīy)

Sūrah al-Baqarah : (2) : 256

Daripada spesimen di atas, kita mendapati bahawa kata nama (الرُّشْدُ) yang membawa maksud kebenaran adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْغَيِّ) yang bererti kesesatan.

35. Firman Allah Ta‘ālā :

اللَّهُ وَلِيُّ الَّذِينَ ءَامَنُوا يُخْرِجُهُم مِّنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ

Maksudnya : *Allah adalah pelindung (mengawal dan menolong) orang-orang yang beriman. Dia mengeluarkan mereka dari kegelapan (kekufuran) kepada cahaya (keimanan).* (Madanīy)

Sūrah al-Baqarah : (2) : 257

Melalui pemerhatian ke atas contoh tersebut, kita memahami bahawa partikel (الظُّلُمَاتُ) yang membawa maksud kegelapan adalah berlawanan makna dengan partikel (النُّورُ) yang bererti cahaya.

36. Firman Allah Ta‘ālā :

قَالَ إِنِّي أَنبَأْتُ اللَّهَ يَأْتِي بِالشَّمْسِ مِنَ الْمَشْرِقِ فَأْتِ بِهَا مِنَ الْمَغْرِبِ

Maksudnya : *Nabi Ibrahim berkata lagi: " Sesungguhnya Allah menerbitkan matahari dari timur, oleh itu terbitkan lah ia dari barat.* (Madanīy)

Sūrah al-Baqarah : (2) : 258

Daripada spesimen di atas, kita dapat menyelami bahawa kata nama (الْمَشْرِقُ) yang membawa maksud timur adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْمَغْرِبُ) yang bererti barat.

37. Firman Allah Ta'ālā :

الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ بِاللَّيْلِ وَالنَّهَارِ سِرًّا وَعَلَانِيَةً

Maksudnya : *Orang-orang yang menafkahkan hartanya pada waktu malam dan siang sama ada secara sulit ataupun secara terang-terangan.* (Madaniy)

Sūrah al-Baqarah : (2) : 274

Berpandukan contoh di atas, kita mendapati kata nama (اللَّيْلُ) yang bererti malam adalah berlawanan makna dengan kata nama (النَّهَارُ) yang bermakna siang hari. Begitu juga kata nama (سِرًّا) yang bererti secara sulit adalah antonim kepada kata nama (عَلَانِيَةً) yang bermakna secara terang-terangan..

38. Firman Allah Ta'ālā :

قَالُوا إِنَّمَا الْبَيْعُ مِثْلُ الرِّبَا وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا

Maksudnya : *Mereka mengatakan: " sesungguhnya jual beli itu sama sahaja seperti riba". Allah telah menghalalkan jual-beli (perniagaan) dan mengharamkan riba.* (Madaniy)

Sūrah al-Baqarah : (2) : 275

Berpandukan kepada misal di atas, kita dapat menghayati bahawa kata nama (الرِّبَا) yang bermaksud jual-beli adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْبَيْعُ) yang membawa pengertian riba.

39. Firman Allah Ta‘ālā :

وَإِنْ كَانَتْ دُوْعُسْرَةٍ فَنَظِرَةٌ إِلَى مَيْسَرَةٍ وَأَنْ تَصَدَّقُوا خَيْرٌ لَّكُمْ

Maksudnya : *Sekiranya ia (orang yang berhutang) berada dalam kesempitan, berilah tempoh sehingga ia mempunyai kelapangan. (Sebaliknya) jika kamu sedekahkan (hutangnya) ia adalah lebih baik bagi kamu. (Madanīy)*

Sūrah al-Baqarah : (2) : 280

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (عُسْرَةٌ) yang bermaksud kesempitan hidup adalah bertentangan makna dengan kata nama (مَيْسَرَةٌ) yang membawa pengertian kelapangan hidup.

40. Firman Allah Ta‘ālā :

وَلَا تَسْتَمُوا أَنْ تَكْتُبُوهُ صَغِيرًا أَوْ كَبِيرًا إِلَىٰ أَجَلِهِ

Maksudnya : *Janganlah kamu merasa jemu menulis hutang itu sama ada kecil ataupun besar jumlahnya sehingga tamat tempoh yang dijanjikan. (Madanīy)*

Sūrah al-Baqarah : (2) : 282

Berdasarkan ayat di atas, kita memahami bahawa kata nama (صَغِيرٌ) yang membawa maksud kecil adalah berlawanan makna dengan kata nama (كَبِيرٌ) yang bererti besar.

41. Firman Allah Ta‘ālā :

لِلَّهِ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ

Maksudnya : *Segala apa yang ada di langit dan apa yang ada di bumi adalah kepunyaan Allah. (Madanīy)*

Sūrah al-Baqarah : (2) : 284

Daripada spesimen yang diutarakan di atas, kita dapat menanggapi bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi.

3.3 Analisis Al-Ṭibāq Dalam Sūrah Āl ‘Imrān

1. Firman Allah Ta‘ālā :

تُولِجُ اللَّيْلَ فِي النَّهَارِ وَتُولِجُ النَّهَارَ فِي اللَّيْلِ ۗ وَتُخْرِجُ الْحَيَّ مِنَ الْمَيِّتِ وَتُخْرِجُ الْمَيِّتَ مِنَ الْحَيِّ ۗ

Maksudnya : *Engkau (Allah) memasukkan malam ke dalam siang dan memasukkan siang ke dalam malam. Engkau mengeluarkan yang hidup daripada yang mati dan mengeluarkan yang mati daripada yang hidup.*

Sūrah Āl ‘Imrān : (3) : 27

Berpandukan contoh di atas, kita mendapati dua posisi kata nama (اللَّيْلُ) yang bererti malam antonim kepada kata nama (النَّهَارُ) yang bermakna siang. Begitu juga perkataan (الْحَيِّ) yang membawa pengertian orang yang hidup adalah antonim kepada perkataan (الْمَيِّتِ) yang bermakna orang yang mati.

2. Firman Allah Ta‘ālā :

وَيَعْلَمُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ

Maksudnya : *Dia mengetahui segala apa yang ada di langit dan apa yang ada di bumi. (Madaniy)*

Sūrah Āl ‘Imrān : (3) : 29

Bersumberkan contoh di atas, kita dapat merenungi bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi.

3. Firman Allah Ta‘ālā :

وَاللَّهُ أَعْلَمُ بِمَا وَضَعْتَ وَلَيْسَ الذَّكَرُ كَالْأُنثَىٰ

Maksudnya : *Allah mengetahui apa yang dilahirkan itu dan memanglah anak lelaki tidak sama dengan anak perempuan.* (Madanīy)

Sūrah Āl ‘Imrān : (3) : 36

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (الذَّكَر) yang bermaksud lelaki adalah berlawanan makna dengan kata nama (الأُنثَى) yang membawa pengertian perempuan.

4. Firman Allah Ta‘ālā :

وَاذْكُرْ رَبَّكَ كَثِيرًا وَسَبِّحْ بِالْعَشِيِّ وَالْإِبْكَارِ

Maksudnya : *Ingatlah kepada Tuhan mu (dengan berzikir) banyak-banyak, dan bertasbih lah memuji Allah (dengan mengerjakan sembahyang) pada waktu malam dan waktu pagi".* (Madanīy)

Sūrah Āl ‘Imrān : (3) : 41

Berasaskan kepada spesimen tersebut, kita dapat menghayati bahawa kata nama (الْعَشِيِّ) yang membawa maksud waktu malam adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْإِبْكَارِ) yang bererti waktu pagi. Jika kita memperhalus maksud sebenar kata nama (الْإِبْكَارِ), ia membawa pengertian waktu siang.

5. Firman Allah Ta‘ālā :

وَيُكَلِّمُ النَّاسَ فِي الْمَهْدِ وَكَهْلًا وَمِنَ الصَّالِحِينَ

Maksudnya : *Dia akan berkata-kata kepada orang ramai semasa dalam buaian (masih bayi) dan semasa dewasa serta dia adalah daripada golongan orang-orang soleh.* (Madanīy)

Sūrah Āl ‘Imrān : (3) : 46

Daripada spesimen di atas, kita mampu menerobos bahawa kata nama (الْمَهْدُ) yang membawa maksud masa dalam buaian adalah berlawanan makna dengan kata nama (كَهْلٌ) yang bererti masa dewasa.

6. Firman Allah Ta‘ālā :

فَأَمَّا الَّذِينَ كَفَرُوا فَأَعَذِبْنَاهُمْ عَذَابًا شَدِيدًا فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ

Maksudnya : *Manakala orang-orang kafir, pasti Aku (Allah) akan menyiksa mereka dengan azab yang amat berat di dunia dan di akhirat.* (Madaniy)

Sūrah Āl ‘Imrān : (3) :56

Berpandukan kepada misal di atas, kita mendapati kata nama (الدُّنْيَا) yang membawa maksud dunia adalah bertentangan makna dengan kata nama (الْآخِرَةِ) yang bererti akhirat.

7. Firman Allah Ta‘ālā :

يٰٓأَهْلَ الْكِتَابِ لِمَ تَلْبُسُونَ الْحَقَّ بِالْبَاطِلِ وَتَكْتُمُونَ الْحَقَّ

Maksudnya : *Wahai ahli Kitab! Mengapa kamu mencampuradukkan kebenaran dengan kebatilan dan menyembunyikan kebenaran.* (Madaniy)

Sūrah Āl ‘Imrān : (3) : 71

Daripada spesimen di atas, kita dapat menghayati bahawa kata nama (الْحَقُّ) yang membawa maksud kebenaran adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْبَاطِلُ) yang bererti kebatilan.

8. Firman Allah Ta‘ālā :

أَيُّكُمْ بِالْكَفْرِ بَعْدَ إِذْ أَنْتُمْ مُسْلِمُونَ

Maksudnya : *Patut kah ia menyuruh kamu dengan kekufuran sesudah kamu menjadi orang Islam ?* (Madaniy)

Sūrah Āl ‘Imrān : (3) : 80

Penelitian terhadap ayat di atas akan menunjukkan kepada kita bahawa kata nama (الْكُفْر) yang membawa maksud kekufuran adalah antonim kepada kata nama (مُسْلِمُونَ) yang bererti orang Islam. Jika kita pergi lebih jauh, orang Islam pasti membawa pengertian keimanan (الْإِيمَانُ). Justeru itu, ia merupakan antonim kepada kata nama (الْكُفْر).

9. Firman Allah Ta‘ālā :

أَفَغَيْرَ دِينِ اللَّهِ يَبْتَغُونَ وَلَهُمْ أَسْلَمَ مَنْ فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ طَوْعًا وَكَرْهًا

Maksudnya : *Apakah wajar mereka mencari selain daripada agama Allah sedangkan sekalian makhluk Yang ada di langit dan di bumi tunduk kepada Nya sama ada secara sukarela ataupun terpaksa.* (Madaniy)

Sūrah Āl ‘Imrān : (3) : 83

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi. Begitu juga dengan kata nama (طَوْعًا) yang membawa maksud pengharapan adalah berlawanan makna dengan kata nama (كَرْهًا) yang bererti ketakutan.

10. Firman Allah Ta‘ālā :

إِنْ تُطِيعُوا فَرِيقًا مِّنَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ يَرُدُّوكُمْ بَعْدَ إِيمَانِكُمْ كَافِرِينَ

Maksudnya : *Sekiranya kamu mentaati suatu puak daripada orang-orang yang diberikan Kitab (Yahudi dan Nasrani), pasti mereka akan mengembalikan kamu menjadi orang-orang kafir sesudah kamu beriman.* (Madaniy)

Sūrah Āl ‘Imrān : (3) : 100

Berpaksikan kepada contoh yang disebutkan di atas, kita dapat menanggapi bahawa kata nama (إِيْمَانِكُمْ) yang bermaksud keimanan kamu adalah berlawanan makna dengan kata nama (كَافِرِينَ) yang membawa pengertian orang kafir

11. Firman Allah Ta‘ālā :

وَلِلَّهِ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَإِلَى اللَّهِ تُرْجَعُ الْأُمُورُ

Maksudnya : *Kepunyaan Allah jua segala apa yang ada di langit dan di bumi dan kepada Allah dikembalikan segala urusan.* (Madaniy)

Sūrah Āl ‘Imrān : (3) : 109

Daripada spesimen di atas, kita dapat merenungi bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi.

12. Firman Allah Ta‘ālā :

مِّنْهُمْ الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ

Maksudnya : *Di kalangan mereka (ahli Kitab) ada yang beriman namun kebanyakannya menjadi orang-orang yang fasik.* (Madaniy)

Sūrah Āl ‘Imrān : (3) : 110

Berpandukan kepada misal di atas, kita memahami bahawa kata nama (الْمُؤْمِنُونَ) yang membawa maksud orang beriman adalah berlawanan makna dengan kata nama

(الْفَاسِقُونَ) yang bererti orang fasik. Sekiranya kita meneliti secara lebih mendalam, ia membawa pengertian kekufuran.

13. Firman Allah Ta‘ālā :

وَلِلَّهِ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ^ع

Maksudnya : *Bagi Allah jualah segala yang ada di langit dan yang ada di bumi.* (Madaniy)

Sūrah Āl ‘Imrān : (3) : 129

Daripada spesimen di atas, kita dapat menyelami bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi.

14. Firman Allah Ta‘ālā :

وَسَارِعُوا إِلَىٰ مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا السَّمَاوَاتُ وَالْأَرْضُ

Maksudnya : *Bersegeralah kamu kepada keampunan daripada Tuhan kamu (dengan mengerjakan amalan soleh) dan (mendapat) syurga yang seluas langit dan bumi.* (Madaniy)

Sūrah Āl ‘Imrān : (3) : 133

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah bertentangan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi.

15. Firman Allah Ta‘ālā :

الَّذِينَ يُنْفِقُونَ فِي السَّرَّاءِ وَالضَّرَّاءِ وَالْكَبِيرِ وَالصَّغِيرِ

Maksudnya : *Orang-orang yang menafkahkan hartanya pada masa senang dan susah serta orang-orang yang dapat menahan kemarahannya.* (Madaniy)

Sūrah Āl ‘Imrān : (3) : 134

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (السَّرَّاء) yang bermaksud kesenangan adalah berlawanan makna dengan kata nama (الضَّرَّاء) yang bererti kesusahan.

16. Firman Allah Ta'ālā :

وَمَنْ يُرِدْ ثَوَابَ الدُّنْيَا نُؤْتِهِ مِنْهَا وَمَنْ يُرِدْ ثَوَابَ الآخِرَةِ نُؤْتِهِ مِنْهَا

Maksudnya : *Sesiapa yang menghendaki ganjaran dunia, Kami berikan bahagiannya dari ganjaran dunia dan sesiapa yang menghendaki ganjaran akhirat, Kami berikan bahagiannya dari ganjaran akhirat.* (Madaniy)

Sūrah Āl 'Imrān : (3) : 145

Daripada spesimen di atas, kita mampu menerobos bahawa kata nama (الدُّنْيَا) yang membawa maksud dunia adalah antonim kepada kata nama (الآخِرَةُ) yang bererti akhirat.

17. Firman Allah Ta'ālā :

فَعَاتَنَّهُمْ اللَّهُ ثَوَابَ الدُّنْيَا وَحُسْنَ ثَوَابِ الآخِرَةِ وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ

Maksudnya : *Oleh itu, Allah memberikan mereka ganjaran dunia dan ganjaran akhirat yang sebaik-baiknya. Allah amat mengasihani orang-orang yang berbuat kebaikan.* (Madaniy)

Sūrah Āl 'Imrān : (3) : 148

Daripada spesimen di atas, kita dapat menghayati bahawa kata nama (الدُّنْيَا) yang membawa maksud dunia adalah berlawanan makna dengan kata nama (الآخِرَةُ) yang bererti akhirat.

18. Firman Allah Ta‘ālā :

ثُمَّ أَنْزَلَ عَلَيْكُمْ مِنْ بَعْدِ الْغَمِّ أَمْنَةً نُبُوءًا يُغَشِي طَائِفَةً مِّنْكُمْ

Maksudnya : *Kemudian selepas perkara yang mendukacitakan itu, Allah menurunkan kepada kamu perasaan aman tenteram iaitu rasa mengantuk yang meliputi segolongan daripada kamu (yang teguh imannya).* (Madaniy)

Sūrah Āl ‘Imrān : (3) : 154

Penelitian terhadap ayat di atas akan menunjukkan kepada kita bahawa kata nama (الغم) yang bermaksud dukacita adalah berlawanan makna dengan kata nama (أَمْنَةً) yang membawa pengertian aman tenteram.

19. Firman Allah Ta‘ālā :

وَلَا تَحْسَبَنَّ الَّذِينَ قُتِلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَمْوَاتًا بَلْ أَحْيَاءٌ عِنْدَ رَبِّهِمْ يُرْزَقُونَ

Maksudnya : *Jangan engkau menyangka orang-orang yang terbunuh pada jalan Allah itu mati, bahkan mereka hidup (secara istimewa) di sisi Tuhan mereka dengan mendapat rezeki.* (Madaniy)

Sūrah Āl ‘Imrān : (3) : 169

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (أَمْوَات) yang membawa maksud orang mati adalah berlawanan makna dengan kata nama (أَحْيَاء) yang bererti orang hidup.

20. Firman Allah Ta‘ālā :

إِنَّ الَّذِينَ اشْتَرُوا الْكُفْرَ بِالْإِيمَانِ لَنْ يَضُرُّوا اللَّهَ شَيْئًا

Maksudnya : *Sesungguhnya orang-orang yang membeli (memilih) kekufuran dengan meninggalkan keimanan tidak akan dapat mendatangkan mudarat kepada Allah sedikit pun.* (Madaniy)

Sūrah Āl ‘Imrān : (3) : 177

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (الْكُفْر) yang membawa maksud kekufuran adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْإِيمَان) yang bererti keimanan.

21. Firman Allah Ta‘ālā :

مَا كَانَ اللَّهُ لِيَذَرَ الْمُؤْمِنِينَ عَلَىٰ مَا أَنْتُمْ عَلَيْهِ حَتَّىٰ يَمِيزَ الْخَبِيثَ مِنَ الطَّيِّبِ

Maksudnya : *Allah tidak akan membiarkan orang-orang yang beriman menurut keadaannya sehingga ia memisahkan perkara buruk (orang munafik) daripada perkara baik (orang beriman.)* (Madaniy)

Sūrah Āl ‘Imrān : (3) : 179

Bersumberkan contoh di atas, kita dapat menanggapi bahawa kata nama (الْخَبِيث) yang bermaksud perkara buruk adalah bertentangan makna dengan kata nama (الطَّيِّب) yang bererti perkara baik.

22. Firman Allah Ta‘ālā :

وَلَا تَحْسَبَنَّ الَّذِينَ يَبْخُلُونَ بِمَا آتَاهُمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ هُوَ خَيْرًا هُمْ بَلْ هُوَ شَرٌّ هُمْ

سَيُطَوَّقُونَ مَا بَخُلُوا بِهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ ۗ وَاللَّهُ مِيرَاثُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ

Maksudnya : *Jangan sekali-kali orang-orang yang bakhil dengan harta kurniaan Allah menyangka bahawa kebakhilan nya itu lebih baik bagi mereka. Bahkan ianya terlebih buruk bagi mereka. Harta yang mereka bakhil kan itu akan digantungkan ke leher mereka hari kiamat kelak. Kepunyaan Allah jua segala warisan (isi) langit dan bumi.* (Madaniy)

Sūrah Āl ‘Imrān : (3) : 180

Melalui pemerhatian ke atas contoh tersebut, kita memahami bahawa kata nama (خَيْر) yang membawa maksud lebih baik adalah berlawanan makna dengan kata nama (شَر) yang bererti terlebih buruk. Begitu juga dengan kata nama (السَّمَاوَاتُ)

yang membawa maksud langit adalah antonim dengan kata nama (الأَرْضُ) yang bererti bumi.

23. Firman Allah Ta‘ālā :

لَقَدْ سَمِعَ اللَّهُ قَوْلَ الَّذِينَ قَالُوا إِنَّ اللَّهَ فَقِيرٌ وَنَحْنُ أَغْنِيَاءُ

Maksudnya : *Sesungguhnya Allah mendengar kata-kata orang-orang (Yahudi) yang mengatakan bahawa Allah itu miskin dan kami adalah orang-orang kaya.* (Madanīy)

Sūrah Āl ‘Imrān : (3) : 181

Berdasarkan ayat di atas, kita memahami bahawa kata nama (فقير) yang membawa maksud orang miskin adalah berlawanan makna dengan kata nama (أغنياء) yang bererti orang kaya.

24. Firman Allah Ta‘ālā :

فَمَنْ زُحِرَ عَنِ النَّارِ وَأُدْخِلَ الْجَنَّةَ فَقَدْ فَازَ

Maksudnya : *Oleh itu, sesiapa yang dijauhkan daripada neraka dan dimasukkan ke dalam syurga, sesungguhnya ia telah berjaya.* (Madanīy)

Sūrah Āl ‘Imrān : (3) : 185

Berasaskan kepada spesimen tersebut, kita memahami bahawa kata nama (النَّارُ) yang membawa maksud neraka adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْجَنَّةُ) yang bererti syurga.

25. Firman Allah Ta‘ālā :

وَلِلَّهِ مُلْكُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاللَّهُ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Maksudnya : *Bagi Allah jua kuasa memerintah langit dan bumi dan Allah Maha Berkuasa atas setiap sesuatu.* (Madanīy)

Sūrah Āl ‘Imrān : (3) : 189

Daripada spesimen di atas, kita dapat merenungi bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang bermaksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang membawa pengertian bumi.

26. Firman Allah Ta‘ālā :

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَآخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ لَآيَاتٍ لِّأُولِي الْأَلْبَابِ

Maksudnya : *Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi serta pertukaran malam dan siang terdapat tanda-tanda (kekuasaan dan rahmat Allah) bagi orang-orang yang berakal. (Madanīy)*

Sūrah Āl ‘Imrān : (3) : 190

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi. Begitu juga kata kerja (اللَّيْلُ) yang bererti malam adalah antonim kepada kata kerja (النَّهَارُ) yang bermakna siang.

27. Firman Allah Ta‘ālā :

الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ قِيَمًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمْ وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ

Maksudnya : *Orang-orang yang mengingati Allah ketika berdiri dan duduk serta ketika mereka berbaring dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi. (Madanīy)*

Sūrah Āl ‘Imrān : (3) : 191

Berpandukan kepada misal di atas, kita dapat menghayati bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang bermaksud langit adalah antonim kepada kata nama (الْأَرْضُ) yang membawa pengertian bumi.

28. Firman Allah Ta‘ālā :

فَأَسْتَجَابَ لَهُمْ رَبُّهُمْ أَنِّي لَا أُضِيعُ عَمَلَ عَمَلٍ مِّنْكُمْ مِنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَىٰ

Maksudnya : *Lalu Allah memperkenankan doa mereka dan mengatakan: "sesungguhnya Aku tidak akan mensia-siakan amalan orang-orang yang beramal daripada kalangan kamu sama ada lelaki ataupun perempuan. (Madaniy)*

Sūrah Āl ‘Imrān : (3) : 195

Daripada spesimen di atas, kita dapat menanggapi bahawa kata nama (ذَكَرٌ) yang membawa maksud lelaki adalah berlawanan makna dengan kata nama (أُنْثَىٰ) yang bererti perempuan.

3.4 Analisis Al-Ṭibāq Dalam Sūrah al-Nisā’

1. Firman Allah Ta‘ālā :

وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً

Maksudnya : *Dia (Allah) yang membiakkan dari keduanya (Adam & Hawa) lelaki dan perempuan yang ramai. (Madaniy)*

Sūrah al-Nisā’ : (4) : 1

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (رِجَالًا) yang membawa maksud lelaki adalah bertentangan makna dengan kata nama (نِسَاءً) yang bererti perempuan.

2. Firman Allah Ta‘ālā :

وَأَتُوا اللَّيْتِمَىٰ أَمْوَالَهُمْ وَلَا تَتَّبِعُوا الْخَيْبَتِ بِالطَّيِّبِ

Maksudnya : *Berikanlah kepada anak-anak yatim (yang telah baligh) itu harta mereka dan janganlah kamu menggantikan perkara baik dengan perkara buruk. (Madaniy)*

Sūrah al-Nisā’ : (4) : 2

Daripada spesimen di atas, kita dapat menyelami bahawa kata nama (الْخَبِيثُ) yang bermaksud perkara buruk adalah berlawanan makna dengan kata nama (الطَّيِّبُ) yang bererti perkara baik.

3. Firman Allah Ta'ālā :

وَمَنْ كَانَ غَنِيًّا فَلْيَسْتَعْفِفْ^ط وَمَنْ كَانَ فَقِيرًا فَلْيَأْكُلْ بِالْمَعْرُوفِ

Maksudnya : (Penjaga) yang kaya hendaklah menahan diri (daripada memakan harta anak yatim). Manakala yang miskin pula, ia boleh memakannya dengan cara yang sepatutnya. (Madaniy)

Sūrah al-Nisā' : (4) : 6

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (غَنِيًّا) yang membawa maksud orang kaya adalah berlawanan makna dengan kata nama (فَقِيرًا) yang bererti orang miskin

4. Firman Allah Ta'ālā :

لِّلرِّجَالِ نَصِيبٌ مِّمَّا تَرَكَ الْوَالِدَانِ وَالْأَقْرَبُونَ وَلِلنِّسَاءِ نَصِيبٌ مِّمَّا تَرَكَ الْوَالِدَانِ وَالْأَقْرَبُونَ

Maksudnya : Orang lelaki mempunyai bahagian pusaka dari peninggalan ibu bapa dan kerabat dan orang perempuan juga mempunyai bahagian pusaka dari peninggalan ibu bapa dan kerabat. (Madaniy)

Sūrah al-Nisā' : (4) : 7

Berpaksikan kepada contoh di atas, kita mampu menerobos bahawa kata nama (الرِّجَالِ) yang bermaksud lelaki adalah antonim kepada kata nama (النِّسَاءِ) yang membawa pengertian perempuan.

5. Firman Allah Ta'ālā :

يُوصِيكُمُ اللَّهُ فِي أَوْلَادِكُمْ لِلذَّكَرِ مِثْلُ حَظِّ الْأُنثِيَّاتِ

Maksudnya : Allah perintahkan kamu mengenai (pembahagian harta pusaka) anak-anak kamu iaitu bahagian seorang anak lelaki menyamai bahagian dua orang anak perempuan. (Madaniy)

Sūrah al-Nisā' : (4) : 11

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (الذَّكَرُ) yang membawa maksud lelaki adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأُنثِيَّاتِ) yang bererti dua perempuan.

6. Firman Allah Ta'ālā :

وَأَتَوْهُنَّ بِأُجُورِهِنَّ بِالْمَعْرُوفِ الْمُحْصَنَاتِ غَيْرِ مُسْفِحَاتٍ

Maksudnya : Berikanlah mas kahwinnya menurut yang patut kerana mereka perempuan-perempuan yang sopan bukan perempuan-perempuan sundal. (Madaniy)

Sūrah al-Nisā' : (4) : 25

Berpandukan kepada ayat yang tertera di atas, kita dapat memahami bahawa kata nama (الْمُحْصَنَاتِ) yang membawa maksud perempuan sopan adalah berlawanan makna dengan kata nama (غَيْرِ مُسْفِحَاتٍ) yang bererti perempuan sundal.

7. Firman Allah Ta'ālā :

لِّلرِّجَالِ نَصِيبٌ مِّمَّا أَكْتَسَبُوا وَلِلنِّسَاءِ نَصِيبٌ مِّمَّا أَكْتَسَبْنَ

Maksudnya : Orang lelaki ada bahagian daripada apa yang mereka usahakan dan orang perempuan juga ada bahagian daripada apa yang mereka usahakan. (Madaniy)

Sūrah al-Nisā' : (4) : 32

Berpandukan kepada misal yang tersebut di atas, kita dapat menanggapi bahawa kata nama (الرَّجَالِ) yang membawa maksud lelaki adalah berlawanan makna dengan kata nama (النَّسَاءِ) yang bererti perempuan.

8. Firman Allah Ta‘ālā :

الرِّجَالُ قَوَّامُونَ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ

Maksudnya : *Kaum lelaki itu adalah pemimpin yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan kerana Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan.* (Madaniy)

Sūrah al-Nisā’ : (4) : 34

Bersumberkan contoh di atas, kita memahami bahawa kata nama (الرَّجَالِ) yang membawa maksud lelaki adalah berlawanan makna dengan kata nama (النَّسَاءِ) yang bererti perempuan.

9. Firman Allah Ta‘ālā :

وَمَا لَكُمْ لَا تُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ مِنَ الرِّجَالِ وَالنِّسَاءِ

Maksudnya : *Mengapa kamu tidak mahu berperang pada jalan Allah dan untuk membela golongan yang tertindas daripada kalangan lelaki dan perempuan.* (Madaniy)

Sūrah al-Nisā’ : (4) : 75

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (الرَّجَالِ) yang membawa maksud lelaki adalah bertentangan makna dengan kata nama (النَّسَاءِ) yang bererti perempuan.

10. Firman Allah Ta‘ālā :

وَإِنْ تُصِيبَهُمْ حَسَنَةٌ يَقُولُوا هَذِهِ مِنْ عِنْدِ اللَّهِ وَإِنْ تُصِيبَهُمْ سَيِّئَةٌ يَقُولُوا هَذِهِ مِنْ عِنْدِكَ

Maksudnya : *Sekiranya (Nabi mereka peroleh kebaikan (kemewahan hidup), mereka berkata: "Ini adalah daripada sisi Allah". Sekiranya mereka ditimpa keburukan (bencana), mereka berkata: " ini adalah daripada apa yang ada pada mu Muhammad)".* (Madanīy)

Sūrah al-Nisā' : (4) : 78

Daripada spesimen di atas, kita dapat merenungi bahawa kata nama (حَسَنَةٌ) yang membawa maksud kebaikan adalah antonim kepada dengan kata nama (سَيِّئَةٌ) yang bererti keburukan.

11. Firman Allah Ta‘ālā :

مَا أَصَابَكَ مِنْ حَسَنَةٍ فَمِنَ اللَّهِ وَمَا أَصَابَكَ مِنْ سَيِّئَةٍ فَمِنْ نَفْسِكَ

Maksudnya : *Apa sahaja kebaikan yang Engkau peroleh, ianya datang daripada Allah. Apa jua bencana yang menimpa mu, ianya daripada (kesalahan) diri mu sendiri.* (Madanīy)

Sūrah al-Nisā' : (4) : 79

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (حَسَنَةٌ) yang bermaksud kebaikan adalah berlawanan makna dengan kata nama (سَيِّئَةٌ) yang membawa pengertian keburukan.

12. Firman Allah Ta‘ālā :

وَإِذَا جَاءَهُمْ أَمْرٌ مِنَ الْأَمْنِ أَوْ الْخَوْفِ أَدْعَاؤُهُمْ

Maksudnya : *Dan apabila datang kepada mereka suatu berita mengenai keselamatan ataupun ketakutan, mereka terus menyebarkannya.*

Sūrah al-Nisā' : (4) : 83

Bersumberkan contoh di atas, kita memahami bahawa kata nama (الأَمْنُ) yang bermakna keamanan adalah antonim kepada kata nama (الخَوْفُ) yang bermaksud ketakutan.

13. Firman Allah Ta‘ālā :

مَنْ يَشْفَعْ شَفَعَةً حَسَنَةً يَكُنْ لَهُ نَصِيبٌ مِّنْهَا وَمَنْ يَشْفَعْ شَفَعَةً سَيِّئَةً يَكُنْ لَهُ كِفْلٌ مِّنْهَا

Maksudnya : *Sesiapa yang memberikan pertolongan dalam usaha-usaha kebaikan, pasti ia akan memperoleh bahagian (pahala) daripadanya. Sesiapa yang memberikan bantuan dalam perkara-perkara kejahatan, pasti ia akan memikul sebahagian tanggungjawabnya.* (Madanīy)

Sūrah al-Nisā’ : (4) : 85

Daripada spesimen di atas, kita dapat menghayati bahawa kata nama (حَسَنَةٌ) yang membawa maksud kebaikan adalah berlawanan makna dengan kata nama (سَيِّئَةٌ) yang bererti keburukan.

14. Firman Allah Ta‘ālā :

لَا يَسْتَوِي الْقَاعِدُونَ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ غَيْرُ أُولِي الضَّرَرِ وَالْمُجَاهِدُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ

Maksudnya : *Tidaklah sama (martabat) orang-orang yang duduk (tidak turut berperang) daripada kalangan orang-orang yang beriman selain daripada orang-orang yang ada keuzuran berbanding orang-orang yang berjihad pada jalan Allah dengan harta dan jiwa raga nya.* (Madanīy)

Sūrah al-Nisā’ : (4) : 95

Berpandukan kepada misal di atas, kita memahami bahawa kata nama (الْقَاعِدُونَ) yang bermaksud orang-orang yang duduk adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْمُجَاهِدُونَ) yang membawa pengertian orang-orang yang berjihad.

15. Firman Allah Ta‘ālā :

إِلَّا الْمُسْتَضْعَفِينَ مِنَ الرِّجَالِ وَالنِّسَاءِ وَالْوِلْدَانِ لَا يَسْتَطِيعُونَ حِيلَةً

Maksudnya : *Melainkan orang-orang yang lemah (lagi uzur) daripada kalangan lelaki dan perempuan serta kanak-kanak yang tidak berupaya mencari helah (untuk melepaskan diri).* (Madaniy)

Sūrah al-Nisā' : (4) : 98

Berasaskan kepada spesimen yang diutarakan di atas, kita memahami bahawa kata nama (الرِّجَال) yang membawa maksud lelaki adalah berlawanan makna dengan kata nama (النِّسَاء) yang bererti perempuan.

16. Firman Allah Ta‘ālā :

وَمَنْ يَعْمَلْ مِنَ الصَّالِحَاتِ مِنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ

Maksudnya : *Sesiapa yang mengerjakan amal soleh daripada kalangan lelaki ataupun perempuan dalam keadaan ia beriman.* (Madaniy)

Sūrah al-Nisā' : (4) : 124

Daripada spesimen di atas, kita dapat menanggapi bahawa kata nama (ذَكَر) yang membawa maksud lelaki adalah berlawanan makna dengan kata nama (أُنْثَى) yang bererti perempuan.

17. Firman Allah Ta‘ālā :

وَلِلَّهِ مَا فِي السَّمٰوٰتِ وَمَا فِي الْاَرْضِ وَكَانَ اللهُ بِكُلِّ شَيْءٍ مُّحِيطًا

Maksudnya : *Bagi Allah jua segala apa yang ada di langit dan di bumi serta Allah sentiasa meliputi (pengetahuan dan kekuasaan Nya) atas setiap sesuatu.* (Madaniy)

Sūrah al-Nisā' : (4) : 126

Sūrah Yūnus : (10) : 67

Penelitian terhadap ayat di atas akan menunjukkan kepada kita bahawa kata nama (اللَّيْلُ) yang membawa maksud malam adalah berlawanan makna dengan kata nama (النَّهَارُ) yang bererti siang.

16. Firman Allah Ta'ālā :

هُوَ الْغَنِيُّ لَهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ

Maksudnya : *Dia (Allah) Maha Kaya, kepunyaanNya apa yang ada di langit dan di bumi. (Makkīy)*

Sūrah Yūnus : (10) : 68

Berdasarkan ayat di atas, kita memahami bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi.

17. Firman Allah Ta'ālā :

قُلْ أَنْظَرُوا مَاذَا فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ

Maksudnya : *Katakan (Wahai Muhammad) : "Perhatikanlah apa yang ada di langit dan di bumi (yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaan Nya). (Makkīy)*

Sūrah Yūnus : (10) : 101

Daripada spesimen yang diutarakan di atas, kita dapat menanggapi bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi.

18. Firman Allah Ta'ālā :

وَإِنْ يَمْسَسْكَ اللَّهُ بِضُرٍّ فَلَا كَاشِفَ لَهُ إِلَّا هُوَ وَإِنْ يُرِدْكَ بِخَيْرٍ فَلَا رَادَّ لِفَضْلِهِ

Maksudnya : *Sekiranya Allah menimpakan kemudaratan kepada mu, tiada sesiapa yang dapat menghidangkannya melainkan Dia. Sekiranya Dia menghendaki kebaikan kepada mu, tiada sesiapa pun yang dapat menghalangi limpah kurnia Nya. (Makkīy)*

Sūrah Yūnus : (10) : 107

Daripada spesimen di atas, kita dapat merenungi bahawa kata nama (خَيْرٌ) yang bererti kebaikan adalah berlawanan makna dengan kata nama (ضُرٌّ) yang membawa maksud kemudharatan. Secara tersuratnya, setiap kemudharatan pasti membawa pengertian (شَرٌّ) iaitu keburukan.

3.11 Analisis Al-Ṭibāq Dalam Sūrah Hūd

1. Firman Allah Ta‘ālā :

أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا اللَّهَ إِنِّي لَكُمْ مِّنْهُ نَذِيرٌ وَبَشِيرٌ

Maksudnya : *Agar kamu tidak menyembah sesuatupun melainkan Allah. Sesungguhnya Aku diutus oleh Allah kepada kamu sebagai pemberi amaran dan pembawa berita gembira.* (Makkīy)

Sūrah Hūd : (11) : 2

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (نَذِيرٌ) yang bermaksud pemberi amaran adalah berlawanan makna dengan kata nama (بَشِيرٌ) yang membawa pengertian pembawa berita gembira.

2. Firman Allah Ta‘ālā :

وَيَعْلَمُ مُسْتَقَرَّهَا وَمُسْتَوْدَعَهَا كُلٌّ فِي كِتَابٍ مُّبِينٍ

Maksudnya : *Allah mengetahui tempat kediaman dan tempat simpanannya. Semuanya itu tersurat di dalam Kitab (Luh Mahfuz) yang nyata.* (Makkīy)

Sūrah Hūd : (11) : 6

Daripada spesimen di atas, kita dapat menyelami bahawa kata nama (مُسْتَقَرٌّ) yang membawa maksud tempat kediaman adalah berlawanan makna dengan kata nama (مُسْتَوْدَعٌ) yang bererti tempat simpanan.

3. Firman Allah Ta‘ālā :

وَهُوَ الَّذِي خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ فِي سِتَّةِ أَيَّامٍ

Maksudnya : Dia (Allah) yang menjadikan langit dan bumi dalam enam hari (masa). (Makkīy)

Sūrah Hūd : (11) : 7

Berdasarkan spesimen di atas, kita dapat menghayati dengan jelas bahwa kata nama (السَّمَوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi.

4. Firman Allah Ta‘ālā :

وَلِئِنْ أَدْقَنَهُ نَعْمَاءَ بَعْدَ ضِرَاءٍ مَسَّتَهُ لَيَقُولَنَّ ذَهَبَ السَّيِّئَاتُ عَنِّي

Maksudnya : *Sesungguhnya jika Kami memberinya kesenangan selepas kesusahan yang menimpanya, tentu ia akan berkata: "telah hilang segala kesusahan daripadaku.* (Makkīy)

Sūrah Hūd : (11) : 10

Berpandukan kepada misal di atas, kita memahami bahawa kata nama (نَعْمَاء) yang bermaksud kesenangan adalah bertentangan makna dengan kata nama (ضِرَاء) yang bererti kesusahan.

5. Firman Allah Ta‘ālā :

فَلَمَّا جَاءَ أَمْرُنَا جَعَلْنَا عَلَيْهَا سَافِلَهَا

Maksudnya : *Apabila datang (perlaksanaan) perintah Kami, Kami jadikan yang di atasnya jatuh ke bawah (negeri kaum Lut itu diterbalikkan).* (Makkīy)

Sūrah Hūd : (11) : 82

Daripada spesimen di atas, kita mampu menerobos bahawa kata nama (عَلَيْهَا) yang membawa maksud yang di atas adalah berlawanan makna dengan kata nama (سَافِلَهَا) yang bererti yang di bawah.

6. Firman Allah Ta‘ālā :

يَوْمَ يَأْتِ لَا تَكَلِّمُ نَفْسٌ إِلَّا بِإِذْنِهِ ۚ فَمِنْهُمْ شَقِيٌّ وَسَعِيدٌ

Maksudnya : Pada masa datangnya (hari kiamat), tidak seorangpun dapat berkata-kata (membela diri atau memohon pertolongan) melainkan dengan izin Allah. Lalu di antara mereka ada yang celaka dan ada pula yang berbahagia. (Makkīy)

Sūrah Hūd : (11) : 105

Penelitian terhadap ayat di atas akan menunjukkan kepada kita bahwa kata nama (شَقِيٌّ) yang membawa maksud yang celaka adalah bertentangan makna dengan kata nama (سَعِيدٌ) yang bererti yang berbahagia.

7. Firman Allah Ta‘ālā :

خَالِدِينَ فِيهَا مَا دَامَتِ السَّمَوَاتُ وَالْأَرْضُ إِلَّا مَا شَاءَ رَبُّكَ

Maksudnya : Mereka kekal di dalamnya (neraka) selama ada langit dan bumi melainkan menurut kehendak Tuhanmu. (Makkīy)

Sūrah Hūd : (11) : 107

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi.

8. Firman Allah Ta‘ālā :

فِي الْجَنَّةِ خَالِدِينَ فِيهَا مَا دَامَتِ السَّمَوَاتُ وَالْأَرْضُ إِلَّا مَا شَاءَ رَبُّكَ

Maksudnya : (Orang-orang yang berbahagia) kekal di dalam Syurga selama ada langit dan bumi melainkan menurut kehendak Tuhanmu. (Makkīy)

Sūrah Hūd : (11) : 108

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi.

9. Firman Allah Ta'ālā :

وَمَا كَانَ رَبُّكَ لِيُهْلِكَ الْقُرَىٰ بِظُلْمٍ وَأَهْلِهَا مُصْلِحُونَ

Maksudnya : *Tuhan mu tidak sekali-kali hendak membinasakan mana-mana negeri dengan sebab kezaliman penduduknya selagi mereka sentiasa memperbaiki keadaan sesama sendiri (mengerjakan kebaikan).* (Makkīy)

Sūrah Hūd : (11) : 117

Melalui pemerhatian ke atas contoh tersebut, kita memahami bahawa kata nama (مُصْلِحُونَ) yang bererti orang yang mengerjakan kebaikan adalah berlawanan makna dengan kata nama (ظُلْمٍ) yang membawa maksud kezaliman. Sekiranya kita menerobos lebih jauh, pasti setiap kezaliman itu membawa keburukan.

10. Firman Allah Ta'ālā :

وَتَمَّتْ كَلِمَةُ رَبِّكَ لَأَمْلَأَنَّ جَهَنَّمَ مِنَ الْجِنَّةِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ

Maksudnya : *Sempurnalah janji Tuhan mu : "Sesungguhnya Aku akan memenuhi neraka jahanam dengan sekalian jin dan manusia (yang berdosa) bersama-sama.* (Makkīy)

Sūrah Hūd : (11) : 119

Daripada spesimen di atas, kita dapat merenungi bahawa kata kerja (الْجِنَّةُ) yang bermaksud jin adalah bertentangan makna dengan kata nama (النَّاسُ) yang membawa pengertian manusia.

11. Firman Allah Ta‘ālā :

وَلِلَّهِ غَيْبُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَإِلَيْهِ يُرْجَعُ الْأَمْرُ كُلُّهُ

Maksudnya : Allah jua yang mengetahui rahsia langit dan bumi dan kepada Nya dikembalikan segala urusan. (Makkīy)

Sūrah Hūd : (11) : 123

Berpandukan kepada misal yang dikemukakan di atas, kita memahami bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi.

3.12 Analisis Al-Ṭibāq Dalam Sūrah Yūsuf

1. Firman Allah Ta‘ālā :

فَاطِرَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ أَنْتَ وَلِيِّّ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ

Maksudnya : Wahai Tuhan yang menciptakan langit dan bumi, Engkaulah pelindung ku di dunia dan di akhirat. (Makkīy)

Sūrah Yūsuf : (12) : 101

Berasaskan kepada spesimen tersebut, kita dapat menghayati bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah bertentangan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi. Begitu juga kata nama (الدُّنْيَا) yang bererti dunia adalah antonim kepada kata nama (الْآخِرَةُ) yang bermakna akhirat.

2. Firman Allah Ta‘ālā :

وَكَأَيِّن مِّنْ آيَةٍ فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ يَمُرُّونَ عَلَيْهَا

Maksudnya : Betapa banyak tanda-tanda kekuasaan Allah di langit dan di bumi yang mereka melaluinya (menyaksikannya berulang kali semasa mereka pergi dan datang). (Makkīy)

Sūrah Yūsuf : (12) : 105

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahwa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi.

3.13 Analisis Al-Ṭibāq Dalam Sūrah al-Ra‘d

1. Firman Allah Ta‘ālā :

وَسَخَّرَ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ كُلٌّ يَجْرِي لِأَجَلٍ مُّسَمًّى

Maksudnya : *Dia (Allah) mempermudah kan (menundukkan) matahari dan bulan (untuk faedah makhluk-makhluk Nya). Setiap satu dari keduanya beredar menurut masa yang telah ditetapkan.* (Madanīy)

Sūrah al-Ra‘d : (13) : 2

Berpaksikan kepada contoh di atas, kita dapat menanggapi bahwa kata nama (الشَّمْسُ) yang membawa maksud matahari adalah antonim kepada kata nama (الْقَمَرُ) yang bererti bulan.

2. Firman Allah Ta‘ālā :

يُغْشَى اللَّيْلَ النَّهَارَ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ

Maksudnya : *Dia (Allah) menutup siang dengan malam (silih berganti). Sesungguhnya perkara itu menjadi tanda kekuasaan Allah bagi kaum yang berfikir.* (Madanīy)

Sūrah al-Ra‘d : (13) : 3

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahwa kata nama (اللَّيْلُ) yang membawa maksud malam adalah berlawanan makna dengan kata nama (النَّهَارُ) yang bererti siang.

3. Firman Allah Ta'ālā :

وَجَنَّاتٍ مِّنْ أَعْنَابٍ وَزُرْعٍ وَنَخِيلٍ صِنَوَانٍ وَعَيْرٌ صِنَوَانٍ

Maksudnya : (Di bumi) terdapat kebun-kebun anggur dan pelbagai jenis tanaman serta pohon-pohon tamar (kurma) yang berumpun dan yang tidak berumpun.

Sūrah al-Ra'd : (13) : 4

Bersumberkan contoh di atas, kita dapat menyelami bahawa perkataan (صِنَوَانٍ) yang bermakna berumpun adalah antonim kepada perkataan (عَيْرٌ صِنَوَانٍ) yang bermaksud tidak berumpun.

4. Firman Allah Ta'ālā :

وَيَسْتَعْجِلُونَكَ بِالسَّيِّئَةِ قَبْلَ الْحَسَنَةِ وَقَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِهِمُ الْمَثَلَتُ

Maksudnya : Mereka meminta kepada mu menyegerakan kedatangan perkara buruk (azab yang dijanjikan) sebelum mereka memohon kebaikan. Sesungguhnya telah banyak contoh sebelum mereka peristiwa-peristiwa azab yang telah menimpa orang-orang kafir seperti mereka. (Madanīy)

Sūrah al-Ra'd: (13) : 6

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (السَّيِّئَةُ) yang bermaksud keburukan adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْحَسَنَةُ) yang membawa pengertian kebaikan.

5. Firman Allah Ta'ālā :

وَمَنْ هُوَ مُسْتَخَفٌّ بِاللَّيْلِ وَسَارِبٌ بِالنَّهَارِ

Maksudnya : (Begitu juga) yang bersembunyi pada waktu malam atau yang keluar berjalan pada waktu siang. (Madanīy)

Sūrah al-Ra'd: (13) : 10

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (اللَّيْلُ) yang membawa maksud malam adalah bertentangan makna dengan kata nama (النَّهَارُ) yang bererti siang.

6. Firman Allah Ta'ālā :

هُوَ الَّذِي يُرِيكُمُ الْبَرْقَ خَوْفًا وَطَمَعًا

Maksudnya : *Dia (Allah) yang memperlihatkan kepada kamu kilat yang menimbulkan ketakutan (petir yang menyambar) dan pengharapan (turunnya hujan).*

Sūrah al-Ra'd : (13) : 12

Daripada ayat di atas, dapat difahami bahawa apabila kita melihat kilat, fikiran kita terus menanggapi dua perkara iaitu ketakutan disambar petir dan pengharapan mengenai turunnya hujan serta tiada perkara ketiga yang menerjah fikiran kita. Lantaran itu, perkataan (الْخَوْفُ) adalah dianggap bertentangan makna dengan perkataan (الطَّمَعُ).

7. Firman Allah Ta'ālā :

وَلِلَّهِ يَسْجُدُ مَنْ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ طَوْعًا وَكَرْهًا وَظُلْمًا بِالْغُدُوِّ وَالْآصَالِ

Maksudnya : *Sekalian makhluk yang ada di langit dan di bumi tunduk kepada Allah sama ada secara sukarela ataupun terpaksa. (Demikian juga) bayang-bayang mereka di waktu pagi dan petang. (Madaniy)*

Sūrah al-Ra'd: (13) : 15

Daripada spesimen di atas, kita mendapati bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi. Di samping itu, kita memahami bahawa kata nama (طَوْعًا) yang membawa maksud sukarela adalah berlawanan makna dengan kata nama (كَرْهًا)

yang bererti terpaksa. Selain itu, kata nama (الغُدُو) yang membawa maksud waktu pagi adalah bertentangan makna dengan kata nama (الأَصَال) yang bererti waktu petang.

8. Firman Allah Ta‘ālā :

قُلْ مَنْ رَبُّ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ قُلِ اللَّهُ قُلْ أَفَأَتَّخِذْتُمْ مِنْ دُونِهِ أَوْلِيَاءَ لَا يَمْلِكُونَ
لَأَنْفُسِهِمْ نَفْعًا وَلَا ضَرًّا قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الْأَعْمَىٰ وَالْبَصِيرُ أَمْ هَلْ تَسْتَوِي الظُّلُمَاتُ
وَالنُّورُ

Maksudnya : *Dan kepada Allah jualah sekalian makhluk yang wujud di langit dan di bumi tunduk dan sujud sama ada secara sukarela ataupun terpaksa; dan (demikian juga) bayang-bayang mereka pada waktu pagi dan petang. Katakanlah (Wahai Muhammad): "Siapakah Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan langit dan bumi? Jawablah: "Allah". Katakanlah : " kalau demikian, Adakah patut kamu menjadikan benda-benda yang lain daripada Allah sebagai Pelindung dan Penolong, yang tidak dapat mendatangkan sebarang manfaat bagi dirinya sendiri dan tidak dapat menolak sesuatu kemudharatan. Katakanlah : Adakah sama orang yang buta dengan orang yang celik atau adakah sama keadaan gelap-gelita dengan cahaya yang terang benderang.*

Sūrah al-Ra‘d : (13) : 16

Berpandukan contoh di atas, kita dapat merenungi bahawa kata nama (السَّمَاوَات) yang bererti langit adalah antonim kepada kata nama (الأَرْضُ) yang bermakna bumi. Di samping itu, kita mendapati bahawa kata nama (نَفْعًا) yang bererti manfaat adalah antonim kepada kata nama (ضَرًّا) yang bermakna kemudharatan. Demikian juga kata nama (الأَعْمَى) yang bererti orang yang buta adalah bertentangan makna dengan kata nama (البَصِيرُ) yang bermakna orang yang celik. Tidak ketinggalan juga, kata nama (الظُّلُمَاتُ) yang bererti gelap-gelita berlawanan makna dengan kata nama (النُّورُ) yang bermakna cahaya terang benderang.

9. Firman Allah Ta‘ālā :

كَذَلِكَ يَضْرِبُ اللَّهُ الْحَقَّ وَالْبَاطِلَ

Maksudnya : *Demikianlah Allah memberi contoh perbandingan tentang perkara yang benar dan yang salah.* (Madaniy)

Sūrah al-Ra‘d : (13) : 17

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (الْحَقَّ) yang bermaksud perkara yang benar adalah antonim kepada kata nama (الْبَاطِلُ) yang bererti perkara yang salah.

10. Firman Allah Ta‘ālā :

وَأَنْفُقُوا مِمَّا رَزَقْنَاهُمْ سِرًّا وَعَلَانِيَةً وَيَدْرُءُونَ بِالْحَسَنَةِ السَّيِّئَةَ

Maksudnya : *Orang-orang yang mendermakan dari apa yang Kami kurniakan kepada mereka secara tersembunyi ataupun secara terbuka dan mereka pula menolak kejahatan dengan cara yang baik.* (Madaniy)

Sūrah al-Ra‘d : (13) : 22

Berpandukan ayat di atas, kita mendapati kata nama (سِرًّا) yang bererti tersembunyi adalah berlawanan makna dengan kata nama (عَلَانِيَةً) yang bermakna terbuka. Manakala kata nama (الْحَسَنَةُ) yang bermaksud baik adalah antonim kepada kata nama (السَّيِّئَةُ) yang membawa pengertian kejahatan.

3.14 Analisis Al-Ṭibāq Dalam Sūrah ‘Ibrāhīm

1. Firman Allah Ta‘ālā :

كَتَبْنَا أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ لِتُخْرِجَ النَّاسَ مِنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ بِإِذْنِ رَبِّهِمْ

Maksudnya : *(Inilah) Kitab yang Kami turunkannya kepada mu supaya dapat mengeluarkan manusia daripada kegelapan (kekufuran) kepada cahaya (keimanan) dengan izin Tuhan mereka.* (Makkīy)

Sūrah ‘Ibrāhīm : (14) : 1

Berpendukan kepada misal di atas, kita dapat menghayati bahawa kata nama (الظُّلْمَات) yang bermaksud kegelapan adalah bertentangan makna dengan kata nama (النُّور) yang membawa pengertian cahaya.

2. Firman Allah Ta‘ālā :

اللَّهُ الَّذِي لَهُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ

Maksudnya : *Allah jua yang memiliki segala apa yang ada di langit dan di bumi.* (Makkīy)

Sūrah ‘Ibrāhīm : (14) : 2

Berdasarkan ayat di atas, kita memahami bahawa kata nama (السَّمَوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi.

3. Firman Allah Ta‘ālā :

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا مُوسَىٰ بِآيَاتِنَا أَنْ أَخْرِجْ قَوْمَكَ مِنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ

Maksudnya : *Sesungguhnya Kami telah mengutuskan Nabi Musa dengan tanda-tanda keterangan Kami (sambil Kami berfirman) : "Hendaklah Engkau mengeluarkan kaum mu daripada kegelapan (kekufuran) kepada cahaya (keimanan) "*. (Makkīy)

Sūrah ‘Ibrāhīm : (14) : 5

Bersumberkan contoh di atas, kita dapat menanggapi bahawa kata nama (الظُّلْمَات) yang membawa maksud kegelapan adalah berlawanan makna dengan kata nama (النُّور) yang bererti cahaya.

4. Firman Allah Ta'ālā :

قَالَتْ رُسُلُهُمْ أَفِي اللَّهِ شَكٌّ فَاطِرِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ

Maksudnya : *Rasul-rasul mereka bertanya: "Patutkah berlakunya sebarang keraguan tentang kewujudan Allah yang mencipta langit dan bumi. (Makkīy)*

Sūrah 'Ibrāhīm : (14) : 10

Daripada spesimen di atas, kita dapat merenungi bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ)

yang membawa maksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi.

5. Firman Allah Ta'ālā :

يَتَجَرَّعُهُ وَلَا يَكَادُ يُسِيغُهُ وَيَأْتِيهِ الْمَوْتُ مِنْ كُلِّ مَكَانٍ وَمَا هُوَ بِمَيِّتٍ

Maksudnya : *Ia meneguknya (air nanah) dan hampir-hampir tidak dapat diterima oleh tekaknya (kerana busuk) dan ia didatangi (penderitaan) kematian dari segala penjuru sedangkan ia tidak pula mati (supaya terlepas dari azab seksa itu). (Makkīy)*

Sūrah 'Ibrāhīm : (14) : 17

Penelitian terhadap ayat di atas akan menunjukkan kepada kita bahawa kata nama (الْمَوْتُ) yang membawa maksud kematian adalah antonim kepada kata nama (مَا هُوَ بِمَيِّتٍ) yang bererti ia tidak mati (terus hidup).

6. Firman Allah Ta'ālā :

أَلَمْ تَرَ أَنَّ اللَّهَ خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ بِالْحَقِّ

Maksudnya : *Tidakkah engkau memerhatikan bahawa Allah telah menciptakan langit dan bumi dengan penuh kebenaran (cara yang sangat berhikmat). (Makkīy)*

Sūrah 'Ibrāhīm : (14) : 19

Berpandukan kepada misal di atas, kita memahami bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الأَرْضُ) yang bererti bumi.

7. Firman Allah Ta'ālā :

أَلَمْ تَرَ إِلَى الَّذِينَ بَدَّلُوا نِعْمَتَ اللَّهِ كُفْرًا وَأَحَلُّوا قَوْمَهُمْ دَارَ الْبَوَارِ

Maksudnya : *Tidakkah Engkau melihat (merasa ajaib) orang yang menukar nikmat Allah dengan kekufuran dan menempatkan kaum mereka dalam kebinasaan? (Makkīy)*

Sūrah 'Ibrāhīm : (14) : 28

Melalui pemerhatian ke atas contoh tersebut, kita dapat menyelami bahawa kata nama (نِعْمَتٌ) yang membawa maksud nikmat adalah berlawanan makna dengan kata nama (كُفْرًا) yang bererti kekufuran.

8. Firman Allah Ta'ālā :

قُلْ لِعِبَادِيَ الَّذِينَ ءَامَنُوا يُقِيمُوا الصَّلَاةَ وَيُنْفِقُوا مِمَّا رَزَقْنَاهُمْ سِرًّا وَعَلَانِيَةً

Maksudnya : *Katakanlah kepada hamba-hamba Ku yang beriman : Hendaklah mereka mendirikan sembahyang dan mendermakan dari apa yang Kami kurniakan kepada mereka sama ada secara tersembunyi ataupun secara terang-terangan (zahir). (Makkīy)*

Sūrah 'Ibrāhīm : (14) : 31

Daripada spesimen di atas, kita mampu menerobos bahawa kata nama (سِرًّا) yang bermaksud tersembunyi adalah berlawanan makna dengan kata nama (عَلَانِيَةً) yang membawa pengertian terang-terangan.

9. Firman Allah Ta‘ālā :

اللَّهُ الَّذِي خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَأَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً

Maksudnya : *Allah yang menciptakan langit dan bumi serta menurunkan hujan dari langit. (Makkīy)*

Sūrah 'Ibrāhīm : (14) : 32

Daripada spesimen di atas, kita dapat menghayati bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ)

yang membawa maksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ)

yang bererti bumi.

10. Firman Allah Ta‘ālā :

وَسَخَّرَ لَكُمْ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ دَائِبِينَ^ط وَسَخَّرَ لَكُمْ الَّيْلَ وَالنَّهَارَ

Maksudnya : *Dia (Allah) yang menjadikan matahari dan bulan sentiasa beredar untuk kemudahan kamu serta menjadikan malam dan siang bagi faedah hidup kamu. (Makkīy)*

Sūrah 'Ibrāhīm : (14) : 33

Berasaskan kepada spesimen tersebut, kita dapat memahami bahawa kata nama

(الشَّمْسُ) yang membawa maksud matahari adalah bertentangan makna dengan kata

nama (الْقَمَرُ) yang bererti bulan. Begitu juga dengan kata nama (اللَّيْلُ) yang

membawa pengertian malam adalah antonim kepada kata nama (النَّهَارُ) yang bererti

siang.

11. Firman Allah Ta‘ālā :

يَوْمَ تُبَدَّلُ الْأَرْضُ غَيْرَ الْأَرْضِ وَالسَّمَوَاتُ^ط وَبَرَزُوا لِلَّهِ الْوَاحِدِ الْقَهَّارِ

Maksudnya : *(Ingatlah) Pada hari bumi ini diganti dengan bumi yang lain, demikian juga langit. Manusia semuanya keluar berhimpun mengadap Allah yang Maha Esa lagi Maha Berkuasa. (Makkīy)*

Sūrah 'Ibrāhīm : (14) : 48

Berpaksikan kepada contoh di atas, kita dapat memahami bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah antonim kepada kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi.

3.15 Analisis Al-Ṭibāq Dalam Sūrah al-Ḥijr

1. Firman Allah Ta‘ālā :

وَلَقَدْ عَامَنَا الْمُسْتَقْدِمِينَ مِنْكُمْ وَلَقَدْ عَامَنَا الْأَسْتَفْخِرِينَ

Maksudnya : *Sesungguhnya Kami mengetahui orang-orang yang bersegera (dalam melakukan kebaikan) di antara kamu dan mengetahui orang-orang yang melambatkan.* (Makkīy)

Sūrah al-Ḥijr : (15) : 24

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (الْمُسْتَقْدِمِينَ) yang membawa maksud orang-orang yang bersegera adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْمُسْتَفْخِرِينَ) yang bererti orang-orang yang melambatkan.

2. Firman Allah Ta‘ālā :

فَجَعَلْنَا عَلَيْهَا سَافِلَهَا وَأَمْطَرْنَا عَلَيْهِمْ حِجَارَةً مِنْ سِجِّيلٍ

Maksudnya : *Kami jadikan (negeri kaum Lut) yang di atas menjadi di bawah (diterbalikkan bumi) dan Kami hujani dengan batu dari tanah liat yang dibakar.* (Makkīy)

Sūrah al-Ḥijr : (15) : 74

Berpandukan kepada misal di atas, kita memahami bahawa kata nama (عَالِيهَا) yang membawa maksud yang di atas adalah berlawanan makna dengan kata nama (سَافِلَهَا) yang bererti yang di bawah.

3. Firman Allah Ta‘ālā :

وَمَا خَلَقْنَا السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا إِلَّا بِالْحَقِّ

Maksudnya : *Tiadalah Kami (Allah) mencipta langit dan bumi serta segala apa yang ada di antara keduanya melainkan dengan penuh kebenaran (cara yang sangat berhikmat). (Makkīy)*

Sūrah al-Ḥijr : (15) : 85

Daripada spesimen di atas, kita dapat merenungi bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ)

yang bermaksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi.

3.16 Analisis Al-Ṭibāq Dalam Sūrah al-Naḥl

1. Firman Allah Ta‘ālā :

خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ بِالْحَقِّ تَعَالَىٰ عَمَّا يُشْرِكُونَ

Maksudnya : *Dia (Allah) menciptakan langit dan bumi dengan penuh kebenaran (cara yang berhikmat). Maha Tinggi Tuhan daripada apa yang mereka sekutu kan (perbuatan syirik). (Makkīy)*

Sūrah al-Naḥl : (16) : 3

Penelitian terhadap ayat di atas akan menunjukkan kepada kita bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi.

2. Firman Allah Ta‘ālā :

وَسَخَّرَ لَكُمْ الَّيْلَ وَالنَّهَارَ وَالشَّمْسَ وَالْقَمَرَ

Maksudnya : *Dia (Allah) mempermudah kan bagi kamu malam dan siang serta matahari dan bulan. (Makkīy)*

Sūrah al-Naḥl : (16) : 12

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (اللّٰئِيْلُ) yang membawa maksud malam adalah bertentangan makna dengan kata nama (النَّهَارُ) yang bererti siang.

3. Firman Allah Ta'ālā :

أَمْوَاتٌ غَيْرُ أَحْيَاءٍ وَمَا يَشْعُرُونَ أَيَّانَ يُبْعَثُونَ

Maksudnya : *Makhluk-makhluk itu tetap akan mati, bukannya kekal hidup. Mereka tidak mengetahui bilakah akan dibangkitkan (menerima balasan).*

Sūrah al-Naḥl : (16) : 21

Berdasarkan spesimen yang ditunjukkan di atas, kita dapat menghayati bahawa kata nama (أَمْوَاتٌ) yang membawa maksud makhluk-makhluk yang mati adalah tidak berlawanan makna dengan kata nama (غَيْرُ أَحْيَاءٍ) yang bererti makhluk-makhluk yang tidak hidup. Namun apabila kata nama (أَمْوَاتٌ) bertentangan dengan kata nama (أَحْيَاءٍ), ia dikategorikan dalam kumpulan al-tibaq.

4. Firman Allah Ta'ālā :

فَمِنْهُمْ مَّنْ هَدَى اللَّهُ وَمِنْهُمْ مَّنْ حَقَّتْ عَلَيْهِ الضَّلَالَةُ

Maksudnya : *Di antara mereka (yang menerima seruan Rasul itu), ada yang Allah memberi petunjuk dan ada pula yang berhak ditimpa kesesatan. (Makkīy)*

Sūrah al-Naḥl : (16) : 36

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata kerja (هَدَى) yang bermaksud memberi petunjuk adalah antonim kepada kata nama (الضَّلَالَةُ) yang bererti kesesatan.

5. Firman Allah Ta'ālā :

وَلِلَّهِ يَسْجُدُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ مِنْ دَابَّةٍ وَالْمَلَائِكَةِ

Maksudnya : *Kepada Allah jua tunduk (sujud) segala apa yang ada di langit dan di bumi (terdiri) daripada makhluk yang melata serta para malaikat. (Makkīy)*

Sūrah al-Naḥl : (16) : 49

Berpandukan kepada misal di atas, kita dapat menyelami bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi.

6. Firman Allah Ta'ālā :

وَلَهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَلَهُ الدِّينُ وَاصِبًا أَفَغَيْرَ اللَّهِ تَتَّقُونَ

Maksudnya : *Kepunyaan Allah segala apa yang ada di langit dan di bumi dan agama (ibadat dan ketaatan) selama-lamanya untuk Allah. Justeru itu, tidaklah wajar kamu takut selain daripada Allah. (Makkīy)*

Sūrah al-Naḥl : (16) : 52

Daripada spesimen yang diutarakan di atas, kita dapat menanggapi bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi.

7. Firman Allah Ta'ālā :

وَمَا بِكُمْ مِنْ نِعْمَةٍ فَمِنَ اللَّهِ ثُمَّ إِذَا مَسَّكُمُ الضُّرُّ فَإِلَيْهِ تَجْرُونَ

Maksudnya : *Apa-apa nikmat yang ada pada kamu, ianya daripada Allah. Kemudian apabila kamu ditimpa kesusahan, kepada Nya lah kamu meraung meminta pertolongan. (Makkīy)*

Sūrah al-Naḥl : (16) : 53

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (الضَّرُّ) yang bererti kemudaratan adalah berlawanan makna dengan kata nama (نِعْمَةٌ) yang membawa maksud nikmat. Sekiranya kita pergi lebih jauh, kita dapat menghayati bahawa kata nama (نِعْمَةٌ) mengandungi pengertian manfaat.

8. Firman Allah Ta‘ālā :

وَيَعْبُدُونَ مِن دُونِ اللَّهِ مَا لَا يَمْلِكُ لَهُمْ رِزْقًا مِّنَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ شَيْئًا

Maksudnya : Mereka menyembah benda-benda selain daripada Allah yang tidak mampu memberikan mereka sebarang rezeki daripada langit dan bumi .

Sūrah al-Naḥl : (16) : 73

Berdasarkan contoh di atas, kita mampu menerobos bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi.

9. Firman Allah Ta‘ālā :

وَمَن رَزَقْنَاهُ مِنَّا رِزْقًا حَسَنًا فَهُوَ يُنْفِقُ مِنْهُ سِرًّا وَجَهْرًا

Maksudnya : Orang yang Kami kurniakan kepadanya rezeki yang baik (harta kekayaan) dari kami lalu ia menafkahkan sebahagian daripada hartanya sama ada secara bersembunyi ataupun secara terbuka. (Makkīy)

Sūrah al-Naḥl : (16) : 75

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (سِرًّا) yang membawa maksud secara bersembunyi adalah antonim kepada kata nama (جَهْرًا) yang bererti secara terbuka.

10. Firman Allah Ta‘ālā :

وَلِلَّهِ غَيْبُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ^ع

Maksudnya : *Allah jua yang mengetahui segala rahsia langit dan bumi.*

Sūrah al-Nahl : (16) : 77

Daripada contoh di atas, kita dapat menanggapi bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah bertentangan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi.

11. Firman Allah Ta‘ālā :

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهٗ حَيٰوةً طَيِّبَةً

Maksudnya : *Sesiapa yang mengerjakan perbuatan baik daripada kalangan lelaki atau perempuan dalam keadaan is beriman, sesungguhnya Kami (Allah) akan menghidupkannya dalam kehidupan yang baik. (Makkīy)*

Sūrah al-Nahl : (16) : 97

Berpandukan kepada misal di atas, kita memahami bahawa kata nama (ذَكَرٌ) yang bermaksud lelaki adalah berlawanan makna dengan kata nama (أُنْثَىٰ) yang membawa pengertian perempuan.

12. Firman Allah Ta‘ālā :

وَلَا تَقُولُوا لِمَا تَصِفُ أَلْسِنَتُكُمُ الْكَذِبَ هٰذَا حَلٰلٌ وَهٰذَا حَرَامٌ

Maksudnya : *Janganlah kamu berkata dusta menurut ucapan lidahmu menyatakan: "Ini halal dan ini haram". (Makkīy)*

Sūrah al-Nahl : (16) : 116

Daripada spesimen di atas, kita dapat merenungi bahawa kata nama (حَلَالٌ) yang membawa maksud halal adalah berlawanan makna dengan kata nama (حَرَامٌ) yang bererti haram.

13. Firman Allah Ta‘ālā :

وَأَتَيْنَهُ فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَإِنَّهُ فِي الْآخِرَةِ لَمِنَ الصَّالِحِينَ

Maksudnya : *Kami memberikan kepadanya kebaikan di dunia dan sesungguhnya ia pada hari akhirat adalah daripada orang-orang yang soleh.*

Sūrah al-Naḥl : (16) : 122

Penelitian terhadap ayat di atas akan menunjukkan kepada kita bahawa kata nama (الدُّنْيَا) yang membawa maksud dunia adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْآخِرَةِ) yang bererti akhirat.

3.17 Analisis Al-Ṭibāq Dalam Sūrah al-‘Isrā’

1. Firman Allah Ta‘ālā :

وَيَدْعُ الْإِنْسَانُ بِالشَّرِّ دُعَاءَهُ بِالْخَيْرِ وَكَانَ الْإِنْسَانُ عَجُولًا

Maksudnya : *Manusia mendoakan (memohon ditimpa) kejahatan sebagaimana ia mendoakan kebaikan dan sememangnya manusia itu (tabiat) terburu-buru. (Makkīy)*

Sūrah al-‘Isrā’ : (17) : 11

Daripada spesimen di atas, kita dapat menghayati bahawa kata nama (الشَّرُّ) yang membawa maksud kejahatan adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْخَيْرُ) yang bererti kebaikan.

2. Firman Allah Ta‘ālā :

وَجَعَلْنَا اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ آيَاتَيْنِ ۖ فَمَحَوْنَا آيَةَ اللَّيْلِ وَجَعَلْنَا آيَةَ النَّهَارِ مُبْصِرَةً

Maksudnya : Kami (Allah) menjadikan malam dan siang itu sebagai dua tanda (kekuasaan kami), lalu Kami padamkan tanda malam itu (sehingga menjadi gelap-gelita) dan Kami jadikan tanda siang itu terang-benderang.

Sūrah al-‘Isrā’ : (17) : 12

Berpandukan ayat di atas, kita mendapati dua posisi kata nama (اللَّيْلُ) yang bererti malam adalah berlawanan makna dengan kata nama (النَّهَارُ) yang bermakna siang.

3. Firman Allah Ta‘ālā :

أَفَأَصْفَنكُمْ رَبُّكُمْ بِالْبَنِينَ وَاتَّخَذَ مِنَ الْمَلَائِكَةِ إِنَاثًا

Maksudnya : Apakah wajar Tuhan kamu memilih anak-anak lelaki untuk kamu dan Dia sendiri mengambil bagi diri Nya anak-anak perempuan daripada kalangan malaikat ? (Makkīy)

Sūrah al-‘Isrā’ : (17) : 40

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (الْبَنِينَ) yang bermaksud anak-anak lelaki adalah berlawanan makna dengan kata nama (إِنَاثًا) yang membawa pengertian anak-anak perempuan.

4. Firman Allah Ta‘ālā :

تُسَبِّحُ لَهُ السَّمَوَاتُ السَّبْعُ وَالْأَرْضُ وَمَنْ فِيهِنَّ

Maksudnya : Langit yang tujuh dan bumi serta sekalian makhluk yang ada padanya sentiasa bertasbih (memuji kebesaran) bagi Allah (Makkīy)

Sūrah al-‘Isrā’ : (17) : 44

Bersumberkan contoh di atas, kita memahami bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah antonim kepada kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi.

5. Firman Allah Ta‘ālā :

وَرَبُّكَ أَعْلَمُ بِمَنْ فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ

Maksudnya : *Tuhan mu lebih mengetahui mengenai sekalian makhluk yang ada di langit dan di bumi.* (Makkīy)

Sūrah al-‘Isrā’ : (17) : 55

Berpaksikan kepada contoh di atas, kita dapat memahami bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang bermaksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang membawa pengertian bumi.

6. Firman Allah Ta‘ālā :

وَإِذَا مَسَّكُمُ الضُّرُّ فِي الْبَحْرِ ضَلَّ مَنْ تَدْعُونَ إِلَّا إِلَٰهَٰهُ فَلَمَّا نَجَّكُمُ إِلَى الْبَرِّ أَعْرَضْتُمْ

Maksudnya : *Apabila kamu ditimpa bahaya di lautan, (pada saat itu) lenyaplah (dari ingatan kamu) makhluk-makhluk yang kamu seru selain daripada Allah. Tetapi apabila Allah menyelamatkan kamu ke daratan, kamu terus berpaling tadah (tidak mengingati Nya).*

Sūrah al-‘Isrā’ : (17) : 67

Berdasarkan ayat di atas, kita memahami bahawa kata nama (الْبَحْرُ) yang membawa maksud lautan adalah bertentangan makna dengan kata nama (الْبَرُّ) yang bererti daratan.

7. Firman Allah Ta'ālā :

وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي آدَمَ وَحَمَلْنَاهُمْ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ وَرَزَقْنَاهُمْ مِّنَ الطَّيِّبَاتِ

Maksudnya : *Sesungguhnya Kami memuliakan anak-anak Adam dan Kami memberi mereka pelbagai kenderaan di darat dan di laut serta Kami mengurniakan rezeki kepada mereka daripada benda yang baik-baik.* (Makkīy)

Sūrah al-'Isrā' : (17) : 70

Berasaskan kepada spesimen tersebut, kita dapat menghayati bahawa kata nama (الْبَرُّ) yang bererti darat adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْبَحْرُ) yang membawa maksud laut.

8. Firman Allah Ta'ālā :

إِذَا لَأَذَقْنَاكَ ضِعْفَ الْحَيَاةِ وَضِعْفَ الْمَمَاتِ

Maksudnya : *Jika (engkau melakukan) demikian, tentulah Kami akan menjadikan kamu merasa kesengsaraan yang berganda semasa hidup dan kesengsaraan yang berganda juga sesudah mati.* (Makkīy)

Sūrah al-'Isrā' : (17) : 75

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (الْحَيَاةُ) yang membawa maksud hidup adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْمَمَاتُ) yang bererti mati.

9. Firman Allah Ta'ālā :

وَقُلْ جَاءَ الْحَقُّ وَزَهَقَ الْبَاطِلُ إِنَّ الْبَاطِلَ كَانَ زَهُوقًا

Maksudnya : *Katakanlah:" Telah datang kebenaran (Islam) dan lenyaplah kebatilan (kepalsuan). Sesungguhnya kebatilan itu pasti lenyap".* (Makkīy)

Sūrah al-'Isrā' : (17) : 81

Daripada spesimen di atas, kita dapat menghayati bahawa kata nama (الْحَقُّ) yang membawa maksud kebenaran adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْبَاطِلُ) yang bererti kebatilan

10. Firman Allah Ta'ālā :

قُلْ لِّينِ اجْتَمَعَتِ الْإِنْسُ وَالْجِنُّ عَلَيَّ أَنْ يَأْتُوا بِمِثْلِ هَذَا الْقُرْآنِ

Maksudnya : *Katakanlah: "Sesungguhnya jika sekalian manusia dan jin berhimpun untuk membawa datang sesuatu yang sebanding dengan Al-Quran ini. (Makkīy)*

Sūrah al-'Isrā' : (17) : 88

Berpandukan kepada misal di atas, kita dapat merenungi bahawa kata nama (الْجِنُّ) yang bererti jin adalah antonim kepada kata nama (الْإِنْسُ) yang membawa maksud manusia.

11. Firman Allah Ta'ālā :

أَوَلَمْ يَرَوْا أَنَّ اللَّهَ الَّذِي خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ قَادِرٌ عَلَيَّ أَنْ يَخْلُقَ مِثْلَهُمْ

Maksudnya : *Apakah mereka tidak memikirkan bahawa Allah yang menciptakan langit dan bumi berkuasa menciptakan orang yang seperti mereka (dalam bentuk yang baharu). (Makkīy)*

Sūrah al-'Isrā' : (17) : 99

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang bermaksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang membawa pengertian bumi.

12. Firman Allah Ta‘ālā :

قَالَ لَقَدْ عَلِمْتُمْ مَا أَنْزَلَ هَتُؤَلَاءِ إِلَّا رَبُّ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ بِصَآئِرٍ

Maksudnya : *Dia (Nabi Musa) berkata: "Sebenarnya kamu (Firaun) telah mengetahui bahawa tiada yang menurunkan mukjizat-mukjizat ini melainkan Tuhan yang mentadbir langit dan bumi sebagai bukti-bukti (yang menerangkan kebenaran). (Makkīy)*

Sūrah al-'Isrā' : (17) : 102

Melalui pemerhatian ke atas contoh tersebut, kita dapat menanggapi bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi.

13. Firman Allah Ta‘ālā :

وَبِالْحَقِّ أَنْزَلْنَاهُ وَبِالْحَقِّ نَزَلَ وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا مُبَشِّرًا وَنَذِيرًا

Maksudnya : *Dengan penuh kebenaran, Kami turunkannya (Al-Quran) dan dengan penuh kebenaran, ia turun. Kami tidak mengutus mu (Wahai Muhammad) melainkan sebagai pembawa berita gembira dan pembawa amaran. (Makkīy)*

Sūrah al-'Isrā' : (17) : 105

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (مُبَشِّرًا) yang membawa maksud pembawa berita gembira adalah bertentangan makna dengan kata nama (نَذِيرًا) yang bererti pembawa amaran.

3.18 Analisis Al-Ṭibāq Dalam Sūrah al-Kahf

1. Firman Allah Ta‘ālā :

فَقَالُوا رَبُّنَا رَبُّ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ لَنْ نَدْعُوَ مِنْ دُونِهِ إِلَهًا

Maksudnya : *Lalu mereka (pemuda Ashabul Kahfi) berkata: "Tuhan Kami ialah Tuhan yang mentadbirkan langit dan bumi. Kami sekali-kali tidak akan menyembah Tuhan selain daripada Nya. (Makkīy)*

Sūrah al-Kahf : (18) : 14

Daripada spesimen di atas, kita dapat menyelami bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi.

2. Firman Allah Ta‘ālā :

وَتَحْسَبُهُمْ أَيْقَاظًا وَهُمْ رُقُودٌ

Maksudnya : *Dan kamu menyangka mereka sudah bangkit sedangkan mereka masih tidur.* (Makkīy)

Sūrah al-Kahf : (18) : 18

Berdasarkan ayat di atas, kita memahami bahawa kata nama (أَيْقَاظًا) yang membawa pengertian bangkit (dari tidur) adalah bertentangan makna dengan kata nama (رُقُودٌ) yang bererti tidur.

3. Firman Allah Ta‘ālā :

قُلِ اللَّهُ أَعْلَمُ بِمَا لَبِثُوا لَهُ غَيْبُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ

Maksudnya : *Katakan (Wahai Muhammad): "Allah jua yang lebih mengetahui tentang berapa mereka tinggal (dalam gua). Allah mengetahui segala rahsia langit dan bumi.* (Makkīy)

Sūrah al-Kahf : (18) : 26

Daripada spesimen yang diutarakan di atas, kita mampu menerobos bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi.

4. Firman Allah Ta'ālā :

وَأَصْبِرْ نَفْسَكَ مَعَ الَّذِينَ يَدْعُونَ رَبَّهُمْ بِالْغَدَاةِ وَالْعَشِيِّ يُرِيدُونَ وَجْهَهُ

Maksudnya : *Sabarkan lah diri mu bersama orang-orang yang menyeru (beribadat) Tuhan mereka pada waktu pagi dan petang dalam keadaan mengharapkan keredaan Allah semata-mata. (Makkīy)*

Sūrah al-Kahf : (18) : 28

Berpandukan kepada misal di atas, kita memahami bahawa kata nama (الغَدَاة)

yang membawa maksud waktu pagi adalah antonim kepada kata nama (العَشِيِّ) yang bererti waktu petang.

5. Firman Allah Ta'ālā :

وَيَقُولُونَ يَا وَيْلَتَنَا مَا لِ هَذَا الْكِتَابِ لَا يُغَادِرُ صَغِيرَةً وَلَا كَبِيرَةً إِلَّا أَحْصَاهَا

Maksudnya : *Mereka berkata:" Aduhai celaka nya kami, Apakah gerangan nya Kitab ini yang tidak meninggalkan perkara kecil dan tidak juga yang besar melainkan semua dihitung nya!" (Makkīy)*

Sūrah al-Kahf : (18) : 49

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (صَغِيرَةً) yang

membawa maksud perkara kecil adalah berlawanan makna dengan kata nama (كَبِيرَةً) yang bererti perkara besar.

6. Firman Allah Ta'ālā :

مَا أَشْهَدُهُمْ خَلْقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَلَا خَلْقَ أَنْفُسِهِمْ

Maksudnya : *Aku tidak memanggil mereka menjadi saksi dalam penciptaan langit dan bumi dan tidak juga dalam menciptakan diri mereka sendiri. (Makkīy)*

Sūrah al-Kahf : (18) : 51

Penelitian terhadap ayat di atas akan menunjukkan kepada kita bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang bermaksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang membawa pengertian bumi.

7. Firman Allah Ta‘ālā :

وَمَا تُرْسِلُ الْمُرْسَلِينَ إِلَّا مُبَشِّرِينَ وَمُنذِرِينَ ۚ وَمُجْتَدِلِ الَّذِينَ كَفَرُوا بِالْبَاطِلِ لِيُدْحِضُوا بِهِ الْحَقَّ

Maksudnya : *Kami tidak mengutus Rasul-rasul melainkan sebagai pembawa berita gembira dan pembawa amaran. Orang-orang kafir itu membantah dengan alasan yang penuh kepalsuan untuk menghapuskan kebenaran.* (Makkīy)

Sūrah al-Kahf : (18) : 56

Berpandukan ayat di atas, kita mendapati kata nama (مُبَشِّرِينَ) yang bererti pembawa berita gembira adalah berlawanan makna dengan kata nama (مُنذِرِينَ) yang bermakna pembawa amaran. Manakala kata nama (الْبَاطِلِ) yang bermaksud kepalsuan adalah antonim kepada kata nama (الْحَقِّ) yang membawa pengertian kebenaran.

3.19 Analisis Al-Ṭibāq Dalam Sūrah Maryam

1. Firman Allah Ta‘ālā :

لَا يَسْمَعُونَ فِيهَا لَغْوًا إِلَّا سَلَامًا ۖ وَهُمْ رِزْقُهُمْ فِيهَا بُكْرَةً وَعَشِيًّا

Maksudnya : *Mereka tidak akan mendengar di dalamnya ucapan yang sia-sia tetapi mereka sentiasa mendengar perkataan yang baik-baik. Mereka mendapat rezeki (penyediaan makan minum) di dalamnya, pagi dan petang (sepanjang masa).* (Makkīy)

Sūrah Maryam : (19) : 62

Berpandukan ayat di atas, kita mendapati kata nama (لَغْوًا) yang bererti ucapan yang sia-sia adalah berlawanan makna dengan kata nama (سَلَامًا) yang bermakna perkataan yang baik-baik. Manakala kata nama (بُكْرَةً) yang bermaksud pagi adalah antonim kepada kata nama (عَشِيًّا) yang membawa pengertian petang.

2. Firman Allah Ta'ālā :

رَبُّ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا فَاعْبُدْهُ وَاصْطَبِرْ لِعِبَادَتِهِ

Maksudnya : *Tuhan yang mentadbirkan langit dan bumi serta segala apa yang ada di antara keduanya. Oleh itu, sembahlah Dia (Allah) dan bersabarlah dalam beribadat kepada Nya. (Makkīy)*

Sūrah Maryam : (19) : 65

Berpandukan kepada misal di atas, kita dapat merenungi bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah bertentangan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi.

3. Firman Allah Ta'ālā :

تَكَادُ السَّمَوَاتُ يَتَفَطَّرْنَ مِنْهُ وَتَنْشَقُّ الْأَرْضُ وَتَخِرُّ الْجِبَالُ هَدًّا

Maksudnya : *Langit nyaris-nyaris pecah kerananya (pembongkaran orang-orang kafir) dan bumi pula hampir terbelah serta gunung-ganang pun hampir runtuh. (Makkīy)*

Sūrah Maryam : (19) : 90

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah antonim kepada kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi.

4. Firman Allah Ta‘ālā :

إِنَّ كُلُّ مَنْ فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ إِلَّا آتَى الرَّحْمَنِ عَبْدًا

Maksudnya : *Tidak ada sesiapa pun di langit dan di bumi melainkan ia akan datang kepada Tuhan yang Maha Pemurah sebagai hamba.* (Makkīy)

Sūrah Maryam : (19) : 93

Daripada spesimen di atas, kita dapat menghayati bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ)

yang membawa maksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi.

3.20 Analisis Al-Ṭibāq Dalam Sūrah Ṭaha

1. Firman Allah Ta‘ālā :

تَنْزِيلًا مِّمَّنْ خَلَقَ الْأَرْضَ وَالسَّمَوَاتِ الْعُلَى

Maksudnya : *(Al-Quran) yang diturunkan dari Tuhan yang menciptakan bumi dan langit yang tinggi.* (Makkīy)

Sūrah Ṭaha : (20) : 4

Penelitian terhadap ayat di atas akan menunjukkan kepada kita bahawa kata nama (الْأَرْضُ) yang bermaksud bumi adalah berlawanan makna dengan kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa pengertian langit.

2. Firman Allah Ta‘ālā :

لَهُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا وَمَا تَحْتَ الثَّرَى

Maksudnya : *Dia (Allah) jua yang memiliki segala apa yang ada di langit dan di bumi serta di antara keduanya dan di bawah tanah.* (Makkīy)

Sūrah Ṭaha : (20) : 6

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi.

3. Firman Allah Ta'ālā :

أَفَلَا يَرَوْنَ إِلَّا يَرْجِعُ إِلَيْهِمْ قَوْلًا وَلَا يَمْلِكُ لَهُمْ ضَرًّا وَلَا نَفْعًا

Maksudnya : *Apakah mereka tidak melihat (memikirkan) bahawa ia (patung) tidak dapat menjawab kata-kata mereka dan tidak mampu mendatangkan bahaya atau memberi manfaat kepada mereka?* (Makkīy)

Sūrah Ṭaha : (20) : 89

Berpaksikan kepada contoh di atas, kita dapat menanggapi bahawa kata nama (ضَرًّا) yang bermaksud mendatangkan bahaya adalah berlawanan makna dengan kata nama (نَفْعًا) yang bererti memberi manfaat.

4. Firman Allah Ta'ālā :

لَا تَرَى فِيهَا عِوَجًا وَلَا أَمْتًا

Maksudnya : *Engkau tidak melihat padanya (tanah rata) tempat yang rendah atau tempat yang tinggi.* (Makkīy)

Sūrah Ṭaha : (20) : 107

Berasaskan kepada spesimen tersebut, kita dapat merenungi bahawa kata nama (عِوَجًا) yang bermaksud tempat yang rendah adalah berlawanan makna dengan kata nama (أَمْتًا) yang bererti tempat yang tinggi.

5. Firman Allah Ta‘ālā :

قَالَ رَبِّ لِمَ حَشَرْتَنِي أَعْمَى وَقَدْ كُنْتُ بَصِيرًا

Maksudnya : *Ia berkata: "Wahai Tuhanku, mengapa Engkau himpulkan daku dalam keadaan buta sedangkan aku dahulunya celik (semasa di dunia)?*

Sūrah Ṭaha : (20) : 125

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (أَعْمَى) yang membawa maksud buta adalah berlawanan makna dengan kata nama (بَصِيرًا) yang bererti celik.

6. Firman Allah Ta‘ālā :

فَأَصْبِرْ عَلَىٰ مَا يَقُولُونَ وَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ قَبْلَ طُلُوعِ الشَّمْسِ وَقَبْلَ غُرُوبِهَا وَمِنْ آنَاءِ
الَّيْلِ فَسَبِّحْ وَأَطْرَافَ النَّهَارِ لَعَلَّكَ تَرْضَىٰ

Maksudnya : *Oleh itu, bersabarlah terhadap apa yang mereka katakan dan bertasbih lah (beribadatlah) dengan memuji Tuhan mu sebelum matahari terbit dan sebelum terbenam. Beribadatlah pada sebahagian daripada waktu malam dan sebahagian daripada waktu siang mudah-mudahan kamu merasa senang hati. (Makkīy)*

Sūrah Ṭaha : (20) : 130

Berpandukan ayat di atas, kita mendapati kata nama (طُلُوع) yang bererti terbit adalah berlawanan makna dengan kata nama (غُرُوب) yang bermakna terbenam. Manakala kata nama (اللَّيْلِ) yang bermaksud malam adalah antonim kepada kata nama (النَّهَار) yang membawa pengertian siang.

3.21 Analisis Al-Ṭibāq Dalam Sūrah al-'Anbiyā'

1. Firman Allah Ta'ālā :

بَلْ نَقْذِفُ بِالْحَقِّ عَلَى الْبَاطِلِ فَيَدْمَغُهُ فَإِذَا هُوَ زَاهِقٌ

Maksudnya : *Bahkan Kami sentiasa mengarahkan kebenaran menentang kebatilan (kepalsuan), lalu ia menghancurkannya, lantas kebatilan itu hilang lenyap.* (Makkīy)

Sūrah al-'Anbiyā' : (21) : 18

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (الْحَقُّ) yang membawa maksud kebenaran adalah antonim kepada kata nama (الْبَاطِلِ) yang bererti kebatilan.

2. Firman Allah Ta'ālā :

وَلَهُ مَنْ فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ

Maksudnya : *(Ingatlah) Kepunyaan Allah jua segala apa yang ada di langit dan di bumi.* (Makkīy)

Sūrah al-'Anbiyā' : (21) : 19

Berpandukan kepada misal di atas, kita dapat menghayati bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah bertentangan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi.

3. Firman Allah Ta'ālā :

يُسَبِّحُونَ اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ لَا يَفْتُرُونَ

Maksudnya : *Mereka bertasbih malam dan siang dan tidak pernah berhenti.*

Sūrah al-'Anbiyā' : (21) : 20

Daripada spesimen di atas, kita dapat merenungi bahawa kata nama (اللَّيْلُ) yang bermaksud malam adalah berlawanan makna dengan kata nama (النَّهَارُ) yang membawa pengertian siang.

4. Firman Allah Ta'ālā :

أُولَئِكَ الَّذِينَ كَفَرُوا أَنَّ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ كَانَتَا رَتْقًا فَفَتَقْنَاهُمَا

Maksudnya : *Apakah orang-orang kafir itu tidak memerhatikan bahawa sesungguhnya langit dan bumi itu pada asalnya bercantum (sebagai benda yang satu), lalu Kami (Allah) pisahkan antara keduanya.* (Makkīy)
Sūrah al-'Anbiyā' : (21) : 30

Melalui pemerhatian ke atas contoh tersebut, kita dapat menanggapi bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi.

5. Firman Allah Ta'ālā :

وَهُوَ الَّذِي خَلَقَ اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ وَالشَّمْسَ وَالْقَمَرَ كُلٌّ فِي فَلَكٍ يَسْبَحُونَ

Maksudnya : *Dia (Allah) Yang menjadikan malam dan siang, matahari dan bulan. Setiap satunya beredar terapung-apung di tempat edaran masing-masing (di angkasa lepas).* (Makkīy)
Sūrah al-'Anbiyā' : (21) : 33

Berdasarkan ayat di atas, kita memahami bahawa kata nama (اللَّيْلُ) yang membawa maksud malam adalah berlawanan makna dengan kata nama (النَّهَارُ) yang bererti siang. Hal yang sama berlaku pada kata nama (الشَّمْسُ) yang membawa maksud matahari adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْقَمَرُ) yang bererti bulan.

6. Firman Allah Ta‘ālā :

قُلْ مَنْ يَكْلُؤُكُمْ بِاللَّيْلِ وَالنَّهَارِ مِنَ الرَّحْمَنِ

Maksudnya : *Katakanlah : "Siapakah yang dapat menjaga keselamatan kamu pada malam dan siang daripada azab Tuhan yang bersifat Maha Pemurah?"* (Makkīy)

Sūrah al-'Anbiyā' : (21) : 42

Berdasarkan spesimen di atas, kita dapat menyelami bahawa kata nama (اللَّيْلُ) yang membawa maksud malam adalah berlawanan makna dengan kata nama (النَّهَارُ) yang bererti siang.

7. Firman Allah Ta‘ālā :

قَالَ لَقَدْ كُنْتُمْ أَنْتُمْ وَآبَاؤُكُمْ فِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ , قَالُوا أَجِئْتَنَا بِالْحَقِّ أَمْ أَنْتَ مِنَ اللَّاعِبِينَ

Maksudnya : *Dia (Nabi Ibrahim) berkata: "Sesungguhnya kamu dan nenek moyang kamu dalam kesesatan yang nyata". Mereka bertanya: "Adakah engkau membawa kepada kami sesuatu yang benar (sebagai seorang Rasul) ataupun engkau daripada orang-orang yang bermain-main sahaja?"* (Makkīy)

Sūrah al-'Anbiyā' : (21) : 54-55

Daripada spesimen di atas, kita mampu menerobos bahawa kata nama (ضَلَالٍ) yang bermaksud kesesatan adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْحَقُّ) yang membawa pengertian kebenaran.

8. Firman Allah Ta‘ālā :

قَالَ بَلْ رَبُّكُمْ رَبُّ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ الَّذِي فَطَرَهُنَّ .

Maksudnya : *Dia (Nabi Ibrahim) menjawab: "(Bukan bermain-main) Bahkan Tuhan kamu adalah Tuhan yang mentadbirkan langit dan bumi, Dia (Allah) yang mencipta kesemuanya.* (Makkīy)

Sūrah al-'Anbiyā' : (21) : 56

Bersumberkan contoh di atas, kita memahami bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi.

9. Firman Allah Ta'ālā :

فَاسْتَجَبْنَا لَهُ فَكَشَفْنَا مَا بِهِ مِنْ ضُرٍّ ۖ وَآتَيْنَاهُ أَهْلَهُ وَمِثْلَهُمْ مَعَهُمْ رَحْمَةً مِّنْ عِنْدِنَا
وَذِكْرَىٰ لِّلْعَالَمِينَ

Maksudnya : Kami memperkenankan permintaannya (Nabi Ayub), lalu Kami hilangkan kemudaratan (penyakit) yang menimpanya. Kami kurniakan kepadanya pengikut-pengikut (keluarga) dan tambahan seramai itu juga sebagai suatu rahmat dari Kami serta peringatan bagi orang-orang yang menyembah Allah. (Makkīy)

Sūrah al-'Anbiyā' : (21) : 84

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (ضُرٌّ) yang membawa maksud kemudaratan adalah berlawanan makna dengan kata nama (رَحْمَةً) yang bererti rahmat. Secara tersirat nya, kata nama (رَحْمَةً) membawa pengertian (نَفْعٌ) yakni manfaat.

10. Firman Allah Ta'ālā :

إِنَّهُمْ كَانُوا يُسْرِعُونَ فِي الْخَيْرَاتِ وَيَدْعُونَنَا رَغَبًا وَرَهَبًا ۗ

Maksudnya : Sesungguhnya mereka sentiasa berlumba-lumba dalam mengerjakan kebaikan dan sentiasa berdoa kepada Kami dengan perasaan mengharap (kepada kurniaan Allah) dan perasaan bimbang (terhadap hukuman Nya). (Makkīy)

Sūrah al-'Anbiyā' : (21) : 90

Daripada spesimen di atas, kita dapat menghayati bahawa kata nama (رَغْبًا) yang membawa maksud perasaan mengharapkan adalah antonim kepada kata nama (رَهْبًا) yang bererti perasaan bimbang.

11. Firman Allah Ta‘ālā :

وَإِنْ أَدْرِيْٓ أَقْرَبُ أَمْ بَعِيْدٌ مَّا تُوعَدُونَ

Maksudnya : *Aku tidak mengetahui sama ada (balasan buruk) yang dijanjikan kerana keingkaran kamu itu sudah dekat atau masih jauh. (Makkīy)*

Sūrah al-'Anbiyā' : (21) : 109

Berpandukan kepada misal di atas, kita memahami bahawa kata nama (قَرِيْبٌ) yang membawa maksud dekat adalah berlawanan makna dengan kata nama (بَعِيْدٌ) yang bererti jauh.

3.22 Analisis Al-Ṭibāq Dalam Sūrah al-Ḥajj

1. Firman Allah Ta‘ālā :

وَتَرَى النَّاسَ سُكَرَىٰ وَمَا هُمْ بِسُكَرَىٰ وَلَٰكِنَّ عَذَابَ اللَّهِ شَدِيْدٌ

Maksudnya : *Engkau akan melihat manusia mabuk sedangkan mereka sebenarnya bukanlah mabuk tetapi azab Allah amatlah pedih. (Makkīy)*

Sūrah al-Ḥajj : (22) : 2

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (سُلْكَارَى) yang bermaksud mabuk adalah bertentangan makna dengan kata nama (مَا هُمْ بِسُلْكَارَى) yang membawa pengertian mereka bukanlah mabuk.

2. Firman Allah Ta'ālā :

ثُمَّ مِنْ مُضْغَةٍ مُخَلَّفَةٍ وَغَيْرِ مُخَلَّفَةٍ لِنَبِيِّنَ لَكُمْ

Maksudnya : *Kemudian (kejadian manusia) daripada segumpal daging yang sempurna kejadiannya dan tidak sempurna kejadiannya untuk Kami (Allah) memperjelaskan kepada kamu.*

Sūrah al-Ḥajj : (22) : 5

Berdasarkan ayat di atas, kita dapat merenungi bahawa kata nama (**مُخَلَّفَةٍ**) yang membawa pengertian sempurna kejadiannya adalah bertentangan makna dengan kata nama (**غَيْرِ مُخَلَّفَةٍ**) yang bererti tidak sempurna kejadiannya.

3. Firman Allah Ta'ālā :

فَإِنْ أَصَابَهُ خَيْرٌ اطْمَأَنَّ بِهِ ^ط وَإِنْ أَصَابَتْهُ فِتْنَةٌ أُنْقَلَبَ عَلَىٰ وَجْهِهِ خَسِرَ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةَ

Maksudnya : *Sekiranya beroleh kebaikan, ia merasa senang hati dan jika ditimpa fitnah (kesusahan), ia berbalik semula (kepada kekufuran nya). Ia mendapat kerugian di dunia dan akhirat. (Makkīy)*

Sūrah al-Ḥajj : (22) : 11

Berpandukan ayat di atas, kita mendapati kata nama (**خَيْرٌ**) yang bererti kebaikan adalah berlawanan makna dengan kata nama (**فِتْنَةٌ**) yang bermakna fitnah (kesusahan). Manakala kata nama (**الدُّنْيَا**) yang bermaksud dunia adalah antonim kepada kata nama (**الْآخِرَةَ**) yang membawa pengertian akhirat.

4. Firman Allah Ta'ālā :

يَدْعُوا لِمَنْ ضَرُّهُ أَقْرَبُ مِنْ نَفْعِهِ ^ع لِبَيْسِ الْمَوْلَىٰ وَلِبَيْسِ الْعَشِيرِ

Maksudnya : *Ia menyeru kepada sesuatu yang mudaratnya lebih dekat dari (berbanding) manfaatnya. Sesungguhnya itulah seburuk-buruk penolong dan teman. (Makkīy)*

Sūrah al-Ḥajj : (22) : 13

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahwa kata nama (**ضَرُّهُ**) yang membawa maksud mudaratnya adalah berlawanan makna dengan kata nama (**نَفْعُهُ**) yang bererti manfaatnya.

5. Firman Allah Ta‘ālā :

مَنْ كَانَ يَظُنُّ أَنْ لَنْ يَنْصُرَهُ اللَّهُ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ فَلْيَمْدُدْ بِسَبَبٍ إِلَى السَّمَاءِ

Maksudnya : *Sesiapa Yang menyangka bahawa Allah tidak akan menolong Nabi Muhammad dalam kehidupan dunia dan akhirat, hendaklah ia mengikat tali di bumbung rumahnya.* (Makkīy)

Sūrah al-Ḥajj : (22) : 15

Berpaksikan kepada contoh di atas, kita dapat memahami bahwa kata nama (**الدُّنْيَا**) yang membawa maksud dunia adalah antonim kepada kata nama (**الْآخِرَةُ**) yang bererti akhirat.

6. Firman Allah Ta‘ālā :

أَلَمْ تَرَ أَنَّ اللَّهَ يَسْجُدُ لَهُ مَنْ فِي السَّمَوَاتِ وَمَنْ فِي الْأَرْضِ وَالشَّمْسُ وَالْقَمَرُ

Maksudnya : *Apakah kamu tidak memerhatikan bahawa segala apa yang ada di langit dan di bumi tunduk sujud kepada Allah dan (termasuklah) matahari dan bulan.* (Makkīy)

Sūrah al-Ḥajj : (22) : 18

Daripada spesimen di atas, kita dapat merenungi bahawa kata nama (**السَّمَاوَاتُ**) yang membawa maksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (**الْأَرْضُ**) yang bererti bumi. Begitu juga kata nama (**الشَّمْسُ**) yang bererti matahari adalah antonim kepada kata nama (**القَمَرُ**) yang bermakna bulan.

7. Firman Allah Ta'ālā :

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا وَيَصُدُّونَ عَن سَبِيلِ اللَّهِ وَالْمَسْجِدِ الْحَرَامِ الَّذِي جَعَلْنَاهُ لِلنَّاسِ سَوَاءً
الْعَاكِفُ فِيهِ وَالْبَادِ

Maksudnya : *Sesungguhnya orang-orang yang kafir serta menghalangi manusia dari jalan Allah dan dari memasuki Masjid Al-Haram (Makkah) yang Kami jadikan (tempat beribadat) untuk seluruh manusia (yang beriman) sama ada yang menetap di sana atau yang datang berziarah.*

Sūrah al-Ḥajj : (22) : 25

Penelitian terhadap ayat di atas akan menunjukkan kepada kita bahawa kata nama (الْعَاكِفُ) yang bermaksud orang yang menetap adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْبَادِ) yang membawa pengertian orang yang datang berziarah.

8. Firman Allah Ta'ālā :

ذَٰلِكَ بِأَنَّ اللَّهَ هُوَ الْحَقُّ وَأَنَّ مَا يَدْعُونَ مِن دُونِهِ هُوَ الْبَاطِلُ

Maksudnya : *Allah sahaja Tuhan yang sebenar dan segala yang mereka sembah selain daripada Allah adalah palsu. (Makkīy)*

Sūrah al-Ḥajj : (22) : 62

Berpandukan kepada misal di atas, kita memahami bahawa kata nama (الْحَقُّ) yang membawa maksud yang sebenar adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْبَاطِلُ) yang bererti yang palsu.

9. Firman Allah Ta'ālā :

لَهُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَإِنَّ اللَّهَ لَهُ الْغَنِيُّ الْحَمِيدُ

Maksudnya : *Kepunyaan Nya segala apa yang ada di langit dan di bumi dan Sesungguhnya Allah jua Maha Kaya lagi Maha Terpuji. (Makkīy)*

Sūrah al-Ḥajj : (22) : 64

Daripada spesimen yang dikemukakan di atas, kita dapat menanggapi bahwa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah bertentangan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi.

10. Firman Allah Ta‘ālā :

أَلَمْ تَعْلَمْ أَنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ مَا فِي السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ

Maksudnya : *Adakah kamu tidak mengetahui (tidakkah kamu ketahui) bahwa Allah mengetahui segala yang ada di langit dan di bumi?* (Makkīy)

Sūrah al-Ḥajj : (22) : 70

Melalui pemerhatian ke atas contoh tersebut, kita dapat menghayati bahwa kata nama (السَّمَاءُ) yang membawa maksud langit adalah antonim kepada kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi.

3.23 Analisis Al-Ṭibāq Dalam Sūrah al-Mu‘minūn

1. Firman Allah Ta‘ālā :

وَلَوْ اتَّبَعَ الْحَقُّ أَهْوَاءَهُمْ لَفَسَدَتِ السَّمَوَاتُ وَالْأَرْضُ وَمَنْ فِيهِنَّ^٤ بَلْ أَتَيْنَهُمْ
بِذِكْرِهِمْ فَهُمْ عَنْ ذِكْرِهِمْ مُعْرِضُونَ

Maksudnya : *Kalaulah kebenaran itu tunduk menurut hawa nafsu mereka, pasti binasa langit dan bumi serta segala yang ada.* (Makkīy)

Sūrah al-Mu‘minūn : (23) : 71

Berpaksikan contoh yang diutarakan di atas, kita dapat menghayati bahwa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi. Begitu juga dengan kata nama (ذِكْرِهِمْ) yang

membawa maksud memberi pengajaran kepada mereka adalah berlawanan makna dengan kata nama (مُعْرِضُونَ) yang bererti mereka berpaling.

2. Firman Allah Ta‘ālā :

وَلَهُ أَحْتَلَفُ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ أَفَلَا تَعْقِلُونَ

Maksudnya : *Dia (Allah) yang menentukan pertukaran malam dan siang. Lalu apakah kamu tidak mahu berfikir ?* (Makkīy)

Sūrah al-Mu‘minūn : (23) : 80

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (اللَّيْلُ) yang membawa maksud malam adalah berlawanan makna dengan kata nama (النَّهَارُ) yang bererti siang.

3. Firman Allah Ta‘ālā :

عَلِمَ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ فَتَعَلَىٰ عَمَّا يُشْرِكُونَ

Maksudnya : *(Allah) mengetahui perkara ghaib dan perkara nyata (dapat disaksikan dengan mata). Justeru itu, Allah Maha Tinggi keadaan Nya dari segala yang mereka sekutukan.* (Makkīy)

Sūrah al-Mu‘minūn : (23) : 92

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (الْغَيْبِ) yang bermaksud perkara ghaib adalah berlawanan makna dengan kata nama (الشَّهَادَةِ) yang membawa pengertian perkara nyata.

3.24 Analisis Al-Ṭibāq Dalam Sūrah al-Nūr

1. Firman Allah Ta‘ālā :

إِنَّ الَّذِينَ جَاءُوا بِالْإِفْكِ عُصْبَةٌ مِّنكُمْ لَا تَحْسَبُوهُ شَرًّا لَّكُم بَلْ هُوَ خَيْرٌ لَّكُمْ

Maksudnya : *Sesungguhnya orang-orang yang membawa berita dusta itu (tuduhan terhadap Siti ‘Aisyah) adalah segolongan daripada kalangan kamu. Janganlah kamu menyangka ianya (berita dusta) buruk bagi kamu, bahkan ia baik bagi kamu.* (Madanīy)

Sūrah al-Nūr : (24) : 11

Berasaskan kepada spesimen tersebut, kita dapat menyelami bahawa kata nama (شَرًّا) yang membawa maksud buruk adalah antonim kepada kata nama (خَيْرٌ) yang bererti baik.

2. Firman Allah Ta‘ālā :

إِنَّ الَّذِينَ يُحِبُّونَ أَنْ تَشِيعَ الْفَاحِشَةُ فِي الَّذِينَ ءَامَنُوا لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ

Maksudnya : *Sesungguhnya orang-orang yang menyukai tersebarnya perbuatan keji di kalangan orang-orang yang beriman, mereka akan beroleh azab yang tidak terperi sakitnya di dunia dan di akhirat.* (Madanīy)

Sūrah al-Nūr : (24) : 19

Daripada spesimen di atas, kita dapat menanggapi bahawa kata nama (الدُّنْيَا) yang membawa maksud dunia adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْآخِرَةِ) yang bererti akhirat.

3. Firman Allah Ta‘ālā :

إِنَّ الَّذِينَ يَرْمُونَ الْمُحْصَنَاتِ الْغَافِلَاتِ الْمُؤْمِنَاتِ لُعِنُوا فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ

Maksudnya : *Sesungguhnya orang-orang yang menuduh perempuan-perempuan solehah yang tidak terlintas memikirkan sebarang kejahatan lagi yang beriman, akan dilaknat (oleh Allah) di dunia dan di akhirat serta mereka pula akan beroleh azab seksa yang besar.* (Madanīy)

Sūrah al-Nūr : (24) : 23

Berpandukan kepada misal di atas, kita memahami bahawa kata nama (الدُّنْيَا) yang membawa maksud dunia adalah bertentangan makna dengan kata nama (الْآخِرَةِ) yang bererti akhirat.

4. Firman Allah Ta‘ālā :

الْحَيِّثُ لِلْحَيِّثِينَ وَالْحَيِّثُونَ لِلْحَيِّثَاتِ وَالطَّيِّبَاتُ لِلطَّيِّبِينَ وَالطَّيِّبُونَ لِلطَّيِّبَاتِ

Maksudnya : *Perempuan-perempuan jahat untuk lelaki-lelaki jahat, n lelaki-lelaki jahat untuk perempuan-perempuan jahat. Perempuan-perempuan baik untuk lelaki-lelaki baik, dan lelaki-lelaki baik untuk perempuan-perempuan baik.* (Madanīy)

Sūrah al-Nūr : (24) : 26

Daripada spesimen di atas, kita mampu menerobos bahawa kata nama (الْحَيِّثَاتُ) yang bermaksud perempuan-perempuan jahat adalah berlawanan makna dengan kata nama (الطَّيِّبَاتُ) yang bererti perempuan-perempuan baik.

5. Firman Allah Ta‘ālā :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَدْخُلُوا بُيُوتًا غَيْرَ بُيُوتِكُمْ حَتَّى تَسْتَأْذِنُوا

Maksudnya : *Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu masuk ke dalam mana-mana rumah yang bukan rumah kamu sehingga kamu meminta izin terlebih dahulu.* (Madanīy)

Sūrah al-Nūr : (24) : 27

Daripada spesimen di atas, kita dapat merenungi bahawa kata nama (بُيُوتًا) yang bererti rumah-rumah adalah berlawanan makna dengan kata nama (غَيْرَ بُيُوتِكُمْ) yang bermaksud bukan rumah kamu.

6. Firman Allah Ta‘ālā :

اللَّهُ نُورُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ مِثْلُ نُورِهِ كَمِشْكَاةٍ فِيهَا مِصْبَاحٌ الْمِصْبَاحُ فِي زُجَاجَةٍ
الزُّجَاجَةُ كَأَنَّهَا كَوْكَبٌ دُرِّيٌّ يُوقَدُ مِنْ شَجَرَةٍ مُبْرَكَةٍ زَيْتُونَةٍ لَا شَرْقِيَّةٍ وَلَا غَرْبِيَّةٍ

Maksudnya : Allah mempunyai cahaya (agama Islam) yang menerangi langit dan bumi. Bandingan cahaya Allah (Kitab suci Al-Quran) adalah sebagai sebuah lubang yang di dalamnya sebuah lampu (pelita). (Madaniy)

Sūrah al-Nūr : (24) : 35

Daripada ayat di atas, kita dapat menanggapi bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi. Keadaan ini juga berlaku pada perkataan (شَرْقِيَّةٌ) itu membawa makna naik ke timur. yang bertentangan makna dengan perkataan (غَرْبِيَّةٌ) yang membawa maksud terbenam ke barat.

7. Firman Allah Ta‘ālā :

فِي بُيُوتٍ أُذِنَ لِلَّهِ أَنْ تَرْفَعَ وَيُذَكَّرَ فِيهَا أَسْمُهُ يُسَبِّحُ لَهُ فِيهَا بِالْغُدُوِّ وَالْآصَالِ

Maksudnya : (Nur hidayah Allah itu bersinar) Di rumah-rumah ibadat yang diperintahkan oleh Allah supaya dimuliakan keadaannya dan disebut nama Allah padanya. Di situ juga menjadi tempat tasbih memuji Allah pada waktu pagi dan petang. (Madaniy)

Sūrah al-Nūr : (24) : 36

Daripada spesimen di atas, kita dapat menghayati bahawa kata nama (الغُدْرُ) yang membawa maksud pagi adalah antonim kepada kata nama (الْأَصَالِ) yang bererti petang.

8. Firman Allah Ta'ālā :

أَلَمْ تَرَ أَنَّ اللَّهَ يُسَبِّحُ لَهُ مِنْ فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالطَّيْرِ صَتَفَّتِ

Maksudnya : *Apakah kamu tidak memikirkan bahawa Allah sentiasa bertasbih kepada Nya sekalian makhluk yang ada di langit dan di bumi serta burung-burung yang mengembangkan sayapnya di angkasa.*

Sūrah al-Nūr : (24) : 41

Berdasarkan ayat di atas, kita memahami bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi.

9. Firman Allah Ta'ālā :

وَلِلَّهِ مُلْكُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَإِلَى اللَّهِ الْمَصِيرُ

Maksudnya : *Kepunyaan Allah jua kuasa pemerintahan langit dan bumi dan kepada Allah tempat kembali (sekalian makhluk).* (Madanīy)

Sūrah al-Nūr : (24) : 42

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi.

10. Firman Allah Ta‘ālā :

يُقَلِّبُ اللَّهُ اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَعِبْرَةً لِّأُولِي الْأَبْصَارِ

Maksudnya : Allah mempertukarkan malam dan siang (silih berganti). Sesungguhnya itu mengandung pelajaran bagi orang-orang yang mempunyai pandangan yang tajam. (Madanīy)

Sūrah al-Nūr : (24) : 44

Penelitian terhadap ayat di atas akan menunjukkan kepada kita bahawa kata nama (اللَّيْلُ) yang bermaksud malam adalah berlawanan makna dengan kata nama (النَّهَارُ) yang membawa pengertian siang.

11. Firman Allah Ta‘ālā :

أَلَا إِنَّ لِلَّهِ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ قَدْ يَعْلَمُ مَا أَنْتُمْ عَلَيْهِ

Maksudnya : Ketahuilah! Sesungguhnya Allah jua yang menguasai segala apa yang ada di langit dan di bumi. Sesungguhnya Dia mengetahui keadaan yang kamu berada padanya. (Madanīy)

Sūrah al-Nūr : (24) : 64

Berpandukan misal di atas, kita memahami bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang bermaksud langit adalah bertentangan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi.

3.25 Analisis Al-Ṭibāq Dalam Sūrah al-Furqān

1. Firman Allah Ta‘ālā :

الَّذِي لَهُ مُلْكُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَلَمْ يَتَّخِذْ وَلَدًا

Maksudnya : Tuhan yang menguasai pemerintahan langit dan bumi serta tidak mempunyai anak. (Makkīy)

Sūrah al-Furqān : (25) : 2

Daripada spesimen di atas, kita dapat menghayati bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi.

2. Firman Allah Ta'ālā :

وَلَا يَمْلِكُونَ لِأَنفُسِهِمْ ضَرًّا وَلَا نَفْعًا وَلَا يَمْلِكُونَ مَوْتًا وَلَا حَيَوَةً وَلَا نُشُورًا

Maksudnya : Mereka (makhluk) itu tidak berupaya mendatangkan sesuatu bahaya atau sesuatu manfaat untuk dirinya sendiri. Mereka juga tidak berupaya mematikan atau menghidupkan, atau pun membangkitkan hidup semula makhluk-makhluk yang telah mati. (Makkīy)

Sūrah al-Furqān : (25) : 3

Berpandukan ayat di atas, kita mendapati kata nama (ضَرًّا) yang bererti mendatangkan bahaya adalah berlawanan makna dengan kata nama (نَفْعًا) yang bermakna mendatangkan manfaat. Manakala kata nama (مَوْتًا) yang bermaksud mematikan adalah antonim kepada kata nama (حَيَاةً) yang membawa pengertian menghidupkan.

3. Firman Allah Ta'ālā :

وَقَالُوا أَسْطِيرُ الْأَوَّلِينَ أَكْتَتَبَهَا فَهِيَ تُمْلَى عَلَيْهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا

Maksudnya : Mereka berkata: " (Al-Quran itu) adalah cerita-cerita dongeng orang dahulu kala yang diminta oleh Muhammad supaya dituliskan. Kemudian perkara yang ditulis itu dibacakan kepadanya pagi dan petang (untuk dihafal)". (Makkīy)

Sūrah al-Furqān : (25) : 5

Berpaksikan kepada contoh di atas, kita dapat memahami bahawa kata nama (بُكْرَةٌ) yang membawa maksud pagi adalah berlawanan makna dengan kata nama (أَصِيلًا) yang bererti petang.

4. Firman Allah Ta'ālā :

قُلْ أَنْزَلَهُ الَّذِي يَعْلَمُ السِّرَّ فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ

Maksudnya : Katakan (Wahai Muhammad): "Al-Quran itu diturunkan oleh Allah yang mengetahui segala rahsia di langit dan di bumi. (Makkīy)

Sūrah al-Furqān : (25) : 6

Daripada spesimen di atas, kita dapat menyelami bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi.

5. Firman Allah Ta'ālā :

لَا تَدْعُوا الْيَوْمَ ثُبُورًا وَاحِدًا وَادْعُوا ثُبُورًا كَثِيرًا

Maksudnya : (Dikatakan kepada orang kafir): " Pada hari ini, janganlah kamu meminta satu kebinasaan sahaja tetapi mintalah kebinasaan sebanyak-banyaknya (kerana banyak azab yang menunggu kamu)". (Makkīy)

Sūrah al-Furqān : (25) : 14

Daripada spesimen di atas, kita dapat merenungi bahawa kata nama (وَاحِدًا) yang bermaksud satu adalah berlawanan makna dengan kata nama (كَثِيرًا) yang membawa pengertian banyak.

6. Firman Allah Ta'ālā :

فَقَدْ كَذَّبْتُمْ بِمَا تَقُولُونَ فَمَا تَسْتَطِيعُونَ صَرْفًا وَلَا نَصْرًا

Maksudnya : *Sesungguhnya mereka (yang kamu sembah) itu telah mendustakan apa yang kamu katakan.. Oleh kerana itu,, kamu tidak akan dapat menjauhkan azab atau tidak beroleh sebarang pertolongan".*

Sūrah al-Furqān : (25) : 19

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (صَرْفًا) yang membawa maksud menjauhkan azab adalah antonim kepada kata nama (نَصْرًا) yang bererti beroleh pertolongan.

7. Firman Allah Ta'ālā :

وَهُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمْ لَيْلًا لِبَاسًا وَالنَّوْمَ سُبَاتًا وَجَعَلَ النَّهَارَ نُشُورًا

Maksudnya : *Dia (Allah) yang menjadikan malam untuk kamu sebagai pakaian dan menjadikan tidur untuk berhenti rehat serta menjadikan siang untuk keluar mencari rezeki. (Makkīy)*

Sūrah al-Furqān : (25) : 47

Berpandukan kepada misal di atas, kita dapat menanggapi bahawa kata nama (اللَّيْلُ) yang membawa maksud malam adalah berlawanan makna dengan kata nama (النَّهَارُ) yang bererti siang.

8. Firman Allah Ta'ālā :

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا مُبَشِّرًا وَنَذِيرًا

Maksudnya : *Tidaklah Kami mengutus mu (Nabi Muhammad) melainkan sebagai pembawa berita gembira (kepada orang-orang yang beriman) dan pemberi amaran (kepada orang-orang yang ingkar). (Makkīy)*

Sūrah al-Furqān : (25) : 56

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (مُبَشِّرًا) yang membawa maksud pembawa berita gembira pemberi amaran adalah berlawanan makna dengan kata nama (نَذِيرًا) yang bererti pemberi amaran.

9. Firman Allah Ta‘ālā :

الَّذِي خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا فِي سِتَّةِ أَيَّامٍ

Maksudnya : *Tuhan yang mencipta langit dan bumi serta segala apa yang ada di antara keduanya dalam masa enam hari.* (Makkīy)

Sūrah al-Furqān : (25) : 59

Daripada spesimen yang diutarakan di atas, kita mampu menerobos bahawa kata nama (السَّمَوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi.

10. Firman Allah Ta‘ālā :

وَهُوَ الَّذِي جَعَلَ اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ خِلْفَةً لِّمَن أَرَادَ أَن يَذَّكَّرَ أَوْ أَرَادَ شُكُورًا

Maksudnya : *Dia (Allah) yang menjadikan malam dan siang (silih berganti) bagi sesiapa yang mahu beringat (memikirkan kebesaran Nya) atau mahu bersyukur.* (Makkīy)

Sūrah al-Furqān : (25) : 62

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (اللَّيْلُ) yang membawa maksud malam adalah bertentangan makna dengan kata nama (النَّهَارُ) yang bererti siang.

11. Firman Allah Ta‘ālā :

فَأُولَٰئِكَ يُبَدِّلُ اللَّهُ سَيِّئَاتِهِمْ حَسَنَاتٍ

Maksudnya : *Lalu kejahatan mereka digantikan oleh Allah dengan kebaikan.*

Sūrah al-Furqān : (25) : 70

Berpaksikan contoh di atas, kita mendapati kata nama (حَسَنَاتٍ) yang bermaksud perkara-perkara baik adalah antonim kepada kata nama (سَيِّئَاتٍ) yang membawa pengertian perkara-perkara buruk.

3.26 Analisis Al-Ṭibāq Dalam Sūrah al-Shu‘arā’

1. Firman Allah Ta‘ālā :

قَالَ رَبُّ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا إِنَّ كُنْتُمْ مُوقِنِينَ

Maksudnya : *Dia (Nabi Musa) berkata : Tuhan yang mentadbirkan langit dan bumi serta segala apa yang ada di antara keduanya, jika kamu mahu mendapat keyakinan (inilah jalannya).* (Makkīy)

Sūrah al-Shu‘arā’ : (26) : 24

Melalui pemerhatian ke atas contoh tersebut, kita memahami bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi.

2. Firman Allah Ta‘ālā :

قَالَ رَبُّ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ وَمَا بَيْنَهُمَا إِنَّ كُنْتُمْ تَعْقِلُونَ

Maksudnya : *Dia (Nabi Musa) berkata: "Dia (Allah) memiliki timur dan barat serta segala yang ada di antara keduanya, jika kamu orang-orang yang mahu berfikir!"* (Makkīy)

Sūrah al-Shu‘arā’ : (26) : 28

Bersumberkan kepada contoh di atas, kita dapat menghayati bahawa kata nama (المَشْرِقُ) yang bermaksud sebelah timur adalah antonim kepada kata nama (المَغْرِبِ) yang membawa pengertian sebelah barat.

3.27 Analisis Al-Ṭibāq Dalam Sūrah al-Naml

1. Firman Allah Ta‘ālā :

إِلَّا مَنْ ظَلَمَ ثُمَّ بَدَّلَ حَسَنًا بَعْدَ سُوءٍ فَإِنِّي غَفُورٌ رَحِيمٌ

Maksudnya : *Tetapi sesiapa yang berbuat salah, kemudian ia mengubahnya dengan melakukan kebaikan sesudah melakukan kesalahan, sesungguhnya Aku Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.* (Makkīy)

Sūrah al-Naml : (27) : 11

Berpandukan kepada missal di atas, kita dapat merenungi bahawa kata nama (حَسَنًا) yang membawa maksud kebaikan adalah berlawanan makna dengan kata nama (سُوءٍ) yang bererti kesalahan.

2. Firman Allah Ta‘ālā :

وَحُشِرَ لِسُلَيْمَانَ جُنُودُهُ مِنَ الْجِنِّ وَالْإِنْسِ وَالطَّيْرِ فَهُمْ يُوزَعُونَ

Maksudnya : *Dihimpunkan bagi Nabi Sulaiman bala tenteranya daripada kalangan jin dan manusia serta burung. Lalu mereka diatur kedudukan masing-masing.* (Makkīy)

Sūrah al-Naml : (27) : 17

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (الْجِنَّ) yang bererti jin adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْإِنْسِ) yang membawa maksud manusia.

3. Firman Allah Ta'ālā :

أَلَّا يَسْجُدُوا لِلَّهِ الَّذِي تُخْرِجُ الْخَبَاءَ فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ

Maksudnya : *Supaya mereka (dihalang oleh syaitan) tidak sujud menyembah Allah yang mengeluarkan barang yang tersembunyi di langit dan di bumi. (Makkīy)*

Sūrah al-Naml : (27) : 25

Berasaskan kepada spesimen tersebut, kita dapat menyelami bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi.

4. Firman Allah Ta'ālā :

قَالَتْ إِنَّ الْمُلُوكَ إِذَا دَخَلُوا قَرْيَةً أَفْسَدُوهَا وَجَعَلُوا أَعِزَّةَ أَهْلِهَا أَذِلَّةً

Maksudnya : *Dia (Ratu Balqis) berkata: "Sesungguhnya raja-raja itu apabila memasuki sesebuah negeri, mereka membinasakan nya dan mereka menjadikan penduduknya yang mulia sebagai hina. (Makkīy)*

Sūrah al-Naml : (27) : 34

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (أَعِزَّةٌ) yang membawa maksud orang mulia adalah bertentangan makna dengan kata nama (أَذِلَّةٌ) yang bererti orang hina.

5. Firman Allah Ta'ālā :

قَالَ يَنْقُومِ لِمَ تَسْتَعْجِلُونَ بِالْسَيِّئَةِ قَبْلَ الْحَسَنَةِ

Maksudnya : *Dia (Nabi Soleh) berkata : "Wahai kaum ku, mengapa kamu meminta disegerakan keburukan sebelum memohon kebaikan? (Makkīy)*

Sūrah al-Naml : (27) : 46

Daripada spesimen di atas, kita dapat menanggapi bahwa kata nama (السَّيِّئَةُ) yang bermaksud keburukan adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْحَسَنَةُ) yang bererti kebaikan.

6. Firman Allah Ta'ālā :

أَيْنَكُمْ لَتَأْتُونَ الرِّجَالَ شَهْوَةً مِّن دُونِ النِّسَاءِ ۗ بَلْ أَنْتُمْ قَوْمٌ جَاهِلُونَ

Maksudnya : *Sesungguhnya kamu (kaum Nabi Lut) mendatangi (melepaskan syahwat) lelaki bukannya perempuan. Bahkan kamu kaum yang jahil (tidak mengetahui akibatnya)". (Makkīy)*

Sūrah al-Naml : (27) : 55

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahwa kata nama (الرِّجَالُ) yang membawa maksud lelaki adalah berlawanan makna dengan kata nama (النِّسَاءُ) yang bererti perempuan.

7. Firman Allah Ta'ālā :

أَمَّنْ خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَأَنْزَلَ لَكُمْ مِّنَ السَّمَاءِ مَاءً

Maksudnya : *Siapakah yang mencipta langit dan bumi serta menurunkan hujan dari langit untuk kamu ? (Makkīy)*

Sūrah al-Naml : (27) : 60

Berpandukan misal di atas, kita memahami bahwa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi.

8. Firman Allah Ta‘ālā :

أَمَّن يَهْدِيكُمْ فِي ظُلُمَاتِ الْبَرِّ وَالْبَحْرِ

Maksudnya : *siapakah yang menunjukkan jalan kepada kamu dalam kegelapan daratan dan lautan.* (Makkīy)

Sūrah al-Naml : (27) : 63

Daripada spesimen di atas, kita dapat menghayati bahawa kata nama (الْبَرُّ) yang bermaksud daratan adalah antonim kepada kata nama (الْبَحْرُ) yang membawa pengertian lautan.

9. Firman Allah Ta‘ālā :

وَمَنْ يَرْزُقُكُمْ مِنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ

Maksudnya : *Siapakah yang memberi rezeki kepada kamu daripada langit dan bumi?* (Makkīy)

Sūrah al-Naml : (27) : 64

Penelitian terhadap ayat di atas akan menunjukkan kepada kita bahawa kata nama (السَّمَاءِ) yang membawa maksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi.

10. Firman Allah Ta‘ālā :

قُلْ لَا يَعْلَمُ مَنْ فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ الْغَيْبَ إِلَّا اللَّهُ

Maksudnya : *Katakan : Tiada sesiapa pun di langit dan di bumi yang mengetahui perkara ghaib melainkan Allah.* (Makkīy)

Sūrah al-Naml : (27) : 65

Berpaksikan kepada contoh di atas, kita dapat memahami bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi.

11. Firman Allah Ta'ālā :

وَمَا أَنْتَ بِهَادِي الْعَمَىٰ عَن ضَلَالَتِهِمْ^ط

Maksudnya : *Kamu tidak akan dapat memberi petunjuk kepada orang-orang yang buta supaya menjauhi kesesatan.* (Makkīy)

Sūrah al-Naml : (27) : 81

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (مَا أَنْتَ بِهَادِي) yang membawa maksud tidak dapat memberi petunjuk adalah tidak berlawanan makna dengan kata nama (ضَلَالَتِهِمْ) yang bererti kesesatan. Namun begitu, kita mendapati kata nama (هَادِي) adalah antonim kepada kata nama (ضَلَالَةٌ). Justeru itu, ia dikategorikan dalam golongan al-tibaq.

12. Firman Allah Ta'ālā :

أَلَمْ يَرَوْا أَنَّا جَعَلْنَا اللَّيْلَ لَيْسَكُنُوا فِيهِ وَالنَّهَارَ مُبْصِرًا

Maksudnya : *Tidakkah mereka memerhatikan bahawa Kami telah menjadikan malam untuk mereka berehat dan menjadikan siang terang-benderang ?* (Makkīy)

Sūrah al-Naml : (27) : 86

Daripada spesimen di atas, kita dapat merenungi bahawa kata nama (اللَّيْلُ) yang membawa maksud malam adalah berlawanan makna dengan kata nama (النَّهَارُ) yang bererti siang.

13. Firman Allah Ta'ālā :

فَفَزَعَنَا مِنْ فِي السَّمَوَاتِ وَمَنْ فِي الْأَرْضِ إِلَّا مَنْ شَاءَ اللَّهُ^ع

Maksudnya : *(Pada hari di tiupkan sangkakala) Lalu terkejutlah (gerun gemetar) orang-orang yang ada di langit dan di bumi melainkan mereka yang dikehendaki Allah.* (Makkīy)

Sūrah al-Naml : (27) : 87

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah bertentangan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi.

14. Firman Allah Ta‘ālā :

مَنْ جَاءَ بِالْحَسَنَةِ فَلَهُ خَيْرٌ مِّنْهَا وَهُمْ مِّنْ فَزَعِ يَوْمِئِذٍ ءَامِنُونَ , وَمَنْ جَاءَ بِالسَّيِّئَةِ فَكُبَّتْ
وُجُوهُهُمْ فِي النَّارِ

Maksudnya : *Sesiapa yang datang membawa amal kebajikan, ia akan beroleh balasan yang lebih baik daripadanya dan selamat daripada kejadian-kejadian yang mengerikan pada hari kiamat. Sesiapa yang datang membawa amalan jahat, pasti muka mereka akan dijerumuskan ke dalam api neraka,*

Sūrah al-Naml : (27) : 89-90

Daripada spesimen di atas, kita dapat menanggapi bahawa kata nama (الْحَسَنَةِ) yang bermaksud amal kebajikan adalah berlawanan makna dengan kata nama (السَّيِّئَةِ) yang bererti amalan jahat.

3.28 Analisis Al-Ṭibāq Dalam Sūrah al-Qaṣaṣ

1. Firman Allah Ta‘ālā :

فَوَجَدَ فِيهَا رَجُلَيْنِ يُقْتَتِلَانِ هَذَا مِنْ شِيعَتِهِ وَهَذَا مِنْ عَدُوِّهِ

Maksudnya : *Lalu ia (Nabi Musa) mendapati di situ (di bandar) dua orang lelaki sedang berkelahi, seorang dari puaknya sendiri dan seorang lagi dari puak musuhnya. (Makkīy)*

Sūrah al-Qaṣaṣ : (28) : 15

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (شَيْعَتِهِ) yang bermaksud puaknya sendiri adalah antonim kepada kata nama (عَدُوّه) yang membawa pengertian puak musuhnya.

2. Firman Allah Ta‘ālā :

وَمَنْ أَضَلُّ مِمَّنْ اتَّبَعَ هَوَاهُ بَغْيِرْهُدَى مِّنْ اللَّهِ

Maksudnya : *Siapakah yang lebih sesat daripada orang yang menurut hawa nafsunya tanpa bersandarkan petunjuk daripada Allah ? (Makkīy)*
Sūrah al-Qaṣaṣ : (28) : 50

Berdasarkan ayat di atas, kita memahami bahawa kata nama (أَضَلُّ) yang bermaksud lebih sesat adalah tidak berlawanan makna dengan kata nama (غَيْرِهُدَى) yang bererti petunjuk. Walaupun demikian, kita dapat menghayati bahawa kata nama (أَضَلُّ) adalah antonim kepada kata nama (هُدَى). Lalu kita boleh mengkategorikannya dalam golongan al-tibāq.

3. Firman Allah Ta‘ālā :

أُولَئِكَ يُؤْتَوْنَ أَجْرَهُمْ مَرَّتَيْنِ بِمَا صَبَرُوا وَيَدْرُءُونَ بِالْحَسَنَةِ السَّيِّئَةَ

Maksudnya : *Mereka itu beroleh pahala dua kali ganda disebabkan kesabaran mereka dan mereka menolak kejahatan dengan kebaikan.* (Makkīy)

Sūrah al-Qaṣaṣ : (28) : 54

Daripada spesimen di atas, kita dapat menyelami bahawa kata nama (الْحَسَنَةِ) yang membawa maksud kebaikan adalah berlawanan makna dengan kata nama (السَّيِّئَةِ) yang bererti kejahatan.

4. Firman Allah Ta'ālā :

وَهُوَ اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ لَهُ الْحَمْدُ فِي الْأُولَى وَالْآخِرَةِ

Maksudnya : *Dia lah Allah tiada Tuhan melainkan Dia. Segala puji bagi Nya di dunia dan di akhirat.* (Makkīy)

Sūrah al-Qaṣaṣ : (28) : 70

Daripada spesimen di atas, kita dapat menghayati bahawa kata nama (الأُولَى) membawa erti pertama. Namun begitu, kita dapat menyelami bahawa ianya membawa pengertian (الدُّنْيَا) yang bermaksud dunia. Justeru itu, kata nama (الدُّنْيَا) berlawanan makna dengan kata nama (الْآخِرَةِ) yang bererti akhirat.

5. Firman Allah Ta'ālā :

قُلْ أَرَأَيْتُمْ إِنْ جَعَلَ اللَّهُ عَلَيْكُمُ اللَّيْلَ سَرْمَدًا إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ مَنْ إِلَهُ غَيْرُ اللَّهِ يَأْتِيكُم بِضِيَاءٍ أَفَلَا تَسْمَعُونَ

Maksudnya : *Katakanlah: "Bagaimana fikiran mu jika Allah menjadikan malam kepada kamu tetap selama-lamanya hingga ke hari kiamat. Siapakah tuhan selain daripada Allah yang dapat membawakan cahaya yang menerangi kepada kamu? Oleh itu, mengapa kamu tidak mahu mendengar (menerima kebenaran) ?"* (Makkīy)

Sūrah al-Qaṣaṣ : (28) : 71

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (ضِيَاء) bererti cahaya. Secara konotasinya ia membawa pengertian (النَّهَارُ) yang bermaksud siang. Lantaran itu, kata nama (النَّهَارُ) adalah berlawanan makna dengan kata nama (اللَّيْلُ) yang membawa maksud malam.

6. Firman Allah Ta‘ālā :

قُلْ أَرَأَيْتُمْ إِنْ جَعَلَ اللَّهُ عَلَيْكُمُ النَّهَارَ سَرْمَدًا إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ مَنْ إِلَهُ غَيْرُ اللَّهِ يَأْتِيكُم بِلَيْلٍ تَسْكُنُونَ فِيهِ أَفَلَا تُبْصِرُونَ

Maksudnya : Katakanlah: "Bagaimana fikiran mu jika Allah menjadikan siang kepada kamu tetap selama-lamanya hingga ke hari kiamat. Siapakah tuhan selain daripada Allah yang dapat membawakan malam untuk kamu berehat padanya.? Oleh itu, mengapa kamu tidak mahu melihat (bukti kekuasaan Allah)?" (Makkīy)

Sūrah al-Qaṣaṣ : (28) : 72

Berpandukan kepada misal di atas, kita mampu menerobos bahawa kata nama (النَّهَار) yang membawa maksud siang adalah antonim kepada kata nama (اللَّيْل) yang bererti malam.

7. Firman Allah Ta‘ālā :

وَمِنْ رَحْمَتِهِ جَعَلَ لَكُمُ اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ لِتَسْكُنُوا فِيهِ وَلِتَبْتَغُوا مِنْ فَضْلِهِ

Maksudnya : Antara rahmat kurniaan Nya, ia (Allah) menjadikan untuk kamu malam dan siang (silih berganti) supaya kamu berehat padanya dan berusaha mencari rezeki daripada limpah kurnia Nya. (Makkīy)

Sūrah al-Qaṣaṣ : (28) : 73

Melalui pemerhatian ke atas contoh tersebut, kita dapat merenungi bahawa kata nama (اللَّيْل) yang membawa maksud malam adalah antonim kepada kata nama (النَّهَار) yang bererti siang.

8. Firman Allah Ta‘ālā :

مَنْ جَاءَ بِالْحَسَنَةِ فَلَهُ خَيْرٌ مِنْهَا وَمَنْ جَاءَ بِالسَّيِّئَةِ فَلَا يُجْزَى الَّذِينَ عَمِلُوا السَّيِّئَاتِ إِلَّا مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

Maksudnya : *Sesiapa yang datang membawa amalan baik (pada hari akhirat), baginya balasan yang lebih baik daripadanya. Sesiapa yang datang membawa amalan jahat, mereka yang melakukan kejahatan hanya di balas mengikut apa yang mereka kerjakan.* (Makkīy)

Sūrah al-Qaṣaṣ : (28) : 84

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (الْحَسَنَةِ) yang bermaksud amalan baik adalah berlawanan makna dengan kata nama (السَّيِّئَةِ) yang membawa pengertian amalan buruk.

9. Firman Allah Ta‘ālā :

قُلْ رَبِّي أَعْلَمُ مَنْ جَاءَ بِالْهُدَىٰ وَمَنْ هُوَ فِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ

Maksudnya : *Katakanlah : "Tuhanku mengetahui siapa yang membawa hidayah dan siapa yang berada dalam kesesatan yang nyata".* (Makkīy)

Sūrah al-Qaṣaṣ : (28) : 85

Berasaskan kepada spesimen tersebut, kita dapat menanggapi bahawa kata nama (الْهُدَىٰ) yang membawa maksud hidayah adalah berlawanan makna dengan kata nama (ضَلَالٍ) yang bererti kesesatan.

3.29 Analisis Al-Ṭibāq Dalam Sūrah al-‘Ankabūt

1. Firman Allah Ta‘ālā :

خَلَقَ اللَّهُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ بِالْحَقِّ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَةً لِّلْمُؤْمِنِينَ

Maksudnya : *Allah mencipta langit dan bumi dengan penuh kebenaran (cara yang berhikmat). Sesungguhnya hal sedemikian itu menjadi bukti (kebijaksanaan Allah) bagi orang-orang yang beriman.* (Makkīy)

Sūrah al-‘Ankabūt : (29) : 44

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah bertentangan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi.

2. Firman Allah Ta‘ālā :

يَعْلَمُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ

Maksudnya : *Dia (Allah) mengetahui segala apa yang ada di langit dan di bumi.* (Makkīy)

Sūrah al-‘Ankabūt : (29) : 52

Berpandukan misal di atas, kita memahami bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi.

3. Firman Allah Ta‘ālā :

وَلَيْن سَأَلْتَهُمْ مَنْ خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَسَخَّرَ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ

Maksudnya : *Sesungguhnya jika engkau (Nabi Muhammad) bertanya kepada mereka (orang musyrik) : "Siapakah yang menciptakan langit dan bumi, serta mempermudah kan matahari dan bulan (untuk manfaat makhluk-makhluk Nya) ?* (Makkīy)

Sūrah al-‘Ankabūt : (29) : 61

Daripada spesimen di atas, kita dapat menghayati bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi. Begitu juga dengan kata nama (الشَّمْسُ) yang membawa maksud matahari adalah antonim kepada kata nama (الْقَمَرَ) yang bererti bulan.

3.30 Analisis Al-Ṭibāq Dalam Sūrah al-Rūm

1. Firman Allah Ta‘ālā :

يَعْلَمُونَ ظَهْرًا مِّنَ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَهُمْ عَنِ الْآخِرَةِ هُمْ غَنَفُلُونَ

Maksudnya : Mereka hanya mengetahui perkara yang zahir dari kehidupan dunia dan mereka lupa mengenai hari akhirat. (Makkīy)

Sūrah al-Rūm : (30) : 7

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (الدُّنْيَا) yang membawa maksud dunia adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْآخِرَةِ) yang bererti akhirat.

2. Firman Allah Ta‘ālā :

مَا خَلَقَ اللَّهُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا إِلَّا بِالْحَقِّ وَأَجَلٍ مُّسَمًّى

Maksudnya : Allah tidak menciptakan langit dan bumi serta segala apa yang ada di antara keduanya itu melainkan dengan (kegunaan) sebenar dan menurut waktu yang ditetapkan. (Makkīy)

Sūrah al-Rūm : (30) : 8

Daripada spesimen di atas, kita dapat menyelami bahawa kata nama (السَّمَاوَاتِ) yang membawa maksud langit adalah antonim kepada kata nama (الْأَرْضِ) yang bererti bumi.

3. Firman Allah Ta‘ālā :

وَلَهُ الْحَمْدُ فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ

Maksudnya : Segala puji bagi Nya (Allah) di langit dan di bumi. (Makkīy)

Sūrah al-Rūm : (30) : 18

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi.

4. Firman Allah Ta‘ālā :

وَمِنْ آيَاتِهِ خَلْقُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَأَخْتِلَافُ أَلْسِنَتِكُمْ وَأَلْوَانِكُمْ

Maksudnya : *Antara tanda-tanda (kekuasaannya dan kebijaksanaan Nya) ialah penciptaan langit dan bumi serta perbezaan bahasa dan warna kulit kamu. (Makkīy)*

Sūrah al-Rūm : (30) : 22

Berpandukan kepada misal di atas, kita dapat menanggapi bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang bermaksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang membawa pengertian bumi.

5. Firman Allah Ta‘ālā :

وَمِنْ آيَاتِهِ مَنَامُكُمْ بِاللَّيْلِ وَالنَّهَارِ وَابْتِغَاؤُكُمْ مِّنْ فَضْلِهِ

Maksudnya : *Di antara tanda-tanda kemurahan Nya ialah kamu tidur di waktu malam dan siang serta kamu mencari limpah kurnia Nya (rezeki) (pada kedua-dua waktu itu). (Makkīy)*

Sūrah al-Rūm : (30) : 23

Daripada spesimen di atas, kita dapat merenungi bahawa kata nama (اللَّيْلُ) yang membawa maksud malam adalah berlawanan makna dengan kata nama (النَّهَارُ) yang bererti siang.

6. Firman Allah Ta'ālā :

وَمِنْ آيَاتِهِ يُرِيكُمُ الْبَرْقَ خَوْفًا وَطَمَعًا

Maksudnya : *Dan antara tanda-tanda kekuasaan Allah, Dia memperlihatkan kepada kamu kilat yang menimbulkan ketakutan (petir yang menyambar) dan pengharapan (turunnya hujan).*

Sūrah al-Rūm : (30) : 24

Berdasarkan ayat di atas, kita dapat menghayati bahawa apabila kita melihat kilat, fikiran kita terus memahami dua perkara iaitu ketakutan disambar petir dan pengharapan mengenai turunnya hujan serta tiada perkara ketiga yang menerjah fikiran kita. Lantaran itu, perkataan (الْخَوْفُ) adalah dianggap bertentangan makna dengan perkataan (الطَّمَعُ).

7. Firman Allah Ta'ālā :

وَلَهُ مَنْ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ كُلٌّ لَهُ قَانِتُونَ

Maksudnya : *Kepunyaan Nya sekalian makhluk yang ada di langit dan di bumi, semuanya patuh kepada peraturan Nya. (Makkīy)*

Sūrah al-Rūm : (30) : 26

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi.

8. Firman Allah Ta'ālā :

وَلَهُ الْمَثَلُ الْأَعْلَىٰ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ ۚ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ

Maksudnya : *Dia (Allah) mempunyai sifat-sifat yang amat tinggi di langit dan di bumi dan Dia Maha Kuasa lagi Maha Bijaksana. (Makkīy)*

Sūrah al-Rūm : (30) : 27

Berpaksikan kepada contoh di atas, kita dapat memahami bahwa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi.

9. Firman Allah Ta'ālā :

وَإِذَا مَسَّ النَّاسَ ضُرٌّ دَعَوْا رَبَّهُمْ مُنِيبِينَ إِلَيْهِ ثُمَّ إِذَا آذَقَهُمْ مِنْهُ رَحْمَةً إِذَا فَرِيقٌ مِّنْهُمْ بِرَبِّهِمْ يُشْرِكُونَ

Maksudnya : Apabila manusia disentuh oleh sesuatu kemudaran, mereka segera berdoa kepada Tuhan mereka dalam keadaan kembali bertaubat kepada Nya. Kemudian apabila Allah memberi mereka merasai sesuatu rahmat daripada Nya, tiba-tiba sebahagian dari mereka mempersekutukan Nya dengan sesuatu yang lain. (Makkīy)

Sūrah al-Rūm : (30) : 33

Daripada spesimen di atas, kita mampu menerobos bahawa kata nama (ضُرٌّ) yang membawa maksud kemudaran adalah bertentangan makna dengan kata nama (رَحْمَةً) yang bererti rahmat. Jika diteliti lebih halus, kata nama (رَحْمَةً) membawa pengertian manfaat (نفع).

10. Firman Allah Ta'ālā :

وَإِذَا أَذَقْنَا النَّاسَ رَحْمَةً فَرِحُوا بِهَا وَإِن تُصِيبْهُمْ سَيِّئَةٌ بِمَا قَدَّمَتْ أَيْدِيهِمْ إِذَا هُمْ يَقْتِنُونَ

Maksudnya : Apabila Kami memberi manusia merasai sesuatu rahmat, mereka bergembira dengannya (sehingga lupa daratan). Jika mereka ditimpa sesuatu keburukan (bencana) akibat perbuatan tangan mereka sendiri, tiba-tiba mereka berputus asa. (Makkīy)

Sūrah al-Rūm : (30) : 36

Bersumberkan contoh di atas, kita memahami bahawa kata nama (رَحْمَةً) yang membawa maksud rahmat. Pada pemahaman kita, sesuatu rahmat itu akan

membawa kepada pengertian (حَسَنَةٌ) iaitu kebaikan. Lalu kata nama (حَسَنَةٌ) adalah berlawanan makna dengan kata nama (سَيِّئَةٌ) yang bererti keburukan.

11. Firman Allah Ta'ālā :

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ

Maksudnya : *Telah timbul berbagai kerosakan di darat dan di laut akibat perbuatan tangan manusia.* (Makkīy)

Sūrah al-Rūm : (30) : 41

Melalui pemerhatian ke atas contoh tersebut, kita dapat menghayati bahawa kata nama (الْبَرِّ) yang membawa maksud darat adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْبَحْرِ) yang bererti laut.

12. Firman Allah Ta'ālā :

" إِنَّ ذَٰلِكَ لَمُحْيِ الْمَوْتَىٰ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ "

Maksudnya : *Sesungguhnya Allah yang sedemikian kekuasaan Nya, sudah tentu berkuasa menghidupkan orang-orang yang telah mati. dan (ingatlah) Dia Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.* (Makkīy)

Sūrah al-Rūm : (30) : 50

Berpandukan kepada misal di atas, kita dapat menyelami bahawa kata nama (مُحْيِ) yang membawa maksud menghidupkan adalah antonim kepada kata nama (الْمَوْتَى) yang bererti orang-orang yang mati.

13. Firman Allah Ta'ālā :

وَمَا أَنْتَ بِهَادٍ الْعُمَىٰ عَنْ ضَلٰلَتِهِمْ

Maksudnya : *Engkau (Nabi Muhammad) tidak dapat memberi petunjuk kepada orang-orang yang buta (mata hatinya) supaya menjauhi kesesatan mereka.* (Makkīy)

Sūrah al-Rūm : (30) : 53

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (مَا أَنْتَ بِهَادِي) yang membawa maksud tidak dapat memberi petunjuk adalah tidak berlawanan makna dengan kata nama (الْعُمِّي) yang bererti orang buta. Namun begitu, secara tersiratnya, kata nama (هَادِي) membawa pengertian menunjukkan jalan kepada seseorang agar dapat berjalan dengan betul seperti (الْبَصِيرُ) yang bermaksud orang celik yang dapat berjalan dengan sempurna. Justeru itu, kata nama (الْبَصِيرُ) adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْعُمِّي) yang bererti orang buta.

3.31 Analisis Al-Ṭibāq Dalam Sūrah Luqmān

1. Firman Allah Ta‘ālā :

حَلَقَ السَّمَوَاتِ بِغَيْرِ عَمَدٍ تَرَوْنَهَا^ط

Maksudnya : *Dia (Allah) menciptakan langit dengan tidak bertiang sebagaimana yang kamu melihatnya. (Makkīy)*

Sūrah Luqmān : (31) : 10

Berdasarkan ayat di atas, kita dapat merenungi bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi.

2. Firman Allah Ta‘ālā :

فَتَكُنْ فِي صَخْرَةٍ أَوْ فِي السَّمَوَاتِ أَوْ فِي الْأَرْضِ يَأْتِهَا اللَّهُ^ح

Maksudnya : *Lalu ia (amalan baik atau buruk) tersembunyi di dalam batu besar atau di langit atau pun di bumi, tetap akan dibawa datang oleh Allah (untuk dihakimi pada hari kiamat). (Makkīy)*

Sūrah Luqmān : (31) : 16

Daripada spesimen yang disebutkan di atas, kita dapat menanggapi bahwa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi.

3. Firman Allah Ta‘ālā :

أَلَمْ تَرَوْا أَنَّ اللَّهَ سَخَّرَ لَكُمْ مَّا فِي السَّمٰوٰتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَأَسْبَغَ عَلَيْكُمْ نِعْمَهُ ظَهْرَةً
وَبَاطِنَةً

Maksudnya : *Apakah kamu tidak memerhatikan bahawa Allah telah mempermudah untuk kegunaan kamu apa yang ada di langit dan apa yang ada di bumi serta melimpahkan kepada kamu nikmat-nikmat Nya yang zahir dan yang batin.* (Makkīy)

Sūrah Luqmān : (31) : 20

Penelitian terhadap ayat di atas akan menunjukkan kepada kita bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah bertentangan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi. Begitu juga dengan kata nama (ظَاهِرَةً) yang membawa maksud zahir adalah antonim kepada kata nama (بَاطِنَةً) yang bererti batin.

4. Firman Allah Ta‘ālā :

وَلِئِن سَأَلْتَهُمْ مَنْ خَلَقَ السَّمٰوٰتِ وَالْأَرْضَ لَيَقُولُنَّ اللَّهُ

Maksudnya : *Sesungguhnya jika engkau (Wahai Muhammad) bertanya kepada mereka (orang musyrik) : "Siapakah yang menciptakan langit dan bumi?" Sudah tentu mereka akan menjawab: "Allah".* (Makkīy)

Sūrah Luqmān : (31) : 25

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang bermaksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang membawa pengertian bumi.

5. Firman Allah Ta‘ālā :

لِلَّهِ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ إِنَّ اللَّهَ هُوَ الْغَنِيُّ الْحَمِيدُ

Maksudnya : *Allah jua yang memiliki segala apa yang ada di langit dan di bumi. Sesungguhnya Allah Maha Kaya lagi Maha Terpuji. (Makkīy)*

Sūrah Luqmān : (31) : 26

Berasaskan kepada spesimen tersebut, kita dapat memahami bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi.

6. Firman Allah Ta‘ālā :

وَسَخَّرَ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ كُلٌّ يَجْرِي إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى

Maksudnya : *Dia (Allah) mempermudah matahari dan bulan (bagi manfaat sekalian makhluk Nya). Semuanya beredar menurut waktu yang ditetapkan. (Makkīy)*

Sūrah Luqmān : (31) : 29

Berpandukan kepada misal di atas, kita mampu menerobos bahawa kata nama (الشَّمْسُ) yang membawa maksud matahari adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْقَمَرَ) yang bererti bulan.

7. Firman Allah Ta‘ālā :

ذَٰلِكَ بِأَنَّ اللَّهَ هُوَ الْحَقُّ وَأَنَّ مَا يَدْعُونَ مِن دُونِهِ الْبَطْلُ

Maksudnya : *Hal sedemikian kerana Allah sahaja Tuhan yang sebenar-benarnya dan apa yang mereka sembah selain daripada Allah adalah palsu belaka. (Makkīy)*

Sūrah Luqmān : (31) : 30

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (الْحَقُّ) yang membawa maksud sebenar-benarnya adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْبَاطِلُ) yang bererti palsu.

8 Firman Allah Ta‘ālā :

" يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ وَأَخْشَوْا يَوْمًا لَا تَجْزِي وَالِدٌ عَنِ وَلَدِهِ وَلَا مَوْلُودٌ هُوَ جَازٍ عَنِ وَالِدِهِ شَيْئًا "

Maksudnya : *Wahai sekalian manusia, bertakwa lah kepada Tuhan kamu, dan takuti lah akan hari (akhirat) Yang padanya seseorang ibu atau bapa tidak dapat melepaskan anaknya dari azab dosanya, dan seorang anak pula tidak dapat melepaskan ibu atau bapanya dari azab dosa masing-masing sedikit pun.* (Makkīy)

Sūrah Luqmān : (31) : 33

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (وَالِدٌ) yang membawa maksud bapa adalah berlawanan makna dengan kata nama (وَالدُّ) yang bererti anak.

3.32 Analisis Al-Ṭibāq Dalam Sūrah al-Sajadah

1. Firman Allah Ta‘ālā :

اللَّهُ الَّذِي خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا فِي سِتَّةِ أَيَّامٍ

Maksudnya : *Allah yang menciptakan langit dan bumi serta segala apa yang ada di antara keduanya dalam masa enam hari.* (Makkīy)

Sūrah al-Sajadah : (32) : 4

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi.

2. Firman Allah Ta‘ālā :

ذَلِكَ عَلِيمُ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ الْعَزِيزُ الرَّحِيمُ

Maksudnya : *Begitulah keadaannya Dia (Allah) yang mengetahui perkara-perkara ghaib dan perkara-perkara nyata (dapat dirasai pancaindera) dan juga (Allah) Maha Kuasa lagi Maha Mengasihani.*

Sūrah al-Sajadah : (32) : 6

Daripada spesimen di atas, kita dapat merenungi bahawa kata nama (الْغَيْبِ) yang membawa maksud perkara-perkara ghaib adalah bertentangan makna dengan kata nama (الشَّهَادَةِ) yang bererti perkara-perkara nyata.

3. Firman Allah Ta‘ālā :

وَلَنْ كُنَّ حَقَّ الْقَوْلِ مِنِّي لَأَمْلَأَنَّ جَهَنَّمَ مِنَ الْجِنَّةِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ

Maksudnya : *Tetapi sudah tetap hukuman seksa dari Ku: Demi sesungguhnya! Aku akan memenuhi neraka jahannam dengan sekalian jin dan manusia (yang pada masa hidupnya tidak berusaha untuk beriman dan beramal soleh). (Makkīy)*

Sūrah al-Sajadah : (32) : 13

Berpaksikan kepada contoh di atas, kita dapat memahami bahawa kata nama (الْجِنَّةِ) yang bermaksud jin adalah berlawanan makna dengan kata nama (النَّاسِ) yang bererti manusia.

4. Firman Allah Ta‘ālā :

تَتَجَافَى جُنُوبُهُمْ عَنِ الْمَضَاجِعِ يَدْعُونَ رَبَّهُمْ خَوْفًا وَطَمَعًا

Maksudnya : *Mereka meninggalkan tempat tidur (mengerjakan sembahyang tahajjud dan amal-amal soleh) sambil menyeru Tuhan mereka dengan rasa ketakutan (terhadap kemurkaan Nya) dan pengharapan (kepada keredaan Nya). (Makkīy)*

Sūrah al-Sajadah : (32) : 16

Daripada spesimen di atas, kita dapat menghayati bahawa kata nama (خَوْفًا) yang membawa maksud ketakutan adalah antonim kepada kata nama (طَمَعًا) yang bererti pengharapan.

5. Firman Allah Ta'ālā :

أَفَمَن كَانَ مُؤْمِنًا كَمَن كَانَ فَاسِقًا لَّا يَسْتَوُونَ

Maksudnya : *Adakah orang yang beriman sama seperti orang yang fasik? Mereka tidak sama (dalam menerima balasan).* (Makkīy)

Sūrah al-Sajadah : (32) : 18

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (مُؤْمِنًا) yang membawa maksud orang yang beriman adalah berlawanan makna dengan kata nama (فَاسِقًا) yang bererti orang yang fasik.

6. Firman Allah Ta'ālā :

وَلَنذِيقَنَّهُمْ مِنَ الْعَذَابِ الْأَدْنَىٰ دُونَ الْعَذَابِ الْأَكْبَرِ لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ

Maksudnya : *Demi sesungguhnya, Kami akan merasakan mereka sedikit dari azab dunia sebelum azab yang besar (di akhirat kelak), supaya mereka rujuk kembali bertaubat.* (Makkīy)

Sūrah al-Sajadah : (32) : 21

Daripada spesimen di atas, kita dapat menyelami bahawa kata nama (الْأَدْنَىٰ) yang membawa maksud azab yang rendah. Namun begitu, kita dapat merenungi bahawa ianya membawa pengertian (الْأَصْغَرَ) yang bermaksud kecil. Justeru itu, kata nama (الْأَصْغَرَ) adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَكْبَرَ) yang bererti azab yang besar.

3.33 Analisis Al-Ṭibāq Dalam Sūrah al-Aḥzāb

1. Firman Allah Ta‘ālā :

يَقُولُونَ إِنَّ بُيُوتَنَا عَوْرَةٌ وَمَا هِيَ بِعَوْرَةٍ إِن يُرِيدُونَ إِلَّا فِرَارًا

Maksudnya : Mereka (sebahagian penduduk Yathrib) berkata: "Sesungguhnya rumah-rumah kami memerlukan perlindungan" sedangkan ia tidak memerlukan perlindungan. Mereka hanya mahu melarikan diri (daripada perjuangan). (Madanīy)

Sūrah al-Aḥzāb : (33) : 13

Daripada spesimen di atas, kita dapat menanggapi bahawa kata nama (عَوْرَةٌ) yang membawa maksud memerlukan perlindungan adalah berlawanan makna dengan kata nama (مَا هِيَ بِعَوْرَةٍ) yang bererti tidak memerlukan perlindungan.

2. Firman Allah Ta‘ālā :

" قُلْ مَنْ ذَا الَّذِي يَعْصِمُكُمْ مِّنَ اللَّهِ إِنِ ارَّادَ بِكُمْ سُوءًا أَوْ ارَّادَ بِكُمْ رَحْمَةً "

Maksudnya : Katakanlah: "Siapakah yang dapat melindungi kamu daripada (kemurkaan) Allah jika ia mahu menimpakan keburukan (bala bencana) kepada kamu, atau (siapakah yang dapat menahan kemurahan Allah) jika ia hendak memberikan rahmat kepada kamu? (Madanīy)

Sūrah al-Aḥzāb : (33) : 17

Berpandukan kepada misal di atas, kita memahami bahawa kata nama (سُوءًا) yang bermaksud keburukan adalah berlawanan makna dengan kata nama (رَحْمَةً) yang membawa pengertian rahmat. Secara tersiratnya, kata nama (رَحْمَةً) membawa pengertian kebaikan (حسنة).

3. Firman Allah Ta'ālā :

هُوَ الَّذِي يُصَلِّي عَلَيْكُمْ وَمَلَائِكَتُهُ لِيُخْرِجَكُم مِّنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ

Maksudnya : *Dia (Allah) yang memberi rahmat kepada kamu dan malaikatNya (berdoa bagi kamu) untuk mengeluarkan kamu daripada kegelapan (kekufuran) kepada cahaya (keimanan).* (Madaniy)

Sūrah al-Aḥzāb : (33) : 43

Daripada spesimen di atas, kita mampu menerobos bahawa kata nama (الظُّلُمَاتِ)

yang membawa maksud kegelapan adalah berlawanan makna dengan kata nama (النُّورِ)

yang bererti cahaya.

4. Firman Allah Ta'ālā :

يَتَأْتِيهَا النَّبِيُّ إِنَّا أَرْسَلْنَاكَ شَهِيدًا وَمُبَشِّرًا وَنَذِيرًا

Maksudnya : *Wahai Nabi, Sesungguhnya Kami mengutus mu sebagai saksi (terhadap umat mu), pembawa berita gembira (kepada orang-orang yang beriman) dan pemberi amaran (kepada orang-orang yang ingkar).* (Madaniy)

Sūrah al-Aḥzāb : (33) : 45

Daripada spesimen di atas, kita dapat merenungi bahawa kata nama (مُبَشِّرًا)

yang membawa maksud pembawa berita gembira adalah bertentangan makna dengan

kata nama (نَذِيرًا) yang bererti pemberi amaran.

5. Firman Allah Ta'ālā :

إِنَّ الَّذِينَ يُؤْذُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ لَعَنَهُمُ اللَّهُ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ

Maksudnya : *Sesungguhnya orang-orang yang mencaci Allah dan Rasul Nya, Allah melaknati mereka di dunia dan di akhirat.* (Madaniy)

Sūrah al-Aḥzāb : (33) : 57

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (الدُّنْيَا) yang membawa maksud dunia adalah antonim kepada kata nama (الأَخْرَةَ) yang bererti akhirat.

6. Firman Allah Ta‘ālā :

إِنَّا عَرَضْنَا الْأَمَانَةَ عَلَى السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْجِبَالِ فَأَبَيْنَ أَنْ تَحْمِلَهَا

Maksudnya : *Sesungguhnya Kami telah kemukakan amanah (tanggungjawab) kepada langit dan bumi serta gunung-ganang (untuk memikulnya), lalu mereka enggan memikulnya.* (Madaniy)

Sūrah al-Aḥzāb : (33) : 72

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الأَرْضُ) yang bererti bumi.

3.34 Analisis Al-Ṭibāq Dalam Sūrah al-Saba’

1. Firman Allah Ta‘ālā :

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي لَهُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَلَهُ الْحَمْدُ فِي الْآخِرَةِ

Maksudnya : *Segala puji hanya bagi Allah yang menguasai segala apa yang ada di langit dan di bumi serta bagi Allah jua segala puji pada hari akhirat.*

Sūrah al-Saba’ : (34) : 1

Penelitian terhadap ayat di atas akan menunjukkan kepada kita bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الأَرْضُ) yang bererti bumi.

2. Firman Allah Ta'ālā :

لَا يَعْزُبُ عَنْهُ مِثْقَالُ ذَرَّةٍ فِي السَّمَوَاتِ وَلَا فِي الْأَرْضِ وَلَا أَصْغَرُ مِنْ ذَلِكَ وَلَا أَكْبَرُ إِلَّا

فِي كِتَابٍ مُبِينٍ

Maksudnya : *Tiada tersembunyi dari pengetahuan Nya barang seberat zarah yang ada di langit ataupun di bumi. Tiada yang lebih kecil daripada itu dan tiada yang lebih besar melainkan semuanya tertulis di dalam Kitab yang nyata. (Makkīy)*

Sūrah al-Saba' : (34) : 3

Berasaskan kepada spesimen tersebut, kita dapat dapat menghayati bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang membawa pengertian bumi. Begitu juga dengan kata nama (أَصْغَرُ) yang bererti lebih kecil adalah antonim kepada kata nama (أَكْبَرُ) yang bererti lebih besar.

3. Firman Allah Ta'ālā :

أَفَلَمْ يَرَوْا إِلَى مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ مِنْ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ

Maksudnya : *Apakah mereka tidak melihat apa yang ada di hadapan mereka dan yang ada di belakang mereka dari langit dan bumi (dapat kah mereka melarikan diri)? (Makkīy)*

Sūrah al-Saba' : (34) : 9

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (السَّمَاءُ) yang membawa maksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi.

4. Firman Allah Ta'ālā :

وَلَسُلَيْمِنَ الرِّيحِ غُدُوهاَ شَهْرٌ وَرَواحُهاَ شَهْرٌ

Maksudnya : Kami kurniakan kepada Nabi Sulaiman kuasa menggunakan angin (untuk perjalanannya), satu pagi perjalanannya adalah menyamai perjalanan biasa sebulan dan satu petang perjalanannya adalah menyamai perjalanan biasa sebulan. (Makkīy)

Sūrah al-Saba' : (34) : 12

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (غُدُوهاَ) yang membawa maksud satu pagi perjalanannya adalah berlawanan makna dengan kata nama (رَواحُهاَ) yang bererti satu petang perjalanannya.

5. Firman Allah Ta'ālā :

سِروا فِيها لِيالِي وَأَيَّامًا آمِنِينَ

Maksudnya : Berjalanlah kamu di bandar-bandar itu (bandar persinggahan daripada Yaman ke Syria) pada bila-bila masa yang kamu suka, malam dan siang dalam keadaan yang aman". (Makkīy)

Sūrah al-Saba' : (34) : 18

Melalui pemerhatian ke atas contoh tersebut, kita memahami bahawa kata nama (لِيالِي) yang membawa maksud malam adalah bertentangan makna dengan kata nama (أَيَّامًا) yang bererti siang.

6. Firman Allah Ta'ālā :

لَا يَمْلِكُونَ مِثقالَ ذَرَّةٍ فِي السَّمَوَاتِ وَلَا فِي الْأَرْضِ

Maksudnya : Mereka (tuhan dakwaan orang-orang kafir) tidak memiliki sebarang kuasa walaupun seberat debu pun di langit dan di bumi.

Sūrah al-Saba' : (34) : 22

Daripada spesimen yang dikemukakan di atas, kita dapat menanggapi bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi.

7. Firman Allah Ta‘ālā :

قُلْ مَنْ يَرْزُقُكُمْ مِنَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ ۗ قُلِ اللَّهُ ۗ وَإِنَّا أَوْ إِيَّاكُمْ لَعَلَىٰ هُدًى أَوْ فِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ

Maksudnya : *Katakan : Siapakah yang memberi rezeki kepada kamu daripada langit dan bumi?" Katakan (jawabannya ialah) : Allah. (Makkīy)*

Sūrah al-Saba' : (34) : 24

Berpandukan ayat di atas, kita dapat merenungi bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi. Demikian juga dengan kata nama (هُدًى) yang membawa maksud petunjuk adalah bertentangan makna dengan kata nama (ضَلَالٌ) yang bererti kesesatan.

8. Firman Allah Ta‘ālā :

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا كَافَّةً لِّلنَّاسِ بَشِيرًا وَنَذِيرًا

Maksudnya : *Tiadalah Kami mengutus mu (Nabi Muhammad) melainkan untuk umat manusia seluruhnya sebagai Rasul pembawa berita gembira dan pembawa amaran. (Makkīy)*

Sūrah al-Saba' : (34) : 28

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (بَشِيرًا) yang membawa maksud pembawa berita gembira adalah antonim kepada kata nama (نَذِيرًا) yang bererti pembawa amaran.

9. Firman Allah Ta'ālā :

فَالْيَوْمَ لَا يَمْلِكُ بَعْضُكُمْ لِبَعْضٍ نَفْعًا وَلَا ضَرًّا

Maksudnya : Pada hari ini, masing-masing di antara kamu tidak berupaya memberi sebarang manfaat kepada kawannya dan tidak pula dapat menolak sesuatu bahaya daripadanya. (Makkīy)

Sūrah al-Saba' : (34) : 42

Daripada spesimen di atas, kita dapat menyelami bahawa kata nama (نَفْعًا) yang bermaksud manfaat adalah berlawanan makna dengan kata nama (ضَرًّا) yang membawa pengertian bahaya.

10. Firman Allah Ta'ālā :

مَا هَذَا إِلَّا إِفْكٌ مُّفْتَرًى ۚ وَقَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا لِلْحَقِّ لَمَّا جَاءَهُمْ إِنَّ هَذَا إِلَّا سِحْرٌ مُّبِينٌ

Maksudnya : Mereka berkata : Ini (Al-Quran) hanyalah pendustaan yang direka-reka dan orang-orang yang kafir berkata terhadap kebenaran ketika ia datang kepada mereka: "Ini tidak lain hanyalah sihir yang nyata.

Sūrah al-Saba' : (34) : 43

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (إِفْكٌ) yang membawa maksud pendustaan. Pada pemahaman kita, sesuatu pendustaan itu akan membawa kepada (بَاطِلٌ) iaitu kebatilan. Lalu kata nama (بَاطِلٌ) adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْحَقُّ) yang bererti kebenaran.

11. Firman Allah Ta'ālā :

قُلْ مَا سَأَلْتُكُمْ مِنْ أَجْرٍ فَهُوَ لَكُمْ ۖ إِنَّ أَجْرِيَ إِلَّا عَلَى اللَّهِ

Maksudnya : *Katakanlah (Wahai Muhammad): "Apa yang aku minta sebagai upah, manfaatnya untuk kamu. Tiada upah ku melainkan daripada Allah*

Sūrah al-Saba' : (34) : 47

Berpandukan kepada misal di atas, kita dapat menghayati bahawa kata nama (أَجْرٍ) yang membawa pengertian upah adalah bertentangan makna dengan kata nama (إِنَّ أَجْرِي) yang bermaksud tiada upah ku.

3.35 Analisis Al-Ṭibāq Dalam Sūrah Fāṭir

1. Firman Allah Ta'ālā :

الْحَمْدُ لِلَّهِ فَاطِرِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ جَاعِلِ الْمَلَائِكَةِ رُسُلًا

Maksudnya : *Segala puji hanya bagi Allah yang menciptakan langit dan bumi serta menjadikan malaikat utusan-utusan. (Makkīy)*

Sūrah Fāṭir : (35) : 1

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi.

2. Firman Allah Ta'ālā :

أَفَمَنْ زُيِّنَ لَهُ سُوءُ عَمَلِهِ فَرَآهُ حَسَنًا

Maksudnya : *Adakah orang yang memandang indah perbuatan buruknya (dihiaskan oleh syaitan) lalu ia memandang dan mempercayainya sebagai perkara baik, (bolehkah disifatkan sebagai orang yang diberi hidayah ?*

Sūrah Fāṭir : (35) : 8

Bersumberkan contoh di atas, kita memahami bahawa kata nama (سُوءٌ) yang bermaksud perbuatan buruk adalah berlawanan makna dengan kata nama (حَسَنًا) yang membawa pengertian perkara baik.

3. Firman Allah Ta'ālā :

وَسَخَّرَ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ كُلٌّ يَجْرِي لِأَجَلٍ مُّسَمًّى

Maksudnya : *Dia (Allah) mempermudah peredaran matahari dan bulan. Semuanya beredar menurut waktu yang ditetapkan. (Makkīy)*

Sūrah Fāṭir : (35) : 13

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (الشَّمْسُ) yang membawa maksud matahari adalah antonim kepada kata nama (الْقَمَرُ) yang bererti bulan.

4. Firman Allah Ta'ālā :

وَمَا يَسْتَوِي الْأَعْمَىٰ وَالْبَصِيرُ

Maksudnya : *Dan tidaklah sama orang buta dan orang celik. (Makkīy)*

Sūrah Fāṭir : (35) : 19

Berpaksikan contoh di atas, kita memahami bahawa kata nama (الْأَعْمَى) yang bermaksud orang buta adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْبَصِيرُ) yang membawa pengertian orang celik.

5. Firman Allah Ta‘ālā :

وَلَا الظُّلُمَاتُ وَلَا النُّورُ

Maksudnya : Dan tidaklah sama kegelapan dan cahaya. (Makkīy)
Sūrah Fāṭir : (35) : 20

Berpandukan ayat di atas, kita mendapati kata nama (الظُّلُمَاتُ) yang berarti kegelapan adalah berlawanan makna dengan kata nama (النُّورُ) yang bermakna cahaya.

6. Firman Allah Ta‘ālā :

وَلَا الظِّلُّ وَلَا الْحَرُورُ

Maksudnya : Dan tidaklah sama tempat teduh dan tempat panas terik
Sūrah Fāṭir : (35) : 21.

Berpandukan ayat di atas, kita mendapati kata nama (الظِّلُّ) yang berarti tempat teduh adalah antonim kepada kata nama (الْحَرُورُ) yang bermakna tempat panas.

7. Firman Allah Ta‘ālā :

وَمَا يَسْتَوِي الْأَحْيَاءُ وَلَا الْأَمْوَاتُ

Maksudnya : Dan tidaklah sama orang-orang yang hidup dan orang-orang yang mati. (Makkīy)

Sūrah Fāṭir : (35) : 22

Berpandukan ayat di atas, kita mendapati kata nama (الْأَحْيَاءُ) yang berarti orang hidup adalah bertentangan makna dengan kata nama (الْأَمْوَاتُ) yang bermakna orang mati.

8. Firman Allah Ta‘ālā :

إِنَّا أَرْسَلْنَاكَ بِالْحَقِّ بَشِيرًا وَنَذِيرًا وَإِن مِّنْ أُمَّةٍ إِلَّا خَلَا فِيهَا نَذِيرٌ

Maksudnya : *Sesungguhnya Kami mengutus mu dengan kebenaran sebagai pembawa berita gembira dan pemberi amaran. Tidak ada sesuatu umat pun melainkan telah ada di antara mereka orang yang memberi ingatan.* (Makkīy)

Sūrah Fāṭir : (35) : 24

Daripada spesimen di atas, kita dapat merenungi bahawa kata nama (بَشِيرًا) yang membawa maksud pembawa berita gembira adalah bertentangan makna dengan kata nama (نَذِيرًا) yang bererti pembawa amaran.

9. Firman Allah Ta‘ālā :

وَأَنْفَقُوا مِمَّا رَزَقْنَاهُمْ سِرًّا وَعَلَانِيَةً يَرْجُونَ تِجَارَةً لَّنْ تَبُورَ

Maksudnya : *Mereka menginfakkan daripada apa yang Kami kurniakan kepada mereka secara bersembunyi ataupun secara terbuka, (dengan amalan sedemikian) mereka mengharapkan perniagaan yang tidak akan mengalami kerugian.* (Makkīy)

Sūrah Fāṭir : (35) : 29

Berasaskan kepada spesimen tersebut, kita dapat kita memahami bahawa kata nama (سِرًّا) yang membawa maksud secara bersembunyi adalah berlawanan makna dengan kata nama (عَلَانِيَةً) yang bererti secara terbuka.

10. Firman Allah Ta‘ālā :

إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ غَيْبِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ إِنَّهُ عَلِيمٌ بِذَاتِ الصُّدُورِ

Maksudnya : *Sesungguhnya Allah mengetahui segala rahsia langit dan bumi. Sesungguhnya Dia mengetahui segala (isi hati) yang terkandung di dalam dada.* (Makkīy)

Sūrah Fāṭir : (35) : 38

Melalui pemerhatian ke atas contoh tersebut, kita dapat menghayati bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi.

11. Firman Allah Ta'ālā :

أَرُونِي مَاذَا خَلَقُوا مِنَ الْأَرْضِ أَمْ لَهُمْ شِرْكٌ فِي السَّمَوَاتِ

Maksudnya : *(Katakan kepada tuhan dakwaan orang-orang kafir) Tunjukkan lah kepada Ku, apa yang mereka telah ciptakan di bumi atau adakah mereka mempunyai sebarang perkongsian (dengan Allah) dalam menciptakan langit? (Makkīy)*

Sūrah Fāṭir : (35) : 40

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang bermaksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang membawa pengertian bumi.

12. Firman Allah Ta'ālā :

إِنَّ اللَّهَ يُمَسِّكُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ أَنْ تَزُولَا

Maksudnya : *Sesungguhnya Allah menahan langit dan bumi supaya tidak berganjak dari peraturan (tidak berhenti berfungsi). (Makkīy)*

Sūrah Fāṭir : (35) : 41

Penelitian terhadap ayat di atas akan menunjukkan kepada kita bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah antonim kepada kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi.

13. Firman Allah Ta‘ālā :

وَمَا كَانَ اللَّهُ لِيُعْجِزَهُ مِنْ شَيْءٍ فِي السَّمَوَاتِ وَلَا فِي الْأَرْضِ

Maksudnya : Tidak ada sesuatu pun di langit dan di bumi yang dapat menghalang rencana Allah. (Makkīy)

Sūrah Fāṭir : (35) : 44

Berdasarkan ayat di atas, kita memahami bahawa kata nama (السَّمَوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi.

3.36 Analisis Al-Ṭibāq Dalam Sūrah Yāsīn

1. Firman Allah Ta‘ālā :

ءَأَتَّخِذُ مِنْ دُونِهِ آلِهَةً إِنْ يُرَدَّنِ الرَّحْمَنُ بِضُرٍّ لَا تُغْنِي عَنِّي شَفَاعَتُهُمْ شَيْئًا

Maksudnya : Adakah patut aku menyembah tuhan-tuhan selain daripada Allah? Jika Allah yang Maha Pemurah hendak mendatangkan kemudharatan kepada ku, mereka tidak dapat memberikan sebarang syafaat (pertolongan) kepadaku. (Makkīy)

Sūrah Yāsīn : (36) : 23

Daripada spesimen di atas, kita dapat menanggapi bahawa kata nama (شَفَاعَةٌ) yang bererti syafaat secara konotasinya membawa pengertian (نَفْعٌ) yang bermaksud manfaat. Lalu ia bertentangan dengan kata nama (ضُرٌّ) yang membawa maksud kemudharatan.

2. Firman Allah Ta‘ālā :

وَأَيَّةٌ لَهُمْ اللَّيْلُ دَسَلَخُ مِنْهُ النَّهَارَ فَإِذَا هُمْ مُظْلِمُونَ

Maksudnya : Bukti yang jelas bagi mereka ialah malam yang Kami hilangkan siang daripadanya, lalu serta-merta mereka berada dalam gelap-gelita. (Makkīy)

Sūrah Yāsīn : (36) : 37

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (اللَّيْلُ) yang membawa maksud malam adalah berlawanan makna dengan kata nama (النَّهَارُ) yang bererti siang.

3. Firman Allah Ta'ālā :

وَالشَّمْسُ تَجْرِي لِمُسْتَقَرٍّ لَهَا ۚ ذَٰلِكَ تَقْدِيرُ الْعَزِيزِ الْعَلِيمِ ۚ وَالْقَمَرَ قَدَّرْتَهُ مَنَازِلَ حَتَّىٰ
عَادَ كَالْعُرْجُونِ الْقَدِيمِ

Maksudnya : *Matahari yang kelihatan beredar menurut ketetapan nya. Hal sedemikian adalah ketentuan Tuhan Yang Maha Kuasa lagi Maha Mengetahui. Begitu juga bulan yang Kami tetapkan beredar melalui beberapa peringkat sehingga akhirnya menjadi seperti mayang yang telah tua (bengkok dan melengkung sebagai bulan sabit). (Makkīy)*

Sūrah Yāsīn : (36) : 38-39

Berpandukan kepada misal di atas, kita dapat merenungi bahawa kata nama (الشَّمْسُ) yang membawa maksud matahari adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْقَمَرُ) yang bererti bulan.

4. Firman Allah Ta'ālā :

لَا الشَّمْسُ يَنْبَغِي لَهَا أَنْ تُدْرِكَ الْقَمَرَ وَلَا اللَّيْلُ سَابِقُ النَّهَارِ

Maksudnya : *Matahari tidak sepatutnya mengejar bulan dan malam pula tidak dapat mendahului siang. (Makkīy)*

Sūrah Yāsīn : (36) : 40

Berpandukan ayat di atas, kita mendapati kata nama (الشَّمْسُ) yang bererti matahari adalah bertentangan makna dengan kata nama (الْقَمَرُ) yang bermakna bulan. Manakala kata nama (اللَّيْلُ) yang bermaksud malam adalah antonim kepada kata nama (النَّهَارُ) yang membawa pengertian siang.

5. Firman Allah Ta‘ālā :

أُولَئِكَ الَّذِينَ خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ بِقَدِيرٍ عَلَىٰ أَنْ يَخْلُقَ مِثْلَهُمْ

Maksudnya : *Bukankah Tuhan yang telah menciptakan langit dan bumi berkuasa menciptakan semula manusia sebagaimana dahulu?* (Makkīy)

Sūrah Yāsīn : (36) : 81

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi.

3.37 Analisis Al-Ṭibāq Dalam Sūrah al-Ṣaffāt

1. Firman Allah Ta‘ālā :

رَبُّ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا وَرَبُّ الْمَشْرِقِ

Maksudnya : *Tuhan yang mentadbirkan langit dan bumi dan segala apa yang ada di antara keduanya serta Tuhan (yang mengatur) tempat-tempat terbit matahari.* (Makkīy)

Sūrah al-Ṣaffāt: (37) : 5

Berpaksikan kepada contoh di atas, kita dapat menghayati bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang bermaksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang membawa pengertian bumi.

2. Firman Allah Ta‘ālā :

وَبَرَكْنَا عَلَيْهِ وَعَلَىٰ إِسْحَاقَ وَمِنْ ذُرِّيَّتِهِمَا مُحْسِنٌ وَظَالِمٌ لِّنَفْسِهِ مُبِينٌ

Maksudnya : *Kami melimpahkan keberkatan kepadanya (Nabi Ibrahim) dan (anaknyanya) Ishak. Di kalangan zuriat keturunan keduanya, ada yang berbuat kebaikan dan ada pula yang menganiaya diri secara nyata.* (Makkīy)

Sūrah al-Ṣaffāt : (37) : 113

Berasaskan kepada spesimen tersebut, kita dapat memahami bahawa kata nama (ظَالِمٌ) yang bererti menganiaya membawa konotasi (مُسِيءٌ) yang bermaksud memberi keburukan kepada semua orang. Justeru itu, ia berlawanan makna dengan kata nama (مُحْسِنٌ) yang membawa maksud berbuat kebaikan.

3. Firman Allah Ta‘ālā :

وَإِنَّكُمْ لَتَمُرُّونَ عَلَيْهِمْ مُصْبِحِينَ ، وَبِاللَّيْلِ أَفْلا تَعْقُلُونَ

Maksudnya : *Sesungguhnya kamu (penentang Nabi Muhammad) berulang-alik (melalui bekas-bekas kediaman) mereka (kaum Nabi Lut) pada waktu pagi dan juga pada waktu malam. Mengapa kamu tidak mahu memikirkannya ?*

Sūrah al-Şaffāt : (37) : 137-138

Daripada spesimen di atas, kita dapat menyelami bahawa kata nama (مُصْبِحِينَ) yang membawa maksud waktu pagi. Pada pemahaman kita, waktu pagi itu akan membawa pengertian (النَّهَارُ) iaitu waktu siang. Justeru itu, kata nama (النَّهَارُ) adalah berlawanan makna dengan kata nama (اللَّيْلِ) yang bererti waktu malam.

4. Firman Allah Ta‘ālā :

فَأَسْتَفْتِهِمَ الرِّبَّكَ الْبَنَاتُ وَلَهُمُ الْبَنُونَ

Maksudnya : *Tanyakan lah (Wahai Muhammad) kepada mereka itu: Wajarkah mereka membahagikan anak-anak perempuan untuk Tuhan mu dan anak-anak lelaki untuk mereka? (Makkīy)*

Sūrah al-Şaffāt : (37) : 149

Daripada spesimen di atas, kita dapat menanggapi bahawa kata nama (الْبَنَاتُ) yang membawa maksud anak-anak perempuan adalah antonim kepada kata nama (الْبَنُونَ) yang bererti anak-anak lelaki.

5. Firman Allah Ta‘ālā :

أَصْطَفَى الْبَنَاتِ عَلَى الْبَنِينَ

Maksudnya : *Adakah Tuhan memilih (mengutamakan) anak-anak perempuan berbanding anak-anak lelaki (sedangkan Dia yang menciptakan kedua-duanya)?* (Makkīy)

Sūrah al-Şaffāt : (37) : 153

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (الْبَنَاتِ) yang membawa maksud anak-anak perempuan adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْبَنِينَ) yang bererti anak-anak lelaki.

3.38 Analisis Al-Ṭibāq Dalam Sūrah Şād

1. Firman Allah Ta‘ālā :

أَمْرُهُمْ مُلْكُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا ط فَلْيَرْتَقُوا فِي الْأَسْبَابِ

Maksudnya : *Atau adakah mereka menguasai langit dan bumi serta segala apa yang ada di antara keduanya?. (Jika ada) biarlah mereka naik mendaki langit menurut jalan-jalan yang membawa mereka ke situ (untuk mentadbirkan seluruh alam).* (Makkīy)

Sūrah Şād : (38) : 10

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi.

2. Firman Allah Ta‘ālā :

إِنَّا سَخَرْنَا الْجِبَالَ مَعَهُ يُسَبِّحْنَ بِالْعِشِيِّ وَالْإِشْرَاقِ

Maksudnya : *Sesungguhnya Kami menjadikan gunung-ganang itu bertasbih (memuji Allah) bersamanya (Nabi Daud) pada waktu petang dan waktu pagi.*

Sūrah Şād: (38) : 18

Daripada spesimen di atas, kita dapat merenungi bahawa kata nama (الْعَنَبِيُّ) yang bermaksud waktu petang adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْإِشْرَاقِ) yang bererti waktu pagi.

3. Firman Allah Ta‘ālā :

رَبُّ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا الْعَزِيزُ الْغَفَّورُ

Maksudnya : *Tuhan (Allah) yang mentadbirkan langit dan bumi serta segala apa yang ada di antara keduanya, Dia Maha Kuasa lagi Maha Pengampun.*

Sūrah Ṣād: (38) : 66

Berpandukan kepada misal di atas, kita memahami bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang bermaksud langit adalah bertentangan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang membawa pengertian bumi.

3.39 Analisis Al-Ṭibāq Dalam Sūrah al-Zumar

1. Firman Allah Ta‘ālā :

خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ بِالْحَقِّ يُكَوِّرُ اللَّيْلَ عَلَى النَّهَارِ وَيُكَوِّرُ النَّهَارَ عَلَى اللَّيْلِ وَسَخَّرَ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ

Maksudnya : *Dia (Allah) menciptakan langit dan bumi dengan (kegunaan) sebenar. Dia menjadikan malam melingkari siang dan menjadikan siang melingkari malam serta menjadikan matahari dan bulan beredar menurut perintah Nya. (Makkīy)*

Sūrah al-Zumar : (39) : 5

Daripada spesimen di atas, kita dapat menghayati bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi. Di samping itu, kata nama kata nama (اللَّيْلُ) yang membawa

pengertian malam adalah bertentangan makna dengan kata nama (النَّهَارُ) yang bererti siang. Begitu juga dengan kata nama (الشَّمْسُ) yang membawa makna matahari adalah antonym kepada kata nama (الْقَمَرُ) yang bererti bulan.

2. Firman Allah Ta‘ālā :

وَإِذَا مَسَّ الْإِنْسَانَ ضُرٌّ دَعَا رَبَّهُ مُنِيبًا إِلَيْهِ ثُمَّ إِذَا حَوَّلَهُ نِعْمَةً مِّنْهُ نَسِيَ مَا كَانَ يَدْعُوًا إِلَيْهِ
مِن قَبْلُ

Maksudnya : Apabila manusia disentuh sesuatu kemudharatan, ia segera berdoa kepada Tuhannya dalam keadaan kembali bertaubat kepadaNya. Kemudian apabila Allah memberikannya sesuatu nikmat (kurniaan) daripadanya, ia terus lupa segala kemudharatan yang menyebabkannya merayu kepada Allah sebelum itu . (Makkīy)

Sūrah al-Zumar : (39) : 8

Bersumberkan contoh di atas, kita memahami bahawa kata nama (نِعْمَةٌ) yang bererti nikmat membawa pengertian (نَفْعٌ) yang bermaksud manfaat. Justeru itu, ia berlawanan makna dengan kata nama (ضُرٌّ) yang membawa maksud kemudharatan.

3. Firman Allah Ta‘ālā :

فَأَذَاقَهُمُ اللَّهُ الْحَزْنَ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَلِعَذَابِ الْآخِرَةِ أَكْبَرُ

Maksudnya : Allah menjadikan mereka merasa kehinaan dalam kehidupan dunia (dengan pelbagai bencana) dan azab seksa hari akhirat (yang disediakan untuk mereka) adalah lebih besar. (Makkīy)

Sūrah al-Zumar : (39) : 26

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (الدُّنْيَا) yang membawa maksud dunia adalah antonim kepada kata nama (الأَخِرَّة) yang bererti akhirat.

4. Firman Allah Ta‘ālā :

وَلَمَّا سَأَلْتَهُمْ مَنْ خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ لَيَقُولُنَّ اللَّهُ قُلْ أَفَرَأَيْتُمْ مَا تَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ إِنْ أَرَادَنِيَ اللَّهُ بِضُرٍّ هَلْ هُنَّ كَاشِفَاتُ ضُرِّهِ أَوْ أَرَادَنِي بِرَحْمَةٍ هَلْ هِيَ مُمْسِكَةٌ
رَحْمَتِهِ

Maksudnya : *Demi sesungguhnya jika engkau bertanya kepada mereka (orang musyrik) : "Siapakah yang mencipta langit dan bumi?" Sudah tentu mereka akan menjawab: "Allah". (Makkīy)*

Sūrah al-Zumar : (39) : 38

Melalui pemerhatian ke atas contoh tersebut, kita memahami bahawa kata nama (السَّمَاوَاتِ) yang membawa maksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi. Begitu juga dengan kata nama (رَحْمَةٌ) yang bererti rahmat. Secara konotasi, ia membawa pengertian (نَفْعٌ) yang bererti manfaat kerana setiap rahmat pasti memberi manfaat kepada semua individu. Lantaran itu, ia berlawanan makna dengan kata nama (ضُرٌّ) yang membawa maksud kemudaratan.

5. Firman Allah Ta‘ālā :

قُلْ لِلَّهِ الشَّفَعَةُ جَمِيعًا اللَّهُ مَلِكُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ

Maksudnya : *Katakanlah : Semua syafaat (pertolongan) adalah kepunyaan Allah, Dia Yang menguasai segala urusan langit dan bumi. (Makkīy)*

Sūrah al-Zumar : (39) : 44

Daripada spesimen yang ditunjukkan di atas, kita mampu menerobos bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang bermaksud langit adalah bertentangan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang membawa pengertian bumi.

6. Firman Allah Ta‘ālā :

قُلِ اللَّهُمَّ فَاطِرَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ عَلِيمَ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ

Maksudnya : *Ucapkanlah : "Wahai Tuhan yang menciptakan langit dan bumi, Tuhan yang mengetahui perkara ghaib dan perkara nyata. (Makkīy)*

Sūrah al-Zumar : (39) : 46

Daripada contoh yang diberikan di atas, kita dapat menanggapi bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi. Begitu juga kata nama (الْغَيْبِ) yang membawa maksud perkara ghaib adalah antonym kepada kata nama (الشَّهَادَةِ) yang bererti perkara nyata.

7. Firman Allah Ta‘ālā :

فَإِذَا مَسَّ الْإِنْسَانَ ضُرٌّ دَعَانَا ثُمَّ إِذَا حَوَّلْنَاهُ نِعْمَةً مِنَّا قَالَ إِنَّمَا أُوتِيتُهُ عَلَىٰ عِلْمٍ

Maksudnya : *Apabila manusia disentuh oleh sesuatu kemudharatan, ia segera berdoa kepada kami. Kemudian apabila Kami memberikannya sesuatu nikmat (kurniaan), berkatalah ia (dengan sombongnya): "Aku diberikan nikmat ini disebabkan pengetahuan dan kepandaian yang ada padaku". (Makkīy)*

Sūrah al-Zumar : (39) : 49

Berdasarkan ayat di atas, kita dapat merenungi bahawa kata nama (نِعْمَةٌ) yang bererti nikmat membawa pengertian (نَفْعٌ) yang bermaksud manfaat. Justeru itu, ia berlawanan makna dengan kata nama (ضُرٌّ) yang membawa maksud kemudaratan.

8. Firman Allah Ta'ālā :

لَهُ مَقَالِيدُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ

Maksudnya : *Kepunyaan Allah (kunci) perbendaharaan langit dan bumi.*
(Makkīy)

Sūrah al-Zumar : (39) : 63

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah antonim kepada kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi.

9. Firman Allah Ta'ālā :

وَالْأَرْضُ جَمِيعًا قَبْضَتُهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَالسَّمَوَاتُ مَطْوِيَّاتٌ بِيَمِينِهِ

Maksudnya : *Pada hari kiamat bumi keseluruhannya berada dalam genggamannya dan langit digulung dengan tangan kananNya (kekuasaan Allah).* (Makkīy)

Sūrah al-Zumar : (39) : 67

Berpaksikan kepada contoh di atas, kita dapat menghayati bahawa kata nama (الْأَرْضُ) yang membawa maksud bumi adalah berlawanan makna dengan kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang bererti langit.

10. Firman Allah Ta‘ālā :

وَنُفِخَ فِي الصُّورِ فَصَعِقَ مَنْ فِي السَّمَوَاتِ وَمَنْ فِي الْأَرْضِ إِلَّا مَنْ شَاءَ اللَّهُ

Maksudnya : *(Ketika) ditiup sangkakala, pingsanlah (mati) orang-orang yang ada di langit dan di bumi melainkan orang yang dikehendaki Allah. (Makkīy)*

Sūrah al-Zumar : (39) : 68

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi.

3.40 Analisis Al-Ṭibāq Dalam Sūrah al-Mu‘min

1. Firman Allah Ta‘ālā :

وَجَدَلُوا بِالْبَاطِلِ لِيُدْحِضُوا بِهِ الْحَقَّ فَأَخَذْتُهُمْ فَكَيْفَ كَانَ عِقَابِ

Maksudnya : *Mereka membantah dengan perkara yang salah (palsu) untuk melenyapkan kebenaran lalu Aku (Allah) membinasakan mereka. Justeru itu, (lihatlah) bagaimana kesan azab Ku! (Makkīy)*

Sūrah al-Mu‘min : (40) : 5

Penelitian terhadap ayat di atas akan menunjukkan kepada kita bahawa kata nama (الباطِلِ) yang membawa maksud perkara yang salah adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْحَقُّ) yang bererti kebenaran.

2. Firman Allah Ta‘ālā :

وَإِنْ يَكُ كَذِبًا فَعَلَيْهِ كَذِبُهُ وَإِنْ يَكُ صَادِقًا يُصِيبْكُمْ بَعْضُ الَّذِي يَعِدُكُمْ

Maksudnya : *Sekiranya ia seorang pendusta, dia sendiri yang menanggung dosa pendustaannya dan jika ia seorang yang benar, pasti kamu akan ditimpa sebahagian daripada (azab) yang dijanjikan kepada kamu. (Makkīy)*

Sūrah al-Mu‘min : (40) : 28

Berpandukan kepada misal di atas, kita memahami bahawa kata nama (كَاذِبًا) yang membawa maksud seorang pendusta adalah bertentangan makna dengan kata nama (صَادِقًا) yang bererti seorang yang benar.

3. Firman Allah Ta‘ālā :

يَقَوْمٍ إِنَّمَا هِيَ الدُّنْيَا مَتَّعُ وَإِنَّ الْآخِرَةَ هِيَ دَارُ الْقَرَارِ

Maksudnya : *Wahai kaum ku! Sesungguhnya kehidupan dunia ini hanyalah kesenangan sementara dan sesungguhnya hari akhirat itulah negeri yang kekal.* (Makkīy)

Sūrah al-Mu‘min : (40) : 39

Berasaskan kepada spesimen tersebut, kita dapat memahami bahawa kata nama (الدُّنْيَا) yang bermaksud dunia adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْآخِرَةَ) yang membawa pengertian akhirat.

4. Firman Allah Ta‘ālā :

مَنْ عَمِلَ سَيِّئَةً فَلَا يُجْزَى إِلَّا مِثْلَهَا ۖ وَمَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ

فَأُولَٰئِكَ يَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ

Maksudnya : *Sesiapa yang mengerjakan sesuatu kejahatan, ia hanya dibalas seimbang dengan kejahatannya dan sesiapa yang mengerjakan amal soleh sama ada lelaki ataupun perempuan dalam keadaan ia beriman, mereka itu akan memasuki syurga.* (Makkīy)

Sūrah al-Mu‘min : (40) : 40

Berpandukan ayat di atas, kita mendapati kata nama (صَالِحًا) yang bermakna amal soleh membawa konotasi (حَسَنَةً) yang bererti berbuat kebaikan. Lantaran itu, berlawanan makna dengan kata nama (سَيِّئَةً) yang bererti kejahatan. Manakala kata nama (ذَكَرٍ) yang bermaksud lelaki adalah antonim kepada kata nama (أُنْثَىٰ) yang membawa perempuan.

5. Firman Allah Ta‘ālā :

وَيَقُولُ مَا لِيَ أُدْعُوكُمْ إِلَى النَّجْوَةِ وَتَدْعُونَنِي إِلَى النَّارِ

Maksudnya : *Wahai kaum ku! Apakah gerangannya? Aku menyeru kamu kepada kesejahteraan, dan kamu pula mengajak ku ke neraka?* (Makkīy)
Sūrah al-Mu‘min : (40) : 41

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (النَّجْوَةُ) yang bermaksud kesejahteraan adalah membawa pengertian (الْجَنَّةُ) yang bermakna syurga. Kita dapat menerobos minda bahawa tempat kesejahteraan abadi adalah syurga. Justeru itu, ia berlawanan makna dengan kata nama (النَّارِ) yang bererti neraka.

6. Firman Allah Ta‘ālā :

لَا جُرْمَ أَنْمَا تَدْعُونَنِي إِلَيْهِ لَيْسَ لَهُ دَعْوَةٌ فِي الدُّنْيَا وَلَا فِي الْآخِرَةِ

Maksudnya : *Tidak syak lagi bahawa sesuatu yang kamu menyeru ku supaya menyembahnya itu tidak dapat menyahut sebarang seruan (memberikan pertolongan) sama ada di dunia ataupun di akhirat.* (Makkīy)

Sūrah al-Mu‘min : (40) : 43

Daripada spesimen di atas, kita mampu menerobos bahawa kata nama (الدُّنْيَا) yang membawa maksud tidak di dunia ataupun adalah berlawanan makna kepada kata nama (الْآخِرَةُ) yang bererti tidak di akhirat.

7. Firman Allah Ta‘ālā :

النَّارُ يُعْرَضُونَ عَلَيْهَا غُدُوًّا وَعَشِيًّا

Maksudnya : *Mereka didedahkan kepada bahang api neraka pada waktu pagi dan petang (semasa berada dalam alam barzakh).* (Makkīy)
Sūrah al-Mu‘min : (40) : 46

Berpandukan kepada misal di atas, kita dapat merenungi bahawa kata nama (عُدُوًّا) yang membawa maksud waktu pagi adalah berlawanan makna dengan kata nama (عَشِيًّا) yang bererti waktu petang.

8. Firman Allah Ta'ālā :

وَأَسْتَغْفِرُ لِدُنُوبِكَ وَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ بِالْعَشِيِّ وَالْإِبْكَارِ

Maksudnya : *Mohonlah keampunan bagi atas kesalahan serta bertasbihlah dengan memuji Tuhan mu pada waktu pagi dan petang.* (Makkīy)

Sūrah al-Mu'min: (40) : 55

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (العَشِيِّ) yang bermaksud waktu petang adalah berlawanan makna dengan kata nama (الإِبْكَارِ) yang bererti waktu pagi.

9. Firman Allah Ta'ālā :

لَخَلْقُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ أَكْبَرُ مِنْ خَلْقِ النَّاسِ

Maksudnya : *Sesungguhnya penciptaan langit dan bumi (daripada tiada kepada ada) lebih besar (lebih mengagumkan) daripada menciptakan manusia.* (Makkīy)

Sūrah al-Mu'min : (40) : 57

Daripada spesimen di atas, kita dapat menghayati bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah bertentangan makna dengan kata nama (الأَرْضُ) yang bererti bumi.

10. Firman Allah Ta'ālā :

وَمَا يَسْتَوِي الْأَعْمَىٰ وَالْبَصِيرُ وَالَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَلَا الْمُسِيءَ

Maksudnya : (Sememangnya) Tidak sama orang buta dengan orang celik, dan juga tidak sama orang-orang yang beriman serta beramal soleh dengan orang yang melakukan kejahatan. (Makkīy)

Sūrah al-Mu'min: (40) : 58

Berpandukan ayat di atas, kita mendapati kata nama (الْأَعْمَى) yang bererti orang buta adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْبَصِيرُ) yang bermakna orang celik. Manakala kata nama (الصَّالِحَاتِ) yang bermaksud orang beramal soleh pula secara tersiratnya membawa pengertian (الْمُحْسِنِ) yang bererti orang melakukan kebaikan. Justeru ia merupakan antonim kepada kata nama (الْمُسِيءُ) yang membawa pengertian melakukan kejahatan.

11. Firman Allah Ta'ālā :

اللَّهُ الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ اللَّيْلَ لِتَسْكُنُوا فِيهِ وَالنَّهَارَ مُبْصِرًا

Maksudnya : Allah yang menjadikan malam untuk kamu supaya kamu berehat padanya dan menjadikan siang terang-benderang (supaya kamu dapat berusaha). (Makkīy)

Sūrah al-Mu'min : (40) : 61

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (اللَّيْلُ) yang bermaksud malam adalah berlawanan makna dengan kata nama (النَّهَارُ) yang membawa pengertian siang.

12. Firman Allah Ta‘ālā :

فَلَمْ يَكُ يَنْفَعُهُمْ إِيمَانُهُمْ لَمَّا رَأَوْا بَأْسَنَا سُنَّتَ اللَّهُ الَّتِي قَدْ خَلَتْ فِي عِبَادِهِ وَخَسِرَ هُنَالِكَ الْكَافِرُونَ

Maksudnya : *Keimanan mereka tidak berguna lagi ketika melihat azab kami. Begitulah sunnah (peraturan) Allah yang telah berlaku terhadap hamba-hamba Nya. Pada saat itu, rugilah orang-orang yang kafir.* (Makkīy)

Sūrah al-Mu‘min : (40) : 85

Penelitian terhadap ayat di atas akan menunjukkan kepada kita bahawa kata nama (*إِيمَانُهُمْ*) yang membawa maksud keimanan mereka adalah antonim kepada kata nama (*الْكَافِرُونَ*) yang bererti orang-orang kafir.

3.41 Analisis Al-Ṭibāq Dalam Sūrah Fuṣṣilat

1. Firman Allah Ta‘ālā :

بَشِيرًا وَنَذِيرًا فَأَعْرَضَ أَكْثَرُهُمْ فَهُمْ لَا يَسْمَعُونَ

Maksudnya : *Pembawa berita gembira dan pembawa amaran. Namun kebanyakan mereka ingkar (tidak mahu memahaminya) dan tidak mahu mendengar.* (Makkīy)

Sūrah Fuṣṣilat : (41) : 4

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (*بَشِيرًا*) yang membawa maksud pembawa berita gembira adalah berlawanan makna dengan kata nama (*نَذِيرًا*) yang bererti pembawa amaran.

2. Firman Allah Ta‘ālā :

فَقَالَ لَهَا وَلِلْأَرْضِ أُنْتِ يَا طَوْعًا أَوْ كَرْهًا قَالَتَا أَتَيْنَا طَائِعِينَ

Maksudnya : *Lalu Dia (Allah) berfirman kepadanya (langit) dan kepada bumi: "Turutlah kamu berdua perintahKu sama ada secara*

sukarela ataupun secara paksa!" Keduanya menjawab: "Kami berdua sedia menurut (patuh) dengan sukarela". (Makkīy)

Sūrah Fuṣṣilat : (41) : 11

Daripada spesimen di atas, kita dapat menanggapi bahawa kata nama (طَوْعًا) yang bererti sukarela adalah berlawanan makna dengan kata nama (كَرْهًا) yang membawa maksud terpaksa.

3. Firman Allah Ta'ālā :

لِنُذِيقَهُمْ عَذَابَ الْحِزْيِ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا ۖ وَلِعَذَابِ الْآخِرَةِ أَكْثَرُ

Maksudnya : *Supaya Kami merasakan mereka seksaan yang menghina dalam kehidupan dunia dan sesungguhnya seksaan hari akhirat lebih besar kehinaannya.* (Makkīy)

Sūrah Fuṣṣilat : (41) : 16

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (الدُّنْيَا) yang membawa maksud dunia adalah bertentangan makna dengan kata nama (الْآخِرَةِ) yang bererti akhirat.

4. Firman Allah Ta'ālā :

وَأَمَّا ثَمُودُ فَهَدَيْنَاهُمْ فَاسْتَحَبُّوا الْعَمَىٰ عَلَىٰ الْهُدَىٰ

Maksudnya : *Manakala kaum Thamud pula, Kami memberikan petunjuk kepada mereka, lalu mereka mengutamakan buta (kesesatan) berbanding petunjuk.* (Makkīy)

Sūrah Fuṣṣilat : (41) : 17

Melalui pemerhatian ke atas contoh tersebut, kita dapat menyelami bahawa kata nama (الْعَمَى) yang bermaksud buta membawa konotasi (الضَّلَالُ) yang bererti

kesesatan. Lantaran itu, ianya berlawanan makna dengan kata nama (الْهُدَى) yang bererti petunjuk.

5. Firman Allah Ta‘ālā :

وَحَقَّ عَلَيْهِمُ الْقَوْلُ فِي أُمَمٍ قَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِهِمْ مِنَ الْجِنَّ وَالْإِنْسِ

Maksudnya : *(Dengan itu) memang sepatutnya hukuman (azab) atas mereka bersama-sama umat yang terdahulu daripada kalangan jin dan manusia. (Makkīy)*

Sūrah Fuṣṣilat : (41) : 25

Berpaksikan kepada contoh di atas, kita dapat memahami bahawa kata nama (الْجِنَّ) yang bermaksud jin adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْإِنْس) yang membawa pengertian manusia.

6. Firman Allah Ta‘ālā :

وَقَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا رَبَّنَا أَرْنَا الَّذِينَ ضَلَّوْنَا مِنَ الْجِنَّ وَالْإِنْسِ

Maksudnya : *Orang-orang kafir berkata: "Wahai Tuhan kami! Perlihatkanlah kepada kami dua golongan yang telah menyesatkan kami daripada kalangan jin dan manusia. (Makkīy)*

Sūrah Fuṣṣilat : (41) : 29

Daripada spesimen di atas, kita dapat merenungi bahawa kata nama (الْجِنَّ) yang membawa maksud jin adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْإِنْس) yang bererti manusia.

7. Firman Allah Ta‘ālā :

نَحْنُ أَوْلِيَاؤُكُمْ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَفِي الْآخِرَةِ

Maksudnya : *Kami (Allah) menjadi pelindung (penolong) kamu dalam kehidupan dunia dan akhirat. (Makkīy)*

Sūrah Fuṣṣilat : (41) : 31

Maksudnya : *Di akhirat nanti, ada azab yang berat (di sediakan bagi golongan yang hanya mengutamakan kehidupan dunia) dan (ada pula) keampunan besar serta keredaan daripada Allah (disediakan bagi orang-orang yang mengutamakan akhirat). (Ingatlah) kehidupan dunia ini hanyalah kesenangan yang memperdayakan (dalam kepalsuan). (Madaniy)*

Sūrah al-Ḥadīd : (57) : 20

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (الأخرية) yang membawa maksud akhirat adalah berlawanan makna dengan kata nama (الدنيا) yang bererti dunia.

3.58 Analisis Al-Tibāq Dalam Sūrah al-Mujādalah

1. Firman Allah Ta'ālā :

أَلَمْ تَرَ أَنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ^ط مَا يَكُونُ مِنْ جُحَى ثَلَاثَةٍ إِلَّا هُوَ
رَابِعُهُمْ وَلَا خَمْسَةٍ إِلَّا هُوَ سَادِسُهُمْ وَلَا أَدْنَى مِنْ ذَلِكَ وَلَا أَكْثَرَ إِلَّا هُوَ مَعَهُمْ أَيْنَ مَا كَانُوا

Maksudnya : *Apakah kamu tidak memikirkan bahawa Allah mengetahui segala apa yang ada di langit dan di bumi. Tidak ada bicara rahsia antara tiga orang, melainkan Dia yang keempatnya. Tiada (bicara antara) lima orang, melainkan Dia yang keenamnya. Tiada yang kurang (sedikit) daripada bilangan itu dan tiada yang lebih ramai melainkan Dia sentiasa bersama-sama mereka di mana sahaja mereka berada. (Madanī)*

Sūrah al-Mujādalah : (58) : 7

Berpaksikan ayat di atas, kita dapat merenungi bahawa kata nama (السَّمَاوَاتِ) yang membawa maksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضِ) yang bererti bumi. Demikian juga dengan kata nama (أَدْنَى) yang bermaksud kurang membawa konotasi (أَقَلِّ) yang bererti sedikit. Justeru itu, kata nama (أَقَلِّ) adalah berlawanan makna dengan kata nama (أَكْثَرَ) yang bererti banyak.

2. Firman Allah Ta'ālā :

فَلَا تَتَنَجَّوْا بِالْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَمَعْصِيَةِ الرَّسُولِ وَتَتَنَجَّوْا بِالْبِرِّ وَالتَّقْوَى^ط

Maksudnya : *Janganlah kamu berbisik-bisik sesama sendiri (sidang rahsia) untuk melakukan dosa dan permusuhan serta perbuatan derhaka kepada Rasulullah dan (sebaliknya) berbisiklah untuk berbuat kebajikan dan bertakwa. (Madanīy)*

Sūrah al-Mujādalah : (58) : 9

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (الإِثْمُ) yang bermaksud dosa membawa pengertian (الشَّرُّ) yang bererti keburukan. Hal ini berlaku kerana perkara dosa selalunya dikaitkan dengan keburukan. Justeru itu, kata nama (الشَّرُّ) adalah berlawanan makna dengan kata kerja (البرُّ) yang bererti kebaikan.

3.59 Analisis Al-Ṭibāq Dalam Sūrah al-Ḥashr

1. Firman Allah Ta‘ālā :

سَبَّحَ لِلَّهِ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ

Maksudnya : *Segala apa yang ada di langit dan di bumi sentiasa bertasbih kepada Allah. Dia Maha Kuasa lagi Maha Bijaksana.* (Madanīy)

Sūrah al-Ḥashr : (59) : 1

Berpandukan kepada misal di atas, kita dapat menghayati bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah antonim kepada kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi.

2. Firman Allah Ta‘ālā :

وَلَوْلَا أَنْ كَتَبَ اللَّهُ عَلَيْهِمُ الْجَلَاءَ لَعَذَّبُهمْ فِي الدُّنْيَا وَهُمْ فِي الْآخِرَةِ عَذَابُ النَّارِ

Maksudnya : *Kalaulah tidak kerana Allah telah menetapkan pengusiran terhadap mereka, sudah tentulah Dia akan menyiksa mereka di dunia dan mereka akan beroleh azab neraka pada hari akhirat kelak.* (Madanīy)

Sūrah al-Ḥashr : (59) : 3

Berasaskan kepada spesimen tersebut, kita dapat memahami bahawa kata nama (الدُّنْيَا) yang membawa maksud dunia adalah bertentangan makna dengan kata nama (الْآخِرَةُ) yang bererti akhirat.

3. Firman Allah Ta‘ālā :

بَأْسُهُمْ بَيْنَهُمْ شَدِيدٌ تَحْسَبُهُمْ جَمِيعًا وَقُلُوبُهُمْ شَتَّىٰ

Maksudnya : *Permusuhan di antara mereka sesama sendiri amatlah dahsyat. Kamu menyangka mereka bersatu padu sedangkan hati mereka berpecah belah (disebabkan berlainan kepercayaan).* (Madaniy)

Sūrah al-Ḥashr : (59) : 14

Daripada spesimen di atas, kita dapat menanggapi bahawa kata nama (جَمِيعًا)

yang bermaksud bersatu padu adalah berlawanan makna dengan kata nama (شَتَّى)

yang bererti berpecah belah.

4. Firman Allah Ta‘ālā :

لَا يَسْتَوِي أَصْحَابُ النَّارِ وَأَصْحَابُ الْجَنَّةِ أَصْحَابُ الْجَنَّةِ هُمُ الْفَائِزُونَ

Maksudnya : *Tidaklah sama ahli neraka dan ahli syurga. Ahli syurga adalah orang-orang yang beroleh kemenangan (mendapat segala yang diinginkan).* (Madaniy)

Sūrah al-Ḥashr : (59) : 20

Penelitian terhadap ayat di atas akan menunjukkan kepada kita bahawa kata nama (النَّارِ) yang membawa maksud neraka adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْجَنَّةِ) yang bererti syurga.

5. Firman Allah Ta‘ālā :

هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ عَالِمُ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ

Maksudnya : *Dia lah Allah yang tidak ada tuhan melainkan Dia. Allah mengetahui perkara ghaib dan perkara nyata. Dia Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani.* (Madaniy)

Sūrah al-Ḥashr : (59) : 22

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (الغَيْبِ) yang bermaksud perkara ghaib adalah berlawanan makna dengan kata nama (الشَّهَادَةِ) yang bererti perkara nyata.

6. Firman Allah Ta‘ālā :

يُسَبِّحُ لَهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ

Maksudnya : *Segala apa yang ada di langit dan di bumi sentiasa bertasbih kepada Nya. Dia (Allah) Maha Kuasa lagi Maha Bijaksana.* (Madaniy)

Sūrah al-Ḥashr : (59) : 24

Melalui pemerhatian ke atas contoh tersebut, kita dapat menyelami bahawa kata nama (السَّمَاوَاتِ) yang membawa maksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضِ) yang bererti bumi.

3.60 Analisis Al-Ṭibāq Dalam Sūrah al-Mumtaḥanah

1. Firman Allah Ta‘ālā :

وَلَا يَأْتِينَ بِيْهْتِنِ يَفْتَرِيْنَهُ بَيْنَ أَيْدِيْهِمْ وَأَرْجُلِهِمْ

Maksudnya : *Mereka tidak melakukan pembohongan yang mereka adakan antara tangan dan kaki mereka (daripada kemahuan hati mereka).* (Madaniy)

Sūrah al-Mumtaḥanah : (60) : 12

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (أَيْدِيَهُمْ) yang bermaksud tangan mereka adalah berlawanan makna dengan kata nama (أَرْجُلَهُمْ) yang bererti kaki mereka.

3.61 Analisis Al-Ṭibāq Dalam Sūrah al-Ṣaff

1. Firman Allah Ta‘ālā :

سَبَّحَ لِلَّهِ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ

Maksudnya : *Segala apa yang ada di langit dan di bumi sentiasa bertasbih kepada Allah. Dia Maha Kuasa lagi Maha Bijaksana.* (Madaniy)

Sūrah al-Ṣaff : (61) : 1

Berdasarkan kepada contoh di atas, kita mampu menerobos bahawa kata nama (السَّمَوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah antonim kepada kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi.

3.62 Analisis Al-Ṭibāq Dalam Sūrah al-Jumu‘ah

1. Firman Allah Ta‘ālā :

يُسَبِّحُ لِلَّهِ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ الْمَلِكِ الْقُدُّوسِ الْعَزِيزِ الْحَكِيمِ

Maksudnya : *Segala apa yang ada di langit dan di bumi sentiasa bertasbih kepada Allah, Tuhan yang Menguasai (sekalian alam), Maha Suci, Maha Berkuasa dan Maha Bijaksana.*

Sūrah al-Jumu‘ah : (62) : 1

Berpandukan kepada misalan di atas, kita memahami bahawa kata nama (السَّمَوَاتُ) yang bermaksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang membawa pengertian bumi.

2. Firman Allah Ta‘ālā :

ثُمَّ تَرْدُونَ إِلَىٰ عِلْمِ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ فَيُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ

Maksudnya : *Kemudian kamu akan dikembalikan kepada Allah yang mengetahui segala perkara ghaib dan perkara nyata. Lalu Dia menceritakan kepada kamu apa yang kamu telah lakukan.* (Madaniy)

Sūrah al-Jumu‘ah : (62) : 8

Daripada spesimen di atas, kita dapat merenungi bahawa kata nama (الْغَيْبِ) yang bermaksud perkara ghaib adalah berlawanan makna dengan kata nama (الشَّهَادَةِ) yang bererti perkara nyata.

3.63 Analisis Al-Ṭibāq Dalam Sūrah al-Munāfiqūn

1. Firman Allah Ta‘ālā :

وَلِلَّهِ خَزَائِنُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَلَكِنَّ الْمُنَافِقِينَ لَا يَفْقَهُونَ

Maksudnya : *Kepunyaan Allah jua perbendaharaan langit dan bumi, tetapi orang-orang munafik itu tidak memahami (hakikat yang sebenarnya). (Madanīy)*

Sūrah al-Munāfiqūn : (63) : 7

Berdasarkan ayat di atas, kita dapat menghayati bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi.

2. Firman Allah Ta‘ālā :

يَقُولُونَ لَئِنْ رَجَعْنَا إِلَى الْمَدِينَةِ لَيُخْرِجَنَّ الْأَعَزُّ مِنَّا الْأَذَلَّ

Maksudnya : *Mereka (orang munafik) berkata : Sesungguhnya jika kita kembali ke Madinah (dari medan perang), sudah tentu orang-orang mulia (pihak munafik) akan mengusir keluar daripada Madinah orang-orang hina (pihak Islam)". (Madanīy)*

Sūrah al-Munāfiqūn : (63) : 8

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (الْأَعَزُّ) yang bermaksud orang-orang mulia adalah bertentangan makna dengan kata nama (الْأَذَلُّ) yang bererti orang-orang hina.

3.64 Analisis Al-Ṭibāq Dalam Sūrah al-Taghābun

1. Firman Allah Ta‘ālā :

يُسَبِّحُ لِلَّهِ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ

Maksudnya : *Segala apa yang ada di langit dan di bumi sentiasa bertasbih kepada Allah. Bagi Nya jua kuasa pemerintahan dan segala pujian.* (Madaniy)

Sūrah al-Taghābun : (64) : 1

Penelitian terhadap ayat di atas akan menunjukkan kepada kita bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah antonim kepada kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi.

2. Firman Allah Ta‘ālā :

هُوَ الَّذِي خَلَقَكُمْ فَمِنْكُمْ كَافِرٌ وَمِنْكُمْ مُؤْمِنٌ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ

Maksudnya : *Dia (Allah) yang menciptakan kamu. Di antara kamu ada yang kafir dan ada yang beriman. Allah Maha Melihat apa yang kamu kerjakan.* (Madaniy)

Sūrah al-Taghābun : (64) : 2

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (كَافِرٌ) yang bermaksud orang kafir adalah berlawanan makna dengan kata nama (مُؤْمِنٌ) yang membawa pengertian orang beriman.

3. Firman Allah Ta‘ālā :

خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ بِالْحَقِّ وَصَوَّرَكُمْ فَأَحْسَنَ صُوَرَكُمْ

Maksudnya : *Dia (Allah) menciptakan langit dan bumi dengan kebenaran (cara yang berhikmat) dan menentukan rupa bentuk kamu serta memperelokkan rupa kamu.* (Madaniy)

Sūrah al-Taghābun : (64) : 3

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi.

4. Firman Allah Ta‘ālā :

يَعْلَمُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ

Maksudnya : *Dia (Allah) mengetahui apa yang ada di langit dan di bumi.*
(Madaniy)

Sūrah al-Taghābun : (64) : 4

Daripada spesimen di atas, kita dapat menyelami bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi.

5. Firman Allah Ta‘ālā :

عَلِمَ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ الْعَزِيزِ الْحَكِيمِ

Maksudnya : *Dia (Allah) mengetahui semua perkara ghaib dan perkara nyata, (dan Dia jua) Maha Berkuasa lagi Maha Bijaksana.* (Madaniy)

Sūrah al-Taghābun : (64) : 18

Bersumberkan contoh di atas, kita memahami bahawa kata nama (الْغَيْبِ) yang bermaksud perkara ghaib adalah berlawanan makna dengan kata nama (الشَّهَادَةِ) yang bererti perkara nyata.

3.65 Analisis Al-Ṭibāq Dalam Sūrah al-Ṭalāq

1. Firman Allah Ta‘ālā :

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا مَاءً آتَتْهَا سَيَجْعَلُ اللَّهُ بَعْدَ عُسْرٍ يُسْرًا

Maksudnya : Allah tidak membebankan seseorang melainkan (sekadar kemampuan) yang diberikan Allah kepadanya. (Ingatlah) Allah akan memberikan kesenangan sesudah kesusahan. (Madaniy)

Sūrah al-Ṭalāq : (65) : 7

Berpandukan kepada misal di atas, kita dapat menanggapi bahwa kata nama (عُسْرًا) yang membawa maksud kesusahan adalah antonim kepada kata nama (يُسْرًا) yang bererti kesenangan.

2. Firman Allah Ta‘ālā :

لِيُخْرِجَ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ مِنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ

Maksudnya : Supaya Allah mengeluarkan orang-orang beriman dan beramal soleh daripada kegelapan (kesesatan) kepada cahaya (petunjuk). (Madaniy)

Sūrah al-Ṭalāq : (65) : 11

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (الظُّلُمَاتِ) yang membawa maksud kegelapan adalah berlawanan makna dengan kata nama (النُّورِ) yang bererti cahaya.

3. Firman Allah Ta‘ālā :

اللَّهُ الَّذِي خَلَقَ سَبْعَ سَمَوَاتٍ وَمِنَ الْأَرْضِ مِثْلَهُنَّ يَتَنَزَّلُ الْأَمْرُ بَيْنَهُنَّ

Maksudnya : Allah yang menciptakan tujuh petala langit dan (menciptakan) bumi seperti itu. Perintah Allah turun di tengah-tengah antara alam langit dan bumi (semua berjalan menurut peredaran yang telah ditetapkan). (Madaniy)

Sūrah al-Ṭalāq : (65) : 12

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang bermaksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang membawa pengertian bumi.

3.66 Analisis Al-Tibāq Dalam Sūrah al-Mulk

1. Firman Allah Ta'ālā :

الَّذِي خَلَقَ الْمَوْتَ وَالْحَيَاةَ لِيَبْلُوَكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا

Maksudnya : *Dia (Allah) yang menciptakan kematian dan kehidupan untuk menguji kamu (dan menzahirkan keadaan kamu) siapa di antara kamu yang lebih baik amalannya.* (Makkīy)

Sūrah al-Mulk : (67) : 2

Daripada spesimen di atas, kita dapat merenungi bahawa kata nama (الْمَوْتَ) yang bererti kematian adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْحَيَاةَ) yang membawa maksud kehidupan.

3.67 Analisis Al-Tibāq Dalam Sūrah al-Qalam

1. Firman Allah Ta'ālā :

أَفَنَجْعَلُ الْمُسْلِمِينَ كَالْمُجْرِمِينَ

Maksudnya : *Adakah patut Kami (Allah) menjadikan orang-orang Islam (yang taat) sama seperti orang-orang yang berdosa (yang kufur lagi ingkar)?* (Makkīy)

Sūrah al-Qalam : (68) : 35

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (الْمُجْرِمِينَ) yang bererti orang-orang yang berdosa membawa konotasi (الْكَافِرِينَ) yang bererti orang-orang yang mengkufuri segala nikmat Allah. Justeru itu, kata nama (الْكَافِرِينَ) adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْمُسْلِمِينَ) yang membawa maksud orang-orang Islam iaitu mensyukuri segala nikmat Allah.

3.68 Analisis Al-Ṭibāq Dalam Sūrah al-Ḥāqqah

1. Firman Allah Ta‘ālā :

سَخَّرَهَا عَلَيْهِمْ سَبْعَ لَيَالٍ وَثَمَنِيَةَ أَيَّامٍ حُسُومًا

Maksudnya : *Dia (Allah) memerintahkannya (angin kencang) menyerang mereka tujuh malam lapan hari berturut-turut (tanpa henti).*

Sūrah al-Ḥāqqah : (69) : 7

Daripada spesimen di atas, kita dapat menghayati bahawa kata nama (أَيَّامٍ) yang bererti hari membawa pengertian (نَهَارٌ) yang bermaksud siang. Oleh itu kata nama (نَهَارٌ) adalah berlawanan makna dengan kata nama (لَيَالٍ) yang membawa maksud malam.

2. Firman Allah Ta‘ālā :

فِي جَنَّةٍ عَالِيَةٍ , قُطُوفُهَا دَانِيَةٌ

Maksudnya : *Di dalam syurga yang tinggi (darjatnya), buah-buahannya rendah (untuk dipetik).* (Makkīy)

Sūrah al-Ḥāqqah : (69) : 22-23

Berdasarkan ayat di atas, kita dapat merenungi bahawa kata nama (دَانِيَةٌ) yang membawa pengertian sesuatu yang rendah adalah bertentangan makna dengan kata nama (عَالِيَةٌ) yang bererti sesuatu yang tinggi.

3.69 Analisis Al-Ṭibāq Dalam Sūrah al-Ma‘ārij

1. Firman Allah Ta‘ālā :

إِنَّهُمْ يَرَوْنَهُ بَعِيدًا , وَتَرَاهُ قَرِيبًا

Maksudnya : *Sebenarnya mereka memandang azab itu jauh (daripada berlaku) sedangkan Kami (Allah) memandangnya dekat (tetap akan berlaku),* (Makkīy)

Sūrah al-Ma‘ārij : (70) : 6-7

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahwa kata nama (بَعِيدًا) yang membawa maksud jauh adalah berlawanan makna dengan kata nama (قَرِيبًا) yang bererti dekat.

2. Firman Allah Ta‘ālā :

وَالَّذِينَ فِي أَمْوَالِهِمْ حَقٌّ مَّعْلُومٌ لِّلسَّائِلِ وَالْمَحْرُومِ

Maksudnya : Mereka yang pada harta kekayaannya, sudah ada bahagian yang ditentukan bagi orang miskin (yang meminta) dan orang miskin yang menahan diri (daripada meminta). (Makkīy)

Sūrah al-Ma‘ārij : (70) : 24-25

Berasaskan kepada spesimen tersebut, kita dapat menanggapi bahwa kata nama (السَّائِلِ) yang bermaksud orang miskin yang meminta adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْمَحْرُومِ) yang membawa pengertian orang miskin yang tidak meminta.

3. Firman Allah Ta‘ālā :

فَلَا أُقْسِمُ بِرَبِّ الْمَشَارِقِ وَالْمَغْرِبِ إِنَّا لَقَادِرُونَ

Maksudnya : Aku (Allah) bersumpah dengan (kebesaran Ku) Tuhan yang menguasai negeri sebelah timur (tempat terbit matahari, bulan dan bintang) dan negeri sebelah barat (tempat terbenamnya) bahwa sesungguhnya Kami Amat Berkuasa. (Makkīy)

Sūrah al-Ma‘ārij : (70) : 40

Melalui pemerhatian ke atas contoh tersebut, kita memahami bahwa kata nama (الْمَشَارِقِ) yang membawa maksud negeri sebelah timur adalah antonim kepada kata nama (الْمَغْرِبِ) yang bererti negeri sebelah barat.

3.70 Analisis Al-Ṭibāq Dalam Sūrah Nūḥ

1. Firman Allah Ta‘ālā :

قَالَ رَبِّ إِنِّي دَعَوْتُ قَوْمِي لَيْلًا وَنَهَارًا

Maksudnya : (Setelah puas menyeru mereka) Nabi Nuh berdoa dengan berkata: "Wahai Tuhanku, sesungguhnya aku telah menyeru kaum ku siang dan malam (supaya mereka beriman). (Makkīy)

Sūrah Nūḥ : (71) : 5

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (لَيْلًا) yang membawa maksud malam adalah bertentangan makna dengan kata nama (نَهَارًا) yang bererti siang.

2. Firman Allah Ta‘ālā :

وَجَعَلَ الْقَمَرَ فِيهِنَّ نُورًا وَجَعَلَ الشَّمْسَ سِرَاجًا

Maksudnya : Dia (Allah) menjadikan padanya bulan sebagai cahaya serta menjadikan matahari sebagai lampu (yang terang-benderang). (Makkīy)

Sūrah Nūḥ : (71) : 16

Penelitian terhadap ayat di atas akan menunjukkan kepada kita bahawa kata nama (الْقَمَرُ) yang membawa maksud bulan adalah berlawanan makna dengan kata nama (الشَّمْسُ) yang bererti matahari.

3.71 Analisis Al-Ṭibāq Dalam Sūrah al-Jinn

1. Firman Allah Ta‘ālā :

وَأَنَا ظَنَنَّا أَنْ لَنْ نَقُولَ الْإِنْسُ وَالْجِنُّ عَلَى اللَّهِ كَذِبًا

Maksudnya : Sesungguhnya (nyatalah kesalahan) kita menyangka bahawa manusia dan jin sekali-kali tidak akan berani mengatakan sesuatu yang dusta terhadap Allah. (Makkīy)

Sūrah al-Jinn : (72) : 5

Berpandukan kepada misal di atas, kita dapat menghayati bahawa kata nama (الإنسُ) yang membawa maksud manusia adalah berlawanan makna dengan kata nama (الجنُّ) yang bererti jin.

2. Firman Allah Ta‘ālā :

وَأَنَّهُ كَانَ رِجَالٌ مِّنَ الْإِنْسِ يَعُوذُونَ بِرِجَالٍ مِّنَ الْجِنِّ فَزَادُوهُمْ رَهَقًا

Maksudnya : *Sesungguhnya adalah (amat salah perbuatan) beberapa orang manusia meminta perlindungan kepada ketua-ketua golongan jin lalu menjadikan golongan jin bertambah sombong dan jahat. (Makkīy)*

Sūrah al-Jinn : (72) : 6

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (الإنسِ) yang membawa maksud manusia adalah berlawanan makna dengan kata nama (الجنُّ) yang bererti jin.

3. Firman Allah Ta‘ālā :

وَأَنَا لَا نَدْرِي أَشْرَأُرِيدَ بِمَن فِي الْأَرْضِ أَمْ أَرَادَ بِهِمْ رَبُّهُمْ رَشَدًا

Maksudnya : *Sesungguhnya kami tidak mengetahui adakah (dengan adanya kawalan langit yang sedemikian) hendak menimpakan keburukan (bala bencana) kepada penduduk bumi ataupun Tuhan mereka hendak melimpahkan kebaikan kepada mereka? (Makkīy)*

Sūrah al-Jinn : (72) : 10

Daripada spesimen di atas, kita dapat menanggapi bahawa kata nama (رَشَدًا) yang bererti kebijaksanaan membawa konotasi (خَيْرٌ) yang bermaksud kebaikan. Hal ini terjadi kerana seseorang yang bijak biasanya melakukan perkara kebaikan dan menjerumuskan diri dalam kehancuran. Lantaran itu, kata nama (خَيْرٌ) adalah berlawanan makna dengan kata nama (شَرٌّ) yang membawa maksud keburukan.

4. Firman Allah Ta'ālā :

وَأَنَا مِنَ الْمُسْلِمُونَ وَمِنَّا الْقَاسِطُونَ فَمَنْ أَسْلَمَ فَأُولَٰئِكَ تَحَرَّوْا رَشَدًا

Maksudnya : *Sesungguhnya ada di antara kita golongan yang beragama Islam dan ada pula golongan yang menyeleweng dari jalan yang benar (kafir). Oleh itu, sesiapa yang menurut Islam, merekalah golongan yang bersungguh-sungguh mencari dan menurut jalan yang benar. (Makkīy)*

Sūrah al-Jinn : (72) : 14

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (الْقَاسِطُونَ) yang bererti golongan yang menyeleweng membawa pengertian (الْكَافِرُونَ) yang bermakna golongan yang kufur. Kebiasaannya golongan yang menyeleweng akan membiarkan diri mereka melakukan kekufuran terhadap Allah. Justeru itu kata nama (الْكَافِرُونَ) adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْمُسْلِمُونَ) yang membawa maksud golongan Islam.

5. Firman Allah Ta'ālā :

قُلْ إِنِّي لَا أَمْلِكُ لَكُمْ ضَرًّا وَلَا رَشَدًا

Maksudnya : *Katakanlah : Sesungguhnya aku tidak berkuasa mendatangkan sebarang kemudaratan dan tidak juga berkuasa mendatangkan sebarang kebaikan bagi kamu. (Makkīy)*

Sūrah al-Jinn : (72) : 21

Daripada spesimen di atas, kita dapat merenungi bahawa kata nama (رَشَدًا) yang bererti kebijaksanaan membawa konotasi (نَفْعٌ) yang bermaksud manfaat. Hal ini terjadi kerana seseorang yang bijak biasanya melakukan perkara yang memberi manfaat dan melibatkan diri dalam perkara sia-sia. Lantaran itu, kata nama (نَفْعٌ) adalah berlawanan makna dengan kata nama (ضَرًّا) yang membawa maksud kemudaratan

3.72 Analisis Al-Ṭibāq Dalam Sūrah al-Muzzammil

1. Firman Allah Ta‘ālā :

إِنَّ نَاشِئَةَ اللَّيْلِ هِيَ أَشَدُّ وَطْئًا وَأَقْوَمُ قِيلاً , إِنَّ لَكَ فِي النَّهَارِ سَبْحًا طَوِيلًا

Maksudnya : *Sesungguhnya bangun (sembahyang) malam lebih memperkuat jiwa dan lebih betul bacaannya. Sesungguhnya engkau pada siang hari mempunyai urusan yang panjang (banyak).* (Makkīy)

Sūrah al-Muzzammil : (73) : 6-7

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (اللَّيْلِ) yang bermaksud malam adalah berlawanan makna dengan kata nama (النَّهَارِ) yang membawa pengertian siang.

2. Firman Allah Ta‘ālā :

رَبُّ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ فَاتَّخِذْهُ وَكِيلًا

Maksudnya : *Dia lah Tuhan yang menguasai timur dan barat, tiada Tuhan melainkan Dia. Oleh itu, jadikanlah Dia sebagai penjaga mu.* (Makkīy)

Sūrah al-Muzzammil : (73) : 9

Daripada spesimen di atas, kita dapat menanggapi bahawa kata nama (الْمَشْرِقِ) yang membawa maksud timur adalah antonim kepada kata nama (الْمَغْرِبِ) yang bererti barat.

3. Firman Allah Ta‘ālā :

وَاللَّهُ يُقَدِّرُ اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ

Maksudnya : *Allah jua yang menentukan (dengan tepat) kadar masa malam dan siang.* (Makkīy)

Sūrah al-Muzzammil : (73) : 20

Berdasarkan ayat di atas, kita memahami bahawa kata nama (اللَّيْلُ) yang membawa maksud malam adalah bertentangan makna dengan kata nama (النَّهَارُ) yang bererti siang.

3.73 Analisis Al-Ṭibāq Dalam Sūrah al-Muddaththir

1. Firman Allah Ta'ālā :

فَذٰلِكَ يَوْمَئِذٍ يَوْمٌ عَسِيرٌ ۚ عَلٰى الْكٰفِرِيْنَ غَيْرٌ يَّسِيرٌ

Maksudnya : *Hal yang sedemikian adalah saat (berlakunya) hari yang amat rumit. Tiada mudah kepada orang-orang kafir (mengelak azab Nya). (Makkīy)*

Sūrah al-Muddaththir : (74) : 9-10

Daripada spesimen di atas, kita dapat menghayati bahawa kata nama (عَسِيرٌ) yang membawa maksud rumit pada asalnya tidak berlawanan makna dengan kata nama (غَيْرٌ يَّسِيرٌ) yang bererti tiada mudah. Namun begitu, kita tetap mengambil kira penggunaan kata nama (عَسِيرٌ) dan kata nama (يَّسِيرٌ) yang bertentangan makna antara satu sama lain. Justeru itu, kita memasukkan kedua-duanya dalam kategori al-tibāq.

3.74 Analisis Al-Ṭibāq Dalam Sūrah al-Qiyāmah

1. Firman Allah Ta'ālā :

وَجُمِعَ الشَّمْسُ وَالْقَمَرُ

Maksudnya : *Matahari dan bulan dihimpunkan bersama. (Makkīy)*

Sūrah al-Qiyāmah : (75) : 9

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (الشَّمْسُ) yang membawa maksud matahari adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْقَمَرُ) yang bererti bulan.

2. Firman Allah Ta‘ālā :

كَلَّا بَلْ تُحِبُّونَ الْعَاجِلَةَ ، وَتَذُرُونَ الْآخِرَةَ

Maksudnya : *Bahkan kamu sentiasa mencintai kesenangan dunia dan kamu tidak menghiraukan hari akhirat.* (Makkīy)

Sūrah al-Qiyāmah : (75) : 20-21

Penelitian terhadap ayat di atas akan menunjukkan kepada kita bahawa kata nama (العَاجِلَةَ) pada asalnya bermaksud kesegeraan. Namun begitu, penggunaannya di sini membawa pengertian (الدُّنْيَا) yang bermakna dunia. Perkara ini berlaku kerana kebiasaannya penduduk dunia ingin mendapatkan hasil segera atas apa yang mereka lakukan. Justeru itu, kata nama (الدُّنْيَا) adalah antonim kepada kata nama (الْآخِرَةَ) yang bererti akhirat.

3. Firman Allah Ta‘ālā :

فَجَعَلَ مِنْهُ الزَّوْجَيْنِ الذَّكَرَ وَالْأُنثَى

Maksudnya : *Lalu Tuhan menjadikan daripadanya dua jenis iaitu lelaki dan perempuan.* (Makkīy)

Sūrah al-Qiyāmah : (75) : 39

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (الذَّكَرَ) yang membawa maksud lelaki adalah berlawanan makna dengan kata nama (الأُنثَى) yang bererti perempuan.

3.75 Analisis Al-Ṭibāq Dalam Sūrah al-'Insān

1. Firman Allah Ta'ālā :

إِنَّا هَدَيْنَاهُ السَّبِيلَ إِمَّا شَاكِرًا وَإِمَّا كَفُورًا

Maksudnya : *Sesungguhnya Kami (Allah) telah menunjukkan kepadanya (melalui akal dan Rasul) jalan-jalan (yang benar dan yang salah) sama ada ia bersyukur (dengan beriman dan taat) ataupun ia berlaku kufur (dengan mengingkari kebenaran dan menderhaka).*
(Makkīy)

Sūrah al-'Insān : (76) : 3

Berdasarkan ayat di atas, kita dapat merenungi bahawa kata nama (شَاكِرًا) yang bermaksud bersyukur adalah bertentangan makna dengan kata nama (كَفُورًا) yang membawa pengertian kufur.

2. Firman Allah Ta'ālā :

وَأَذْكُرْ اسْمَ رَبِّكَ بُكْرَةً وَأَصِيلًا

Maksudnya : *Sebutlah (dengan lidah atau dalam hati) nama Tuhan mu (di dalam dan di luar sembahyang) pada waktu pagi dan petang.*
(Makkīy)

Sūrah al-'Insān : (76) : 25

Bersumberkan contoh di atas, kita memahami bahawa kata nama (بُكْرَةً) yang membawa maksud pagi adalah berlawanan makna dengan kata nama (أَصِيلًا) yang bererti petang.

3.76 Analisis Al-Ṭibāq Dalam Sūrah al-Mursalāt

1. Firman Allah Ta‘ālā :

عُذْرًا أَوْ نَذْرًا

Maksudnya : *(Al-Quran itu) sebagai pembelaan (kepada orang yang menegakkan kebenaran) dan amaran (kepada orang yang ingkar).* (Makkīy)

Sūrah al-Mursalāt : (77) : 6

Daripada spesimen di atas, kita dapat menanggapi bahawa kata nama (عُدْرًا) yang bererti pembelaan adalah berlawanan makna dengan kata nama (نَذْرًا) yang membawa maksud amaran.

2. Firman Allah Ta‘ālā :

أَلَمْ يُهْلِكِ الْأَوَّلِينَ ، ثُمَّ نُنَبِّئُهُمُ الْآخِرِينَ

Maksudnya : *Bukankah Kami (Allah) telah membinasakan orang-orang terdahulu (kaum yang ingkar)? Kemudian Kami iringi mereka dengan orang-orang terkemudian.* (Makkīy)

Sūrah al-Mursalāt : (77) : 16-17

Melalui pemerhatian ke atas contoh tersebut, kita dapat menyelami bahawa kata nama (الْأَوَّلِينَ) yang membawa maksud orang-orang terdahulu adalah antonim kepada kata nama (الْآخِرِينَ) yang bererti orang-orang terkemudian.

3. Firman Allah Ta‘ālā :

أَحْيَاءَ وَأَمْوَاتًا

Maksudnya : *(Bukankah Kami (Allah) menjadikan bumi sebagai tempat berkumpul untuk) orang yang hidup dan orang yang mati.* (Makkīy)

Sūrah al-Mursalāt : (77) : 26

Berpandukan kepada misal di atas, kita memahami bahawa kata nama (أَحْيَاءٌ) yang membawa maksud orang yang hidup adalah berlawanan makna dengan kata nama (أَمْوَاتًا) yang bererti orang yang mati.

3.77 Analisis Al-Ṭibāq Dalam Sūrah al-Naba'

1. Firman Allah Ta'ālā :

وَجَعَلْنَا اللَّيْلَ لِبَاسًا , وَجَعَلْنَا النَّهَارَ مَعَاشًا

Maksudnya : Kami (Allah) menjadikan malam (dengan kegelapannya) sebagai pakaian (yang menutupi) dan Kami menjadikan siang (dengan cahaya terangnya) untuk mencari penghidupan. (Makkīy)

Sūrah al-Naba' : (78) : 10-11

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (اللَّيْلُ) yang bermaksud malam adalah berlawanan makna dengan kata nama (النَّهَارُ) yang membawa pengertian siang.

2. Firman Allah Ta'ālā :

رَبِّ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا الرَّحْمَنِ لَا يَمْلِكُونَ مِنْهُ خِطَابًا

Maksudnya : Tuhan yang mentadbirkan langit dan bumi serta apa yang ada di antara keduanya, Tuhan yang Maha Pemurah. Tiada sesiapa pun diberi kuasa berkata-kata dengannya (untuk memohon pertimbangan tentang balasan atau pengurniaan). (Makkīy)

Sūrah al-Naba' : (78) : 37

Penelitian terhadap ayat di atas akan menunjukkan kepada kita bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang membawa maksud langit adalah bertentangan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang bererti bumi.

3.78 Analisis Al-Ṭibāq Dalam Sūrah al-Nāzi‘āt

1. Firman Allah Ta‘ālā :

فَأَخَذَهُ اللَّهُ نَكَالَ الْأَخِرَةِ وَالْأُولَىٰ

Maksudnya : Allah menyeksanya (Firaun) sebagai hukuman pengajaran (bagi sesiapa yang mengetahui) di akhirat dan di dunia. (Makkīy)

Sūrah al-Nāzi‘āt : (79) : 25

Berpandukan contoh di atas, kita memahami bahawa kata nama (الْأُولَى) pada asalnya bermaksud penghidupan pertama. Namun begitu, penggunaannya di sini membawa pengertian (الدُّنْيَا) yang bermakna dunia. Perkara ini berlaku kerana dunia merupakan tempat kehidupan pertama bagi sekalian manusia dalam menuju kehidupan abadi di negeri akhirat.. Justeru itu, kata nama (الدُّنْيَا) adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَخِرَةَ) yang bererti akhirat.

2. Firman Allah Ta‘ālā :

وَأَغْطَشَ لَيْلَهَا وَأَخْرَجَ ضُحَاهَا

Maksudnya : Dia (Allah) menjadikan malamnya gelap-gelita dan menjadikan siangya terang-benderang. (Makkīy)

Sūrah al-Nāzi‘āt : (79) : 29

Berasaskan kepada spesimen tersebut, kita dapat menghayati bahawa kata nama (ضُحَاهَا) yang bererti sinar cahaya. Namun begitu, penggunaannya di sini membawa pengertian (النَّهَارُ) yang bermakna siang. Hal ini berlaku kerana apabila sinar cahaya memancar, ia menunjukkan ketibaan waktu siang. Lantaran itu, kata nama (النَّهَارُ) adalah berlawanan makna dengan kata nama (لَيْلَهَا) yang bermaksud malam.

3.79 Analisis Al-Ṭibāq Dalam Sūrah al-Takwīr

1. Firman Allah Ta‘ālā :

أَجْوَارِ الْكُنُسِ

Maksudnya : (iaitu) bintang yang beredar (terbit) dan bintang yang tetap (terbenam). (Makkīy)

Sūrah al-Takwīr : (81) : 16

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (الْجَوَارِ) yang membawa maksud bintang yang beredar adalah antonim kepada kata nama (الْكُنُسِ) yang bererti bintang yang tetap.

2. Firman Allah Ta‘ālā :

وَاللَّيْلِ إِذَا عَسْعَسَ . وَالصُّبْحِ إِذَا تَنَفَّسَ

Maksudnya : Malam ketika telah pergi dan siang ketika telah terang.

Sūrah al-Takwīr : (81) : 17-18

Berpaksikan ayat di atas, kita dapat merenungi bahawa kata nama (الصُّبْحِ) yang bermaksud subuh. Namun begitu, penggunaannya di sini membawa pengertian (النَّهَارُ) yang bermakna siang. Hal ini berlaku kerana apabila waktu subuh menjelang, ia menandakan kemunculan waktu siang. Lantaran itu, kata nama (النَّهَارُ) adalah berlawanan makna dengan kata nama (اللَّيْلِ) yang bermaksud malam.

3.80 Analisis Al-Ṭibāq Dalam Sūrah al-Burūj

1. Firman Allah Ta‘ālā :

وَشَٰهِدٍ وَمَشْهُودٍ

Maksudnya : (Hari pembalasan yang dijanjikan) serta saksi (Nabi) dan yang disaksikan (umat). (Makkīy)

Sūrah al-Burūj : (85) : 3

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (شَٰهِدٍ) yang membawa maksud saksi adalah berlawanan makna dengan kata nama (مَشْهُودٍ) yang bererti yang disaksikan Keadaan ini dikategorikan sebagai al-tibāq dalam bentuk gambaran baru.

2. Firman Allah Ta‘ālā :

الَّذِي لَهُ مَلَكُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ شَٰهِدٌ

Maksudnya : Tuhan yang menguasai segala alam langit dan bumi. (Ingatlah) Allah sentiasa menyaksikan setiap sesuatu. (Makkīy)

Sūrah al-Burūj : (85) : 9

Berpandukan kepada misal di atas, kita mampu menerobos bahawa kata nama (السَّمَاوَاتُ) yang bermaksud langit adalah antonim kepada kata nama (الْأَرْضُ) yang membawa pengertian bumi.

3.81 Analisis Al-Ṭibāq Dalam Sūrah al-'Alā

1. Firman Allah Ta‘ālā :

بَلْ تُؤْتُونَ الْحَيٰوةَ الدُّنْيَا , وَالْآخِرَةَ خَيْرًا وَأَبْقَىٰ

Maksudnya : Bahkan kamu mementingkan kehidupan dunia sedangkan kehidupan akhirat adalah lebih baik dan lebih kekal. (Makkīy)

Sūrah al-'Alā : (87) : 16-17

Daripada spesimen di atas, kita dapat menanggapi bahawa kata nama (الدُّنْيَا) yang membawa maksud dunia adalah berlawanan makna dengan kata nama (الأَخِرَّة) yang bererti akhirat.

3.82 Analisis Al-Ṭibāq Dalam Sūrah al-Ghāshiyah

1. Firman Allah Ta‘ālā :

فِيهَا سُرُرٌ مَّرْفُوعَةٌ , وَأَكْوَابٌ مَّوْضُوعَةٌ

Maksudnya : *Di dalamnya ada kerusi panjang yang ditinggikan dan gelas-gelas yang diletakkan (di bawah).* (Makkīy)

Sūrah al-Ghāshiyah : (88) : 13-14

Melalui pemerhatian ke atas contoh tersebut, kita memahami bahawa kata nama (مَرْفُوعَةٌ) yang membawa maksud ditinggikan adalah berlawanan makna dengan kata nama (مَوْضُوعَةٌ) yang bererti direndahkan iaitu diletakkan di bawah..

3.83 Analisis Al-Ṭibāq Dalam Sūrah al-Fajr

1. Firman Allah Ta‘ālā :

وَالشَّفَعِ وَالْوَتْرِ

Maksudnya : *(Demi) bilangan yang genap dan ganjil (dua atau tiga hari selepas ‘Idil Adha).* (Makkīy)

Sūrah al-Fajr : (89) : 3

Daripada spesimen di atas, kita dapat menghayati bahawa kata nama (الشَّفَعِ) yang membawa maksud bilangan yang genap adalah berlawanan makna dengan kata nama (الوَتْرِ) yang bererti bilangan yang ganjil.

3.84 Analisis Al-Ṭibāq Dalam Sūrah al-Balad

1. Firman Allah Ta‘ālā :

أُولَئِكَ أَصْحَابُ الْمَيْمَنَةِ , وَالَّذِينَ كَفَرُوا بِآيَاتِنَا هُمْ أَصْحَابُ الْمَشْأَمَةِ

Maksudnya : *Mereka adalah golongan sebelah kanan (yang akan beroleh syurga). (Sebaliknya) orang-orang yang mengkufuri ayat-ayat keterangan Kami, mereka adalah golongan sebelah kiri.* (Makkīy)

Sūrah al-Balad : (90) : 18-19

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (الْمَيْمَنَةُ) yang membawa maksud golongan sebelah kanan adalah bertentangan makna dengan kata nama (الْمَشْأَمَةُ) yang bererti golongan sebelah kiri.

3.85 Analisis Al-Ṭibāq Dalam Sūrah al-Shams

1. Firman Allah Ta‘ālā :

وَالشَّمْسُ وَضُحَاهَا ﴿١﴾ وَالْقَمَرَ إِذَا تَلَّهَا

Maksudnya : *Demi matahari dan cahayanya yang terang-benderang serta bulan apabila ia mengiringinya (mengambil cahaya daripada matahari).* (Makkīy)

Sūrah al-Shams : (91) : 1-2

Penelitian terhadap ayat di atas akan menunjukkan kepada kita bahawa kata nama (الشَّمْسُ) yang membawa maksud matahari adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْقَمَرُ) yang bererti bulan.

2. Firman Allah Ta‘ālā :

وَالنَّهَارِ إِذَا جَلَّتْهَا ﴿٢﴾ وَاللَّيْلِ إِذَا يَغْشَاهَا

Maksudnya : *Demi siang ketika ia memperlihatkan terangnya dan malam apabila ia menutupi (cahaya siang).* (Makkīy)

Sūrah al-Shams : (91) : 3-4

Berpandukan kepada misal di atas, kita dapat merenungi bahawa kata nama (النَّهَارُ) yang membawa maksud siang adalah antonim kepada kata nama (اللَّيْلُ) yang bererti malam.

3. Firman Allah Ta‘ālā :

وَالسَّمَاءِ وَمَا بَنَدَهَا ۖ وَالْأَرْضِ وَمَا طَحَنَهَا

Maksudnya : *Demi siang ketika ia memperlihatkan terangnya.dan malam apabila ia menutupi (cahaya siang). (Makkīy)*

Sūrah al-Shams : (91) : 5-6

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (السَّمَاءُ) yang bermaksud langit adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأَرْضُ) yang membawa pengertian bumi.

4. Firman Allah Ta‘ālā :

فَأَهْمَهَا جُورَهَا وَتَقْوَاهَا

Maksudnya : *Lalu mengilhamkannya (untuk mengenal) jalan kejahatan dan jalan ketakwaan. (Makkīy)*

Sūrah al-Shams : (91) : 8

Bersumberkan contoh di atas, kita dapat menanggapi bahawa kata nama (تَقْوَى) yang bererti jalan ketakwaan membawa pengertian (خَيْرٌ) yang bermakna jalan kebaikan. Hal ini berlaku kerana biasanya orang yang bertakwa sentiasa melakukan amalan yang menuju jalan kebaikan. Justeru itu, kata nama (خَيْرٌ) adalah berlawanan makna dengan kata nama (فَجُورٌ) yang membawa maksud jalan kejahatan.

3.86 Analisis Al-Ṭibāq Dalam Sūrah al-Layl

1. Firman Allah Ta‘ālā :

وَاللَّيْلِ إِذَا يَغْشَىٰ ۖ وَالنَّهَارِ إِذَا تَجَلَّىٰ

Maksudnya : *Demi malam apabila ia menyelubungi (cahaya) dan siang apabila ia terang-benderang. (Makkīy)*

Sūrah al-Layl : (92) : 1-2

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (اللَّيْلِ) yang membawa maksud malam adalah berlawanan makna dengan kata nama (النَّهَارُ) yang bererti siang.

2. Firman Allah Ta‘ālā :

وَمَا خَلَقَ الذَّكَرَ وَالْأُنثَىٰ

Maksudnya : *Demi terciptanya (makhluk-makhlukNya) lelaki dan perempuan (jantan dan betina. (Makkīy)*

Sūrah al-Layl : (92) : 3

Berpaksikan contoh di atas, kita mendapati bahawa kata nama (الذَّكَرُ) yang membawa maksud lelaki adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْأُنثَىٰ) yang bererti perempuan.

3. Firman Allah Ta‘ālā :

وَإِنَّا لَنَّا لِلْآخِرَةِ وَالْأُولَىٰ

Maksudnya : *Sesungguhnya Kami (Allah) yang menguasai hari akhirat dan alam dunia. (Makkīy)*

Sūrah al-Layl : (92) : 13

Berpandukan contoh di atas, kita dapat menghayati bahawa kata nama (الْأُولَىٰ) pada asalnya bermaksud penghidupan pertama. Namun begitu, penggunaannya di sini

membawa pengertian (الدُّنْيَا) yang bermakna dunia. Perkara ini berlaku kerana dunia merupakan tempat kehidupan pertama bagi sekalian manusia dalam menuju kehidupan abadi di negeri akhirat.. Justeru itu, kata nama (الدُّنْيَا) adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْآخِرَةَ) yang bererti akhirat.

3.87 Analisis Al-Ṭibāq Dalam Sūrah al-Ḍuḥā

1. Firman Allah Ta‘ālā :

وَلَلْآخِرَةُ خَيْرٌ لَّكَ مِنَ الْأُولَىٰ

Maksudnya : *Sesungguhnya hari akhirat adalah lebih baik bagi mu daripada kehidupan dunia.* (Makkīy)

Sūrah al-Ḍuḥā : (93) : 4

Berpandukan contoh di atas, kita memahami bahawa kata nama (الْأُولَىٰ) pada asalnya bermaksud penghidupan pertama. Namun begitu, penggunaannya di sini membawa pengertian (الدُّنْيَا) yang bermakna dunia. Perkara ini berlaku kerana dunia merupakan tempat kehidupan pertama bagi sekalian manusia dalam menuju kehidupan abadi di negeri akhirat.. Justeru itu, kata nama (الدُّنْيَا) adalah berlawanan makna dengan kata nama (الْآخِرَةَ) yang bererti akhirat.

3.88 Analisis Al-Ṭibāq Dalam Sūrah al-’Inshirāḥ

1. Firman Allah Ta‘ālā :

فَإِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا

Maksudnya : *Oleh itu, (tetapkanlah keyakinanmu) bahawa sesungguhnya setiap kesukaran pasti disertai kesenangan.* (Makkīy)

Sūrah al-’Inshirāḥ : (94) : 5

Melalui pemerhatian ke atas contoh tersebut, kita dapat merenungi bahawa kata nama (العُسْر) yang membawa maksud kesusahan adalah antonim kepada kata nama (يُسْرًا) yang bererti kesenangan.

2. Firman Allah Ta‘ālā :

إِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا

Maksudnya : *(Sekali lagi ditegaskan) bahawa sesungguhnya setiap kesukaran (kesusahan) pasti disertai kesenangan. (Makkīy)*

Sūrah al-'Inshirāh : (94) : 6

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (العُسْر) yang membawa maksud kesusahan adalah bertentangan makna dengan kata nama (يُسْرًا) yang bererti kesenangan.

3.89 Analisis Al-Ṭibāq Dalam Sūrah al-Bayyinah

1. Firman Allah Ta‘ālā :

أُولَئِكَ هُم شَرُّ الْبَرِيَّةِ ﴿٦٧﴾ إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ أُولَئِكَ هُم خَيْرُ الْبَرِيَّةِ

Maksudnya : *mereka itulah (orang-orang kafir) sejahat-jahat makhluk. Seungguhnya orang-orang yang beriman dan beramal soleh, mereka itulah sebaik-baik makhluk. (Madanīy)*

Sūrah al-Bayyinah : (98) : 6-7

Daripada spesimen di atas, kita dapat menyelami bahawa kata nama (شَرٌّ) yang bermaksud sejahat-jahat adalah berlawanan makna dengan kata nama (خَيْرٌ) yang membawa pengertian sebaik-baik.

3.90 Analisis Al-Ṭibāq Dalam Sūrah al-Zilzāl

1. Firman Allah Ta‘ālā :

فَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ ﴿٩٩﴾ وَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُ

Maksudnya : *Sesiapa yang berbuat kebajikan seberat zarah, pasti akan dilihatnya (dalam surat amalan). Sesiapa yang berbuat kejahatan seberat zarah, pasti akan dilihatnya (dalam surat amalan).* (Madanīy)

Sūrah al-Zilzāl : (99) : 7-8

Berdasarkan ayat di atas, kita dapat menanggapi bahawa kata nama (خَيْرًا) yang membawa maksud kebajikan adalah berlawanan makna dengan kata nama (شَرًّا) yang bererti kejahatan.

3.91 Analisis Al-Ṭibāq Dalam Sūrah Quraysh

1. Firman Allah Ta‘ālā :

إِلَيْهِمْ رِحْلَةَ الْشِّتَاءِ وَالصَّيْفِ

Maksudnya : *Perlindungan mereka selama perjalanan (menguruskan perniagaan) pada musim sejuk (ke negeri Yaman) dan pada musim panas (ke negeri Syam).* (Makkīy)

Sūrah Quraysh : (106) : 2

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (الشِّتَاءِ) yang bererti musim sejuk adalah bertentangan makna dengan kata nama (الصَّيْفِ) yang membawa maksud musim panas.

3.92 Analisis Al-Ṭibāq Dalam Sūrah al-Nās

1. Firman Allah Ta‘ālā :

مِنَ الْجِنَّةِ وَالنَّاسِ

Maksudnya : *(Syaitan yang membisikkan ke dalam hati manusia) daripada kalangan jin dan manusia.* (Makkīy)

Sūrah al-Nās : (114) : 6

Berpandukan kepada misal di atas, kita mampu menerobos bahawa kata nama (الجِنَّة) yang bermaksud jin adalah berlawanan makna dengan kata nama (النَّاس) yang membawa pengertian manusia.

3.93. Penutup

Adalah diharapkan pencarian al-Ṭibāq dalam keseluruhan al-Qur'ān al-Karīm akan menjadi suatu momentum kepada anjakan paradigma pemikiran masyarakat dalam mengenal pasti dua perkara yang berbeza ke arah kemakmuran hidup dalam politik, ekonomi, sosial dan sebagainya. Semoga ia menjadi pemangkin kepada usaha berterusan para pengkaji bagi mendalam disiplin al-Ṭibāq antara kata kerja, partikel dan lain-lain lagi.